



akhbar MARA SISWA

Yang dinamik, yang progresif

Universiti Pertanian Malaysia

JILID 1 BIL. 4

FEBRUARI/MAC 1991

Jihad Basmi Kemiskinan, Sisw/i UPM Sahut Seruan Kerajaan.

46 SERTAI YBK

SA Aid MAJID



Beberapa orang anggota Pasukan Sukarelawan YBK sedang mengenal pasti keluarga termiskin.

SERAMAI 46 mahasiswa dan mahasiswi dari pelbagai program pengajian Universiti Pertanian Malaysia (UPM) bertekad menjadi anggota Pasukan Sukarelawan Yayasan Basmi Kemiskinan (YBK) sepanjang hayat.

Pasukan Sukarelawan YBK ditubuhkan setelah mereka menghadiri Kursus Sukarelawan YBK yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Kajian Maklumat dan Program Yayasan Basmi Ke-

miskinan di Kolej Kedi-aman Ke-5 (KK5) UPM baru-baru ini.

Kursus yang berlangsung selama tiga hari itu, khas bagi memberi pengetahuan kepada peserta berkenaan dengan kemiskinan dan konsep kesukarelawan.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Kajian Maklumat dan Program YBK, Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin, Objektif Kesukarelawan YBK ini ialah:

* Untuk memahami

dan menghayati konsep sukarelawan;

* Untuk memahami dan menghayati konsep kemiskinan;

* Untuk merangka pengendalian program kesukarelawan YBK;

* Meneliti perkara-perkara yang perlu ada pada seseorang kesukarelawan.

Pembentang kertas kerja dan fasilitator yang terlibat sepanjang kursus itu ialah Dr. Othman Omar, Encik

Mohd. Radzi Abd. Latif, Tuan Haji Ali Yacob, Dr. Zahid Emby, Dr. Md. Salleh Haji Hassan, Dr. Sahak Mamat, Dr. Abdul Aziz Muhamad, Encik Abdul Rahim Raffiee, Encik Muhamad Sani Marlan, Mohd. Hanim Mohd. Tahir dan Encik Hassan Jamil.

Antara tajuk kertas kerja yang dibentangkan ialah Apa Itu YBK, Konsep Sukarelawan, Peranan Sukarelawan, Konsep Amanah, Me-

mahami Kemiskinan, Sikap Tanggapan dan Pemahaman Sikap Orang Miskin, Memahami Situasi Kemiskinan dan Kecekapan Komunikasi.

Di samping mendengar pembentangan kertas-kertas kerja, peserta kursus juga menonton tayangan video yang memaparkan kehidupan orang-orang miskin di Malaysia dan membuat aktiviti Latihan Dalam Kumpulan (LDK) yang membincangkan pelba-

gai hal kemiskinan.

Setelah tamat kursus, semua peserta telah menjalani latihan praktik kajian kemiskinan di seluruh kampung-kampung di negeri Selangor Darul Ehsan.

Anggota Pasukan Sukarelawan YBK sepakat untuk terus menjadi anggota pasukan ini setelah tamat pengajian di universiti dan berharap mereka akan menjadi pasukan sukarelawan yang bertaraf sama ada profesional pada masa akan datang.

narnya tentang kehidupan orang-orang miskin di Bangunan Buluh Perindu, Morib, Selangor Darul Ehsan.

Anggota Pasukan Sukarelawan YBK sepakat untuk terus menjadi anggota pasukan ini setelah tamat pengajian di universiti dan berharap mereka akan menjadi pasukan sukarelawan yang bertaraf sama ada profesional pada masa akan datang.

Di dalam

- CERPEN OMBAK
- WASPADA PANGGILAN TELEFON!
- NOSTALGIA
- CORETAN RASA
- KUIZ BUDAYA
- HOME COMING
- GELAGAT

143 PELAJAR DIBERHENTIKAN

Oleh:
Zain Ariff

567 lagi diletakkan dalam peringkat percubaan pada keputusan peperiksaan Semester Julai sesi 1990/1991.

SERAMAI 143 pelajar Universiti Pertanian Malaysia diberhentikan dan 567 lagi diletakkan dalam peringkat percubaan pada keputusan peperiksaan Semester Julai sesi 1990/1991 yang lalu.

Naib Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin berkata, keputusan itu pada peringkat universiti menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar masih berada pada tahap pemulihan.

Katanya, kegagalan pelajar menimbulkan dua pemikiran iaitu per-



Tan Sri Dr. Nayan Ariffin

tama berpendapat sebagai satu perkara biasa dalam pendidikan universiti dan untuk mengekalkan kecemerlangan akademik sebilangan pelajar mesti diga-

galkan.

Golongan ini juga berpendapat bahawa ke-layakan masuk yang tinggi sahajalah yang dapat menjamin kecemerlangan akademik di kalangan pelajar.

Beliau berkata demikian di majlis perasmian Hari Fakulti Pengajian Pendidikan ke-16. Sempena Hari Fakulti itu diadakan pelancaran buku akademik oleh pensyarah FPP, Sukaneka dan Simposium sehari.

Tan Sri Dr. Nayan berkata, ada pendapat

kedua yang mengatakan bahawa setiap pelajar yang mempunyai ke-layakan minimum jika diberi peluang dan dorongan oleh pengajarnya boleh mencapai kejayaan yang cemerlang.

Dalam hal ini, pensyarah bukan sahaja sebagai penyampai ilmu tetapi juga sebagai pembimbing dan memberi inspirasi kepada pelajar terbabit.

Universiti lebih percaya kepada pendapat kedua dan adalah tidak wajar untuk mencari kesalahan mereka tetapi

yang paling penting ialah mencari jalan bagaimana hendak menjamin kejayaan yang lebih cemerlang.

Di majlis itu juga beliau mengucapkan terima kasih kepada pensyarah di atas kegigihan, ketabahan serta dedikasi mereka dapat menghasilkan buku akademik.

Mereka ialah Pengarah Pusat Islam, Prof. Madya Dr. Amat Juhari Moain (Sistem Panggilan Dalam Bahasa Melayu), Dr. Noran Fauziah Yaakub dan Dekan

Pengajian Siswazah, Prof. Dr. Ahmad Mahdzan Ayob (Guru dan Pengurusan).

Encik Majid Konting (Kaedah Penyelidikan Pendidikan) dan Puan Habibah Elias dan Puan Rahyl Mahyuddin pula menulis buku Psikologi Pembelajaran.

Tan Sri Dr. Nayan berkata pihaknya mengalu-alukan pegawai akademiknya memperkayakan ilmu menerusi penulisan yang berbentuk akademik sama ada buku atau artikel dalam jurnal profesional.

as/M
1991
15

LIDAH PENGARANG

Banyak yang sependapat, sama ada pemerhati-pemerhati politik kampus mahupun orang perseorangan termasuk sebahagian kecil pelajar sendiri bersetuju bahawa Pilihanraya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada sesi 1990/91 adalah "sepi" seperti beberapa pilihanraya yang lalu.

Ada pihak yang secara berjenaka berkata "Pilihanraya Umum Negara" berjalan dalam suasana yang "panas" dan menggegarkan. Tetapi mahasiswa tidak menjadi panas dan tidak menggegarkan ketika menghadapi pilihanraya mereka.

Sepi atau tidak sepi, panas atau tidak panasnya pilihanraya pelajar yang baru lalu itu, perkara tersebut sudah pun berlalu. Tetapi satu pembaharuan di kalangan mahasiswani telah terjelma hasil dari pilihanraya tersebut.

Pembaharuan kepada rupa MPP tahun ini nampaknya datang dari para pelajar sendiri. Datang dari kemahuan dan cita-cita mereka.

Selama 10 tahun mahasiswani membariskan muka-muka pemimpin mereka (MPP) terdiri dari mahasiswa semata-mata. Walaupun ditinjau dari peratus yang mengundi, ternyata mahasiswani mempunyai kelebihan. Tapi peranan mereka sebagai pengundi semata-mata itu nampaknya sudah tidak kekal lagi kali ini.

Dalam barisan MPP atau Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia 1990/91 terdapat dua orang siswi yang telah dipilih bagi menganggotai MPP yang seramai 27 orang itu. Ini satu pembaharuan yang menggegarkan.

Siswi-siswi yang terpilih itu ialah Faiezah

bt. Jaafar yang mendapat undi sebanyak 423 atas tiket Fakulti Ekonomi dan Pengurusan. Seorang lagi ialah Raja Hasni bt. Raja Hassan yang mendapat undi sebanyak 334 di atas tiket Fakulti Pengajian Pendidikan. Mereka telah dilantik bagi mengetuai Sekretariat Penerbitan dan Sekretariat Hal-Ehwal Siswi. Kedua-dua siswi ini telah menduduki tangga kedua dari segi jumlah undi yang mereka peroleh di dalam pilihanraya lalu di peringkat fakulti masing-masing.

Prof. Dr. Sulaiman Haji Mohd. Yassin, Timbalan Naib Canselor Hal-Ehwal Pelajar ketika mengulas tentang pilihanraya 1990/91 ini berkata....

"Bahagian HEP telah berusaha sekian lama untuk membawa mahasiswani ke tampuk pimpinan kampus.... akhirnya kita bersama-sama pelajar berjaya juga!

Masyarakat kampus dan negara harus bersabar untuk melihat beberapa di antara

siswi-siswi di menara gading yang hijau ini berjaya mempamerkan kualiti kepimpinan yang tinggi. Tanda-tanda itu sudah kelihatan!"

Baru-baru ini KAM sempat menemubual seorang pegawai di Unit Perhubungan Pelajar HEP mengenai prestasi kedua-dua pemimpin ini. Mengikut beliau setakat ini terdapat empat aktiviti yang telah mereka usaharancang. Satu daripadanya berbentuk bersiri dan sedang berjalan.

Citarasa baru ini seperti berlaku dalam keadaan yang diam dan senyap. Diam dan senyap kerana tenggelam oleh pandangan-pandangan negatif yang menghukum membuta tuli. KAM ingin menyeru - mari kita bersama-sama TNC, kita sambut perubahan baru ini bukan dengan permaidani merah tetapi dengan memberi galakan menerusi sokongan peribadi, moral dan sebagainya terhadap aktiviti-aktiviti anjuran mereka dan MPP amnya.

SELAMAT BERTUGAS DAN BERKHIDMAT UNTUK AGAMA, BANGSA DAN NEGARA.

**SIDANG
REDAKSI**
akhbar yang dinamik, yang progresif
MAHASISWA
Universiti Pertanian Malaysia

Ketua Editor:
Zain Ariff

Editor:
Norhanida Noordin Merican
Hasani Hassan

Ketua Penyunting:
Saa'id Majid

Ketua Rekabentuk:
Hussain Osman

Ketua Pengedaran:
Norazuwa Mohd. Pahri

Ketua Pengiklanan:
Ahmad Jusoh
Nik Shafirudin Nik Shahar Shah

Pemberita:
Anggota Kelab Akhbar Mahasiswa

SELAMAT TAHUN BARU

SAUDARA-SAUDARI pembaca sekalian, kita telah pun melangkah ke ambang 1991 yang telah hampir sebulan berlalu. Masih bisa agaknya jika kami, ahli-ahli Kelab Mahasiswa UPM, mengucapkan 'Selamat Tahun Baru' dan moga prestasi kita semakin meningkat dan perjalanan aktiviti semakin lancar.

Tahun 1990 berlalu begitu cepat sekali. Pastinya kenangan lalu akan terimbas lagi sekiranya kita melalui detik-detik yang sama di tahun ini.

Seperti biasa, azam 'dipasang', tetapi kurang memberikan kesan kepada kita. Kita masih lagi mampu tersenyum walaupun penyelesaiannya belum lagi ditemui. Tetapi lebih malang lagi jika seseorang tidak mempunyai azam. Mereka lebih seronok melakukan perkara yang sama tanpa mengira keuntungan dan kesan kepada diri mereka.

Berbalik kepada mereka yang pantas mengeluarkan berbagai azam,



Gambar hiasan. Pelajar membuat perbincangan.

mungkinkah azam ini telah pun tersemat di fikiran mereka sebelum detik dua belas tengah malam lagi? Dapatkah mereka berkongsi azam ini untuk dijadikan aspirasi kepada orang lain juga? Segalanya itu adalah bergantung kepada individu itu sendiri, 'tepek dada tanyalah selera'.

Azam yang dikumpulkan boleh juga mendevasakan kita. Bagaimanakah yang dikatakan 'dewasa' itu? Pada peringkat pertamanya,

azam itu dapatlah dijadikan suatu teladan dan memupuk daya usaha yang gigih. Ia juga merupakan inisiatif kepada individu dengan memberangsangkan sikap-sikap positif yang difikirkan perlu ada bagi dirinya.


Kami sempat menemubual beberapa orang mahasiswa yang berazam untuk memperbaiki akademik dan tidak ingin membuang masa mereka lagi. Syabas! Diucapkan. Biarlah

azam itu ditanamkan di hati dan bersungguh-sungguh melakukannya di sepanjang tahun 1991 dan tahun-tahun yang berikutnya. Mungkin kepada mahasiswa yang tidak sempat ditemui, mempunyai azam yang lebih baik.

Pada malam sambutan tahun baru lalu, sege-lintir mahasiswa tidak ketinggalan hadir di Dataran Merdeka. Masing-masing begitu ghairah untuk menyambut tahun baru bersama orang

Kuala Lumpur. Barangkali, mereka ini lebih berjiwa 'patriotik'. Mahasiswa ini menghargai usia zaman ini selama berada di negara Malaysia yang aman dan sentosa. Anehnya, ada yang pulang hampir ke subuh. Agaknya, apalah aktiviti-aktiviti mereka di sana ya? Mungkin yang baru atau 'terbaru'!

EWA



Prof. Dr. Sulaiman sedang mengalungkan kad wartawan Akhbar Mahasiswa.

KAM ambilalih projek menerbitkan sebuah buku

PENULISAN SANGAT PENTING KATA TNC HEP Oleh: Bakhari Ariff

TIMBALAN Naib Canselor (HEP), Prof. Dr. Sulaiman Hj. Mohd. Yassin menyifatkan kemahiran menulis adalah sangat penting kepada mahasiswa malahan katanya, ia sepatutnya menjadi prinsip untuk diamalkan oleh para pegawai juga.

"Penulisan jangan setakat di universiti sahaja tetapi mesti melewati sehingga bergraduat nan-

ti" kata beliau semasa majlis Ramah Mesra dengan Kelab Akhbar Mahasiswa (KAM) pada 16hb. Januari baru-baru ini.

"Dalam syarikat, keadaan meminta untuk menulis dengan tepat dan boleh menyampaikan apa yang perlu sangat-sangat diharapkan oleh ketua", katanya.

Turut hadir sama dalam majlis ini ialah

Pengetua Kolej Pertama, Prof. Madya Dr. Yahaya Mat Hassan, Ketua Penolong Pendaftaran, Encik Yahaya Salim, Penyunting Kanan Canselori, Tuan Haji Afifi bin Ahmad, Penolong-penolong Pendaftaran Hal-Ehwal Pelajar dan lain-lain lagi.

Berkenaan dengan permintaan KAM tentang kamera, tape recorder dan layout table, be-

liau menganggap itu semua merupakan "barang-barang dapur" yang sepatutnya HEP membantu dari awal lagi.

Selain itu, dalam majlis yang sama, beliau telah mempelawa KAM supaya mengambil alih satu projek untuk menerbitkan sebuah buku yang bertemakan universiti serta gambar-gambar yang menarik

EMPAT JABATAN PENDIDIKAN

Norhanida Noordin Merican

FAKULTI Pengajian Pendidikan merancang empat jabatan yang berasingan iaitu Jabatan Asas Pendidikan, Jabatan Pendidikan Vokasional, Jabatan Pendidikan Jasmani dan Jabatan Bimbingan dan Kaunseling.

Manakala Jabatan Bahasa pula akan menjadi Jabatan Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa Inggeris dan Jabatan Kemahiran Bahasa.

Jabatan Kemahiran Bahasa ini akan diperkukuhkan untuk membolehkannya berdiri sendiri sebagai bahagian tersendiri yang bertaraf Pusat Bahasa.

Dekan FPP, Prof. Madya Mohd. Shah Haji Lassim berkata demikian di Hari Majlis Fakulti FPP Ke-16.

Hari Fakulti dirasmikan oleh Naib Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin dan turut hadir ialah Timbalan Pengarah 11 Dewan Bahasa dan Pustaka, Haji Shaari Abdullah dan Pengarah Institut Aminuddin Baki, Dr. Hussein Mohamad.

Selain itu, beberapa program baru telah dicadangkan untuk ditawarkan oleh fakulti ini seperti program Bachelor Sains dengan dua pengkhususan iaitu Sains Sukan serta Kaunseling dan Komuniti Industri.

Katanya, program yang sedia ada akan ditambah kepada dua pengkhususan iaitu Pengajian Teknikal dan Vokasional serta Pengajaran Kesusasteraan Melayu.

Di samping itu, fakulti ini juga akan menawarkan program Diploma Pendidikan lepas ijazah.

Manakala Jabatan Sains Kemasyarakatan akan terkeluar dari pentadbiran FPP sekiranya Fakulti Ekologi Manusia diwujudkan seperti yang dirancangkan.


Sempena Hari FPP, Tan Sri Dr. Nayan telah menyampaikan hadiah kecemerlangan akademik FPP kepada Hashimah Ibrahim, pelajar BP (B&K) yang menerima perisai pusingan Shah.

Turut menerima hadiah ialah pelajar terbaik Jabatan Pendidikan, Abdul Malek Abdul Rahman (B&K) menerima piala pusingan Kamariah Abu Bakar, pe-

lajar terbaik Jabatan Bahasa, Ahmad Abu (piala pusingan Hamid Mahmood), pelajar terbaik Sains Pertanian, Hassan Basri Nordin (perisai pusingan Nazar).

Pelajar terbaik program PBMB, Muttakal Haton (piala pusingan Al-Jauhari), pelajar terbaik Tesl, Rashidah Begam O.A. Rajak (piala pusingan Zain Ali), pelajar terbaik P.J., Hung Leng Hua (pingat emas Persatuan Pendidikan Jasmani Malaysia).

Pelajar terbaik B&K, Abdul Malek Abdul Rahman (piala pusingan Sham) dan pelajar terbaik SRT, Ong Choon Kim menerima piala pusingan Hapsah Nawawi.



Dekan dan Timbalannya bersama Tan Sri Dr. Nayan Ariffin pada hari fakulti.

UPM DAN YNU JALANKAN PENYELIDIKAN HUTAN

Muhammad Zawawi bin Yusof

UNIVERSITI Pertanian Malaysia (UPM) dan Yokohama National University (YNU) dari Jepun akan menjalankan satu projek penyelidikan bernilai \$4 juta bagi pemeliharaan alam sekitar dan ekosistem kawasan hutan hujan tropika, yang tercemar.

Penyelidikan itu dicadangkan oleh golongan pencipta alam, yang bimbang terhadap pengabaian hutan hujan tropika dan bagi mengekalkan pengeluaran barang-barang dan perkhidmatan daripada hutan berkenaan. Demikian menurut kenyataan UPM.

Projek itu akan mengkaji teknik pemelihara-

an kawasan hutan yang tercemar dengan membuka tapak seluas 50 hektar yang ditanami dengan tiga spesies pokok hutan di kampus UPM di Bintulu, Sarawak.

Projek itu yang disokong oleh Daiya Malaysia Sdn. Bhd. dan syarikat induknya di Jepun, Mitsubishi Corporation, akan dilaksanakan bersama dengan kampus UPM Bintulu dan Institut Sains Alam Sekitar dan Teknologi di YNU.

Pengetahuan yang diperolehi daripada projek berkenaan amat berguna dalam pemeliharaan hutan hujan tropika di Sarawak dan di seluruh dunia.

Ia akan melibatkan

para saintis UPM yang berpengalaman luas dalam pelbagai projek penyelidikan hutan yang dibiayai oleh kerajaan dan agensi antarabangsa seperti Akademik Sains Kebangsaan Amerika Syarikat dan para saintis YNU, yang telah mengendalikan 180 projek tumbuh-tumbuhan di hutan semulajadi, Jepun.

Satu perjanjian usahasama bagi projek penyelidikan telah ditandatangani pada 27 Dis. di UPM, Serdang antara Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Dr. Nayan Ariffin dan Pengarah Institut Sains Alam Sekitar dan Teknologi YNU, Dr. Akira Miyawaki.

pengajaran dan penyelidikan.

Proses pertukaran itu akan disusun oleh fakulti, institut dan kolej dari dua universiti ini bergantung kepada keputusan pihak berkuasa. Menyentuh tentang peruntukan kewangan pula berdasarkan kepada projek yang hendak dijalankan untuk kemajuan kedua universiti.

KERJASAMA DENGAN UNIVERSITI BRUNEI

Norhanida Nordin Merican

UNIVERSITI Pertanian Malaysia mengadakan perundingan bersama dengan Universiti Brunei Darussalam (UBD) dalam bidang akademik bagi meningkatkan pengetahuan.

Perundingan ini telah dijalankan bersama oleh Naib Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin dengan Naib Canselor UBD, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya, Datuk Haji Abdul Aziz Umar.

Antara perkara yang terkandung dalam memorandum perundingan itu ialah pertukaran pensyarah yang melibatkan pengajaran, penyelidikan dan lawatan sambil belajar.

Pegawai pentadbir dan perpustakaan juga terbabit dalam pertukaran dan bergantung kepada masa yang ditetapkan oleh universiti.

Kerjasama lain yang akan diadakan ialah pertukaran pelajar, bahan

BAHASA MANDARIN MENDAPAT SAMBUTAN MENGGALAKKAN

NORLELA HASHIM & MASNI MUSTAFA

PADA semester Disember ini, sambutan pelajar UPM yang mengikuti bahasa Mandarin adalah di luar jangkaan pihak penyelaras bahasa moden kerana sebahagian daripada permohonan untuk mengikuti bahasa itu terpaksa ditolak kerana kekurangan tempat.

Pihak Akhbar Mahasiswa telah menemubual Penyelaras Bahasa-bahasa Moden, Jabatan Bahasa, FPP Encik Zainuddin Hashim berkenaan hal ini.

Menurut Encik Zainuddin, jumlah pelajar yang mengikuti kursus bahasa Mandarin buat masa ini telah meningkat sebanyak seratus dua puluh orang iaitu dua kali ganda berbanding dengan semester lepas.

Pihak penyelaras tidak dapat menampung

lebih ramai pelajar buat masa ini kerana kekurangan tutor dan kemudahan asas.

Buat masa ini, pihak penyelaras hanya mempunyai seorang tutor untuk tujuan pengajaran bahasa Mandarin.

Menjawab pertanyaan wakil KAM, pada semester-semester yang terdahulu, Bahasa Mandarin hanya memerlukan seorang tenaga pengajar sahaja tetapi pihak penyelaras mungkin terpaksa mengambil seorang tutor bahasa Mandarin jika permintaan terhadap kursus ini terus menggalakkan.

Mengenai pelajar-pelajar yang gagal mendapat tempat dalam kelas bahasa Mandarin, Encik Zainuddin menjelaskan bahawa pelajar sepatutnya membuat pra pendaftaran terlebih dahulu.

Ini akan memudahkan bagi pihak beliau membuat perancangan berapa ramai tutor yang perlu diambil

Keutamaan semestinya diberilah kepada pelajar-pelajar yang membuat pra-pendaftaran kerana pelajar-pelajar ini dipercayai mempunyai minat yang mendalam terhadap bahasa Mandarin.

Bagi pelajar-pelajar yang tidak membuat pra-pendaftaran, pelajar-pelajar semester enam dan lapan lebih diutamakan.

Beliau juga menasihatkan pelajar-pelajar yang berminat mempelajari bahasa Mandarin agar mengambil kursus ini secara elektif kerana beliau percaya mereka ini akan memberi perhatian yang lebih terhadap mata pelajaran tersebut.

Di samping itu pelajar-pelajar yang pernah mempelajari bahasa tersebut tidak dibenarkan mengambil kursus bahasa Mandarin.

Encik Zainuddin berpendapat sambutan yang begitu menggalakkan daripada pelajar mungkin berkaitan dengan perkembangan perindustrian di negara kita dalam dekad ini.

Peluang bagi pelajar mendapatkan pekerjaan terutama dengan pihak swasta apabila tamat pengajian kelak adalah lebih cerah jika pelajar tersebut mempunyai kemahiran bahasa lain selain daripada bahasa ibunda.

Oleh itu beliau berharap agar lebih ramai pelajar yang ingin mengikuti kursus bahasa Mandarin atau bahasa-bahasa moden yang lain.

"HOME COMING"

RAHA AHMAD RAUS
SAPURA MOHD. SUHAIMI

Kelab Akhbar Mahasiswa (KAM) akan menganjurkan "Home Coming" pada satu tarikh yang akan ditentukan. Tarikh tersebut ialah pada hari kedua Pesta Konvokesyen ke-15 yang akan datang. Semua lepasan-lepasan Universiti Pertanian Malaysia (UPM) dan Kolej Pertanian Malaysia (KPM) adalah dijemput.

Pengerusi KAM Cik Norhanida Merican pelajar program TESL Semester IV, berkata ketika ditemui:

"KAM bercadang untuk membawa balik semua lepasan UPM dan KPM dan menemukan mereka pada satu masa dan di satu tempat."

Hari tersebut akan dinamakan Hari "Home Coming".

Menurut beliau lagi, antara tujuan menganjurkan hari tersebut ialah untuk mengeratkan tali silaturahmi atau ikatan persahabatan untuk faedah bersama dan untuk faedah UPM. Antara aktiviti-aktiviti, Home Coming ialah:

Masa	Aktiviti	Tempat
Pagi	Campusthon	Kampus UPM
Petang	Perjumpaan (mengikut program)	Panggung Percubaan Dewan Kuliah dsb.
Malam	Majlis Makan Malam	Sebuah hotel terkemuka

KAM menyeru agar usaha ini akan mendapat sambutan. Kepada lepasan UPM/KPM sila hubungi KAM untuk keterangan lanjut:

Kelab Akhbar Mahasiswa d/a Bahagian Hal-Ehwal Pelajar Universiti Pertanian Malaysia 43400 UPM SERDANG.
Telefon: 9486101 samb. 1018

HOME COMING

"PERJUMPAAN UNTUK SUATU NOSTALGIA KELUARGA UNTUK UPM!"

Setinggi-tinggi
TAHNIAH

PERLANTIKAN PRO CANSOLOR BARU



YANG BERBAHAGIA TAN SRI DATO' SERI UTAMA ABDUL SAMAD BIN IDRIS
P.M.N., S.P.N.S., D.S.N.S., D.P.M.J., P.J.K.
PRO CANSOLOR UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

daripada

**Kelab Akhbar Mahasiswa
dan
semua pelajar UPM**

KURSUS A002 KELAB UPM OUTWARD BOUNDERS

Salmiah Mohd.Ghazali

SATU kursus pemi-
lihan peringkat akhir pe-
serta UPM ke Outward
Bound School, Lumut
telah dijalankan pada 22
hingga 30 Disember
1990.

Kursus ini dijalankan
dalam dua peringkat iai-
tu di dua tempat yang
berlainan, pertama di
Danau UPM dan sete-
rusnya di Kem Rimba,
Fakulti Perhutanan yang
terletak di Puchong, Se-
langor Darul Ehsan.

Kursus ini yang lebih
dikenali sebagai Kursus
A002 adalah hasil turut-
an ujian yang pertama
bagi siri pemilihan pe-
serta ke Outward Bound
School yang dijalankan

pada 7 Oktober 1990.

Seramai 23 orang pe-
serta telah menyertai
kursus ini. Ia adalah ter-
buka kepada semua pe-
lajar UPM yang telah
lulus ujian yang sebe-
lumnya.

Kursus ini mengandu-
ngi ujian seperti 'Ob-
stacle Course', pertol-
ongan cemas seperti ba-
lutan dan memberi
bantuan pernafasan,
ikatan, perkhemahan
solo dan sebagainya di
bawah pengawasan ahli-
ahli Kelab UPM Out-
ward Bounders yang di-
ketuai oleh Mohammad
bin Ishak.

Selain dari ujian, para
peserta telah diberi pe-

nerangan dan tunjuk
ajar kepada perkara
yang berkaitan dengan
ujian dan pengetahuan
asas yang patut diketah-
ui oleh seorang ahli
Outward Bound School
seperti cara-cara meng-
gunakan kompas dan
aturcara 'Colour Pa-
rade'.

Pada malam penutup,
satu persembahan dari
peserta kursus telah di-
adakan dan dua orang
penasihat Kelab UPM
Outward Bounders yang
mengikuti perkembang-
an kursus ini turut ber-
sama hadir iaitu En. Sa-
ni bin Marlan dan Encik
Mohd. Nor Liza Ba-
harom.

PSSCUPM anjur diskusi silat cekak

SATU diskusi yang
bertajuk "Silat Cekak
Sebagai Aktiviti Ko-ku-
rikulum di Institusi
Pengajian Tinggi" telah
pun diadakan di Pang-
gung Percubaan, Uni-
versiti Pertanian Malay-
sia (UPM) di bawah an-
juran Persatuan Seni Si-
lat Cekak UPM
(PSSCUPM).

Seramai tiga orang
ahli panel telah mem-
bentangkan kertas kerja
ialah En. Amiruddin
Buang, Naib Presiden 1
Persatuan Seni Silat Ce-
kak Malaysia (PSSCM),
Tuan Hj. Mahmud Hj.
Abdullah; Ketua Unit
Kebudayaan Hal-Ehwal
Pelajar UPM dan Tuan
Hj. Mohd. Nor dari ba-
hagian Hal-Ehwal Pel-
ajar, Institut Teknologi
MARA, Shah Alam.

Diskusi Ilmiah Cekak
yang bertemakan "Me-
lahirkan Mahasiswa
Yang Berkualiti Mor-
al", adalah salah satu
program sempena per-
ayaan 15 PSSCUPM
yang bertujuan menon-
jolkan keupayaan silat
cekak sebagai satu akti-
viti ko-kurikulum yang
berfaedah di samping
berbincang mendapat-

kan jam kredit bagi akti-
viti ko-kurikulum yang
dijalankan di UPM.

En. Amiruddin ber-
kata, silat cekak adalah
satu warisan bangsa Me-
layu yang asli berkon-
sepkan kepada kemahir-
an anggota, pemikiran
yang waras serta jiwa
yang tenang dan ia juga
merupakan silat yang
mempunyai unsur-unsur
tradisi yang menepati
unsur-unsur kemelayu-
an serta telah dikaji ti-
da percanggahan de-
ngan ajaran-ajaran
Islam.

Menurut En. Amirud-
din lagi silat cekak dapat
melengkapkan penuntut
dengan ilmu mempertahankan
diri, menanam
rasa cintakan kebudaya-
an bangsa yang berfae-
dah dan bersifat positif,
memupuk asas-asas kea-
gamaan khususnya di da-
lam menentang segala
amalan tahyul dan khur-
afat di dalam alam per-
silatan.

Membentuk peribadi
penuntut supaya menja-
di insan yang berakhlak,
berani, berdedikasi,
berdisiplin berfikiran
waras, stabil serta mem-
punyai daya ketahanan

yang tinggi dan dapat
melahirkan penuntut
yang sihat dan cergas.

Silat cekak juga boleh
dinilai dan diuji berda-
sarkan format yang ada
di mana prestasi pelajar
dapat dinilai secara lisan
atau praktikal. Beliau
menambah bahawa seti-
ap kaedah yang ter-
kandung dalam Silat Ce-
kak boleh dikaji secara
saintifik dan konsep se-
ta sistem pelajaran silat
cekak boleh jadi pem-
bentuk peribadi yang
baik dan seterusnya
menghasilkan pelajar
yang baik untuk meng-
hadapi masyarakat.

Akhir sekali beliau
menyatakan keyakinan
beliau akan kebolehan
silat cekak untuk diber-
ikan jam kredit dan be-
liau juga yakin dengan
pengkreditan itu nanti
akan menarik lebih ra-
mai pelajar menganggo-
tai silat ini.

Hj. Mahmud berpen-
dapat ko-kurikulum
adalah segala aktiviti
terancang dan berstruk-
tur di luar bilik kuliah
untuk menambah dan
melengkapkan peng-
alaman pembelajaran
akademik pelajar ke

arah pembangunan me-
nyeluruh pelajar.

Aktiviti ini adalah se-
laras dengan matlamat
dan falsafah UPM untuk
mengeluarkan graduan
yang dapat menyesuaikan
diri dengan berba-
gai keadaan berguna ke-
pada masyarakat dan
dengan itu harus ber-
pengalaman, mahir,
berkualiti kepemimpinan
dan bijak.

Aktiviti ko-kurikulum
menjurus kepada pem-
bangunan insan yang
berilmu, berbudi, berse-
mangat dan cergas, ber-
akhlak, beramanah,
berwibawa dan bertang-
gungjawab.

Beliau menyokong sil-
at cekak dan ko-kuriku-
lum mempunyai matla-
mat yang unggul dan lu-
hur yang memang sesuai
diberi jam kredit.

Hj. Mohd. Nor dalam
kertas kerjanya beliau
menerangkan bagaima-
na aktiviti ko-kurikulum
di ITM dijalankan dan
menerangkan tentang
sistem pemarkahannya
dan beliau lebih menju-
rus kepada pengkredit-
an yang dibuat ke atas
silat cekak di ITM.



Peserta bergambar kenangan.

FLAMINGGO KE ULU BENDUL

Basir B. Ibrahim

PENGHUNI Fla-
minggo (tingkat tiga Ke-
nanga) Kolej Kediaman
Ketiga (KK3), telah
mengadakan ekspedisi
bermotosal dari UPM
ke Ulu Bendul pada 15
Oktober lalu.

Perjalanan yang
mengambil masa selama
3 jam, sejauh 74 kilome-
ter itu, sungguh menca-
bar ketahanan mental
dan fizikal para peserta.
Kumpulan 13 orang itu
memulakan perjalanannya
dari UPM pada jam
8.15 pagi dan tiba ke
destinasinya tepat jam
11 pagi.

Mereka terpaksa
menggunakan kecekapan
sewaktu menunggang
motosikal kerana mela-
lui selekoh tajam dan
jalan tanah merah yang
licin.

Menurut saudara Ba-
haruddin, ketua kum-
pulan berkenaan, ekspe-
disi itu bukan sahaja
bertujuan untuk mela-
pangkan fikiran tetapi
juga untuk menanam-

kan sikap kerjasama dan
interaksi mesra antara
ahli kumpulan.

Aktiviti-aktiviti yang
dirancang di tapak re-
kreasi Ulu Bendul itu
menjurus ke arah mena-
namkan sifat cintakan
kolej dan universiti,
tambah beliau.

Saudara Sohairi bin
Jaali, setiausaha kerja
kumpulan itu pula ber-
kata, objektif ekspedisi
termasuklah menanam-
kan sikap berkumpulan,
memupuk rasa tang-
gungjawab terhadap
kumpulan, menguji ke-
tahan mental dan fizi-
kal, melahirkan ke-
mesraan dan menanam-
kan motivasi serta mela-
hirkan sikap cintakan
kolej dan universiti di
kalangan penghuni
kolej.

Setibanya di tapak re-
kreasi itu, peserta berdi-
ri tegak sambil me-
nyanyikan lagu kolej
dan menaikkan bendera
KK3. Tepat jam dua pe-
tang, peserta memula-

kan aktiviti yang diran-
cang. Antara aktiviti
yang diadakan term-
asuklah sukaneka, per-
tandingan berbalas pan-
tun dan di sebelah ma-
lamnya pula peserta-
serta mempersembah-
kan pembacaan puisi pa-
triotik.

Menurut salah seor-
ang peserta saudara
Razak, suatu yang men-
jadi pengalaman manis
baginya ialah terpaksa
tidur di atas takungan
air kerana pada sebelah
malamnya hujan lebat
sekali. Ketika itulah be-
liau terbayangkan beta-
pa sukarnya perajurit
yang berada di hutan.

Peserta-peserta Fla-
minggo berada di Ulu
Bendul sehari semalam,
walaupun masa yang di-
lalui terlalu singkat, na-
mun begitu pelbagai
pengalaman baru diper-
olehi oleh peserta.

Kumpulan Flaminggo
bertolak pulang jam 12
tengah hari dan tiba di
UPM dengan selamat.

Derma Teleton Jantung Hatiku

BAGI menyahut
seruan kerajaan dan
menjayakan Teleton
Jantung Hatiku, pelajar
dari Bimbing dan Kaun-
seling semester satu, tel-
ah berjaya mengumpul
derma sebanyak \$55.05
yang dikumpulkan dan

dijayakan oleh Encik
Osman bin Bungsu.

Menurutnya tujuan
derma ini adalah untuk
membantu insan yang
kurang malang dan juga
cara ini adalah satu
amalan yang baik di sisi
agama Islam, di samping

itu dapat menaikkan na-
ma Bimbingan dan
Kaunseling khususnya dan
Universiti Pertanian
Malaysia amnya.

Encik Mohd. Nazmi
bin Zainuddin berkata
amalan ini patut diamal-
kan setiap pelajar agar

menginsafi akan manu-
sia yang kurang bernasib
baik dalam menghadapi
kehidupan di dunia ini
dan dengan cara ini ins-
an yang kurang bernasib
baik tidak tersisih dari
masyarakat kita.

Arshad bin Ismail

KURSUS KEPIMPINAN PELAJAR

Oleh Arshad bin Ismail

SERAMAI 20 pelajar
semester 6 dan seramai
10 orang semester 2 tel-
ah menganjur kursus
kepimpinan pelajar
yang bertema 'Ke Arah
Pembentukan Insan
Yang Seimbang' bagi se-
kolah-sekolah menen-
gah Daerah Bentong
dari 4 - 6 awal tahun
ini.

Sekolah Menengah
Karak telah menjadi pu-
sat aktiviti tersebut dan
dihadiri seramai 131
orang murid dari 10
buah sekolah menengah
di Daerah Bentong.

Pengetua Sekolah
Menengah Karak, Tuan
Hj. Haron bin Musa
berharap kursus ini da-
pat membimbing para
peserta menjadi pelajar
atau pemimpin yang
berkaliber di masa ha-
dapan.

Beliau merasa bangga
kerana mendapat per-
hatian dan galakan dari
Universiti Pertanian
Malaysia kerana me-
nyediakan fasilitator
yang berkaliber bagi
mengendalikan kursus
ini.

Ke-7 Renjer dalam
memberikan sokongan
bagi menjayakan Latih-
an Ketahanan Fizikal.

Beliau menasihati pa-
ra peserta agar dapat
mengikuti kursus terse-
but dengan tekun dan
bersifat positif dalam se-
tiap aktiviti yang dija-
lankan nanti.

Ini kerana setiap akti-
viti mempunyai falsafah
yang tersendiri bagi me-
lihara kebaikan diri
sendiri sebagai pemim-
pin di sekolah dan juga
bila dewasa kelak.

Akhir sekali beliau
mengharapkan dengan
adanya kursus seperti ini
dapat mengubah sikap
para peserta agar lebih
cinta kepada sekolah.
Ini memandangkan
keadaan disiplin yang
kurang sihat di kalangan
pelajar.

Penolong Pegawai
Pendidikan Daerah
Bentong, Encik Low
Wei Nam ketika me-
rasmikan kursus terse-
but, pihak Pejabat Pen-
didikan Daerah Ben-
tong berterima kasih ke-
pada Universiti Pertani-
an Malaysia dan pihak
tentera dalam mengend-
alikan kursus tersebut.

Dengan memberi

pendedahan seperti ini
kepada pelajar diharap
dapat membantu pihak
sekolah dalam memban-
teras pelajar yang 'Anti
School' dan juga dapat
membantu rakan sebaya
yang mengalami masa-
lah tentang pelajaran.

Beliau memberi be-
berapa ciri penting bagi
menjadi seorang pe-
mimpin, antaranya ialah
mesti bersikap jujur,
bertanggungjawab dan
sanggup menolong ra-
kan sebaya ketika di da-
lam kesusahan.

Tambah beliau lagi, di
samping peserta mem-
pelajari beberapa teori
pembelajaran dari fasilita-
tor diharap pelajar da-
pat berkenalan dan ber-
kongsi maklumat untuk
diri sendiri dan juga bagi
memajukan sekolah.

Selaku Penyelaras
Unit Bimbingan dan
Kaunseling Universiti
Pertanian Malaysia, Dr.
Othman bin Mohamed
berkata untuk mencapai
kejayaan yang tinggi
mesti banyak cabaran
yang ditempuhi.

Menurut Encik Mu-
jab bin Suhaimi, selaku
ketua kursus kepimpin-
an ini, kursus ini adalah
lebih lasak kerana ada-

nya penglibatan dari
angkatan tentera.

Beliau berasa kagum
melihat kegigihan dan
kesungguhan yang di-
tunjukkan oleh pelajar
semester 2 dalam men-
jayakan kursus kepim-
pinan tersebut, sebagai
contoh, semua fasilita-
tor dari semester 2 turut
berlari dan mengambil
bahagian dalam aktiviti
tahan lasak.

Penghulu Semester 2,
Raja Mazlan bin Raja
Shadan, begitu gembira
kerana dapat mepela-
jari cara-cara mengend-
alikan kursus ini dan
layanan dari peserta dan
juga dari semester 6
amat menggalakkan.

Menurut Saudara
Mohd. Yusof bin Ab-
dullah dari semester 2,
ini merupakan peng-
alaman yang baru dan
banyak lagi yang harus
dipelajari bagi meleng-
kapkan diri bagi menja-
di seorang kaunselor
yang berjaya.

Seorang lagi fasilita-
tor dari semester 2, Sau-
dara Harun bin Ujang
berkata, memang patut
diadakan di sekolah se-
babnya pelajar adalah
bakal pemimpin pada
masa akan datang.



Datuk Napsiah Omar

SEMINAR KAUNSELING KE-11

Zain Ariff

UNIT Kaunseling dan Kerjaya (HEP), telah menganjurkan Seminar Kaunseling dan Kemajuan Ke-11 yang bertepatan fokus dan kasih sayang pada 15 hingga 16 Disember lalu.

Seminar itu dirasmikan oleh Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Manusia, Datuk Napsiah Omar dan ditutup oleh Naib Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin.

Datuk Napsiah Omar bangga inisiatif universiti ini menganjurkan seminar untuk memberi kesedaran kepada pihak tertentu pentingnya keharmonian sebuah keluarga yang bahagia.

Katanya, seminar ini

seolah-olah dirancang kerana ketepatan masanya selepas Menteri Kewangan membentangkan Belanjawan Negara 1991 yang memfokuskan kepada kasih sayang keluarga.

Dengan peruntukan yang disediakan oleh kerajaan sebanyak 20 juta kepada Yayasan Kebajikan Negara dan digunakan untuk membantu masyarakat yang tidak bernasib baik.

Beliau menyarankan semua pihak termasuk institusi pengajian tinggi tampil dalam membantu kerajaan melaksanakan dasar-dasar yang disusunkan untuk mencapai ke arah keharmonian keluarga dan perpaduan kaum.

Sebelum itu, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin berkata, perhubungan yang baik di tempat kerja hasil daripada sikap individu yang mengamalkan nilai kasih dan sayang dalam melahirkan budaya kerja yang cemerlang.

Katanya, suasana kekeluargaan serta perhubungan baik yang terjalin antara pihak majikan dan pekerja perlu dipupuk dengan sikap kasih dan sayang untuk meningkatkan prestasi individu.

Saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur yang telah dapat mengendalikan seminar bagi membincangkan nilai-nilai murni untuk kesejahteraan

individu dan masyarakat, katanya.

Penyelaras Program Bimbingan dan Kaunseling Dr. Othman Mohamad berkata seminar seperti ini melalui perbincangan dan pembentangan kertas kerja dapat menghasilkan resolusi dan cadangan yang baik.

Peserta seminar yang hadir diharapkan dapat menggunakan segala pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi untuk dipraktikkan kepada golongan terbabit di tempat masing-masing.

Seorang guru dari Johor Bahru, Puan Noriah Haji Abdul Karim pula berpendapat seminar seperti ini perlu diadakan

dari masa ke semasa bukan sahaja di universiti tetapi juga di sekolah.

Kes-kes penganiayaan dan penyiksaan kanak-kanak boleh diselesaikan melalui perbincangan dan seminar supaya dapat memberi kesedaran kepada masyarakat terutama ibu bapa.

Di antara pembentang kertas kerja ialah Timbalan Naib Canselor (HEP) USM, Prof. Datuk Amir Awang, Prof. Madya Dr. Shamsuddin Hussin (UPM), Encik Mad Dalius Sadini (Kementerian Pendidikan) dan Prof. Madya Dr. Halimah Ahmad (UPM).

KOLEJ 5 ANJUR KURSUS PENULISAN

Oleh: Bakhari Arif

SERAMAI 60 pelajar Universiti Pertanian Malaysia telah mengikuti bengkel asas penulisan di Kolej Kediaman Kelima selama tiga hari bermula 28 hingga 30 Disember lalu.

Bengkel ini bukan sahaja telah membuka jalan kepada mahasiswa untuk menulis di dalam media massa seperti akhbar dan majalah tetapi juga telah memberi kesedaran kepada mahasiswa betapa perlunya sikap peka kepada perkembangan semasa.

Seorang penulis prolific yang juga penasihat kepada Jawatankuasa Bengkel Asas Penulisan, Encik Ariffin Said telah membentangkan kertas-kertas kerjanya yang bertajuk: Asas Penulisan Kreatif.

Menurut beliau, seorang penulis bukan sekadar seorang yang gigih mengharungi cabaran tetapi dia mestilah seorang yang banyak membaca, pengalaman yang luas, selain dari itu, memerlukan intuisi yang sentiasa terlatih. Universiti Pertanian

Malaysia sesungguhnya tidak kurang mempunyai penulis-penulis terkenal seperti Ismail Sardin, Aripin Said, Lim Swee Tin, Shafae Ramli dan beberapa orang lagi yang telah membentangkan kertas kerjanya masing-masing di bengkel ini.

Lim Swee Tin (penulis puisi) pula berpendapat sastera seperti puisi dan cerpen bukan sahaja dapat memberi ketenangan kepada penulis dan pembaca bahkan juga dapat meningkatkan daya intelektual seseorang.

Sementara itu, Pengetua Kolej Kelima, Dr. Sobri Othman, semasa merasmikan majlis ini berkata, tujuan bengkel seperti ini adalah bertujuan untuk mendedahkan kepada pelajar realiti penulisan kreatif dan ilmiah.

"Kita mahu melahirkan masyarakat kampus yang dapat berkomunikasi melalui penulisan bermutu dan mewujudkan iklim berkarya di kalangan mahasiswa", katanya.

KURSUS SEMANGAT KESISWAAN

BAHAGIAN Hal-Ehwal Pelajar (HEP) telah menganjurkan Kursus Semangat Kesiswaan di Kolej Tun Perak dari 5 hingga 8 November 1990 yang disertai oleh seramai 60 orang pelajar.

Menurut Penolong Pendaftar HEP, En. Abd. Rashid Abdullah yang mengendalikan kursus, kursus itu mempunyai tiga objektif utama; pertama, memberikan kefahaman kepada para peserta tentang apa yang dikatakan dengan konsep budaya kesiswaan; kedua, kefahaman tentang falsafah universiti sebagai pusat pengajian tinggi dan kece-merlangan dan ketiga, membolehkan para pelajar mendapat pengetahuan tentang cara gaya menggunakan kemudahan yang disediakan oleh universiti.

Encik Rashid kemudiannya menyatakan bahawa kumpulan sasaran yang ditujukan untuk kursus ini adalah para pelajar tahun I dari semua kolej akan tetapi para lain yang berminat juga boleh menyertai kursus ini.

Kursus ini terbahagi

kepada tiga bahagian iaitu ceramah, bengkel dan permainan atau sukan yang mesti disertai oleh semua peserta kursus itu.

Menurut En. Rashid lagi, ceramah yang diadakan adalah bertujuan untuk menanamkan konsep budaya siswa, sahsiah siswa, 'creative thinking' di samping mengenalkan sistem semester yang boleh merangsangkan lagi pelajar untuk belajar dengan lebih sempurna.

Bengkel pula diadakan bertujuan untuk membincangkan dan membuat rumusan berkenaan dengan tajuk ceramah dan juga untuk meningkatkan lagi interaksi dua hala di antara para peserta kursus.

Sukan dan permainan pula diadakan untuk meningkatkan semangat kerjasama dalam kumpulan dan untuk menambahkan ruang pergaulan di antara para peserta kursus khususnya dan para pelajar lain amnya.

Pelajar program Diploma Pembangunan Manusia Tahun I, Sahipul Hijauman Sulaiman yang mengikuti kursus

tersebut berpendapat kursus itu adalah baik kerana ia menyedarkannya tentang erti menjadi seorang mahasiswa di samping mendidiknya untuk menjadi mahasiswa yang cemerlang.

Beliau berharap dapat memperturunkan kepada rakan-rakannya yang lain tentang apa yang dipelajari olehnya dari kursus ini di samping mempraktikkannya juga.

Salah seorang fasilitator kursus ini, pelajar Bachelour Pembangunan Manusia, 'Izudin Md. Yaman berpendapat bahawa kursus ini adalah amat baik kerana ia membimbing para pelajar untuk membentuk suatu keperibadian yang mempunyai cara dan arah aliran pemikiran yang sepatutnya ada pada seseorang yang bergelar mahasiswa.

Beliau berharap agar kursus-kursus seperti ini akan terus diadakan pada masa-masa hadapan supaya para pelajar yang belum mengikuti kursus ini akan dapat mengikutinya jika mereka ingin digelar sebagai mahasiswa tulen.

BENGGKEL TEKNIK BELAJAR

Nik Shafiruddin Nik Shahar Shah

PERSATUAN Mahasiswa Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar (PEMAFSAS) telah menganjurkan Bengkel Teknik Belajar dari 29 hingga 30 Disember tahun lalu di Bilik Serbaguna fakulti tersebut.

Bengkel tersebut dirasmikan oleh Dekan FSPAS, Prof. Dr. Badri Muhammad dan telah disertai oleh seramai 90 orang pelajar fakulti tersebut.

Dalam ucapan perasmian bengkel tersebut, Prof. Badri telah mengucapkan tahniah kepada Exco PEMAFSAS kerana telah berjaya mengadakan satu aktiviti yang berbentuk kebajikan untuk pelajar-pelajar fakulti tersebut dan beliau berharap agar usaha ini diberkati.

Beliau juga menyeru agar Exco PEMAFSAS menunjukkan sifat kepimpinan yang lebih moden dengan menggunakan daya penarik iaitu sanggup bekerja dalam semua bidang sebagai asas utama untuk memenuhi perjuangan siswa universiti.

Sebelum itu, Naib Yang Dipertua PEMAFSAS, Saudara Mohd. Anderil berkata, pada semester lepas sahaja seramai lebih kurang 100 orang pelajar dari fakulti tersebut telah mendapat status amaran dan percubaan apabila keputusan peperiksaan dikeluarkan.

Pelajar-pelajar ini, menurut beliau lagi, adalah terdiri daripada semua peringkat pengajian iaitu dari bongsu

hingga ke sulung bagi bachelour dan awal hingga ke akhir bagi diploma.

Oleh itu adalah perlu bengkel seperti ini diadakan bagi menunjukkan kepada para pelajar berkenaan khususnya dan para pelajar lain amnya tentang cara-cara yang betul untuk membuat nota, mengulang-kaji pelajaran dan sebagainya.

Beliau berharap agar lebih ramai lagi para pelajar dari fakulti tersebut yang akan mendapat keputusan yang cemerlang pada semester ini selepas mengikuti bengkel tersebut.

Bengkel selama dua hari itu akan dipenuhi dengan pembentangan kertas kerja oleh tiga orang penceramah, bengkel cara-cara membuat nota dan sidang pleno.

Kertas-kertas kerja yang dibentangkan ialah "Teknik Pembelajaran Yang Berkesan" oleh Prof. Madya Dr. Salihan Siais, "Motivasi dan Pengurusan Masa Dalam Proses Pembelajaran" oleh Dr. Yusoff Othman dari UKM dan "Falsafah dan Konsep Pembelajaran di Universiti" oleh Prof. Madya Dr. Mohd. Kamel Ariffin.

Turut hadir dalam majlis perasmian bengkel tersebut ialah Timbalan Dekan Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, Prof. Madya Dr. Mohd. Kamel Ariffin Mohd. Atan, Penolong Pendaftar HEP, En. Muhd. Sani Marlan dan para pensyarah fakulti tersebut.

Kursus Ramah Mesra Bimbingan dan Kaunseling

Oleh: Arshad bin Ismail

BERKENALAN dan beramah mesra sesama pelajar adalah menjadi amalan yang diwarisi oleh pelajar Bimbingan dan Kaunseling setiap tahun. Bagi mengekalkan tradisi ini, seramai 60 orang pelajar dari kursus Bimbingan dan Kaunseling semester satu telah mengadakan satu sesi ramah mesra baru-baru ini.

Menurut Encik Mawardi bin Mohd. Zain,

Penghulu Semester Satu, tujuan diadakan majlis ramah mesra sesama penuntut adalah untuk memupuk dan mengeratkan salituralah sesama ahli dalam keluarga Bimbingan dan Kaunseling.

Menurut seorang pelajar semester satu, Cik Mariah binti Kamarudin, dengan adanya majlis seumpama ini segala masalah yang timbul dapat diatasi bersama dan

sikap tolong-menolong sesama ahli keluarga kaunseling dapat diwujudkan dengan lebih harmoni lagi.

Seorang lagi pelajar, Encik A. Rahman bin Abdullah pula berkata majlis seumpama ini memang patut diadakan bagi mengenali antara satu sama lain, dalam bentuk kaunseling kelompok supaya lebih jeli-likat lagi sesama ahli kaunseling.

Tahukah anda:

DEBU BOLEH MELETUP

Debu-debu bijian juga didapati boleh meletup, andainya 98 guni debu tepung ditabur ke dalam sebuah bilik yang berukuran 20 x 20 x 10 kaki dan dinyalakan dengan bunga api, nescaya ia akan meletup dengan kekuatan yang boleh mengangkut bahan seberat 2,000 tan setinggi 100 kaki ke angkasa.

Berhubung dengan

hal ini, satu letupan tegal berlaku di sebuah kilang pengisar di New York, pada 20 Jun 1913 yang telah mengorbankan 33 jiwa, mencederakan 80 orang dan membinasakan seluruh bangunan itu, di samping menyebabkan kerosakan terhadap sebahagian daripada harta benda di sekeliling kawasan itu.

AKHBAR MAHASISWA mengalu-alukan sumbangan daripada anda.

KUIZ ANTARA UNIVERSITI

HASANI HASSAN

PERTANDINGAN Kuiz Antara Universiti telah diadakan pada 15 dan 16 Disember 1990 di Universiti Teknologi Malaysia, Kampus Sekudai, Johor Darul Takzim di mana lapan buah universiti dan institusi pengajian tinggi telah mengambil bahagian iaitu USM, UKM, UIA, UTM, UM, UUM, UPM dan ITM.

Pertandingan ini dianjurkan oleh Sekretariat Timbalan-Timbalan Naib Canselor/Timbalan Pengarah Hal-Ehwal Pelajar Universiti/IPT Malaysia dan dirasmikan oleh Yang Berbahagia Tuan Haji Nik Musa bin Nik Abdullah, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Malaysia pada 16 Disember 1990.

Tujuan utama pertandingan ini adalah untuk meningkatkan kerjasama dan interaksi pelajar-pelajar antara sesama universiti dan institusi pengajian tinggi di Malaysia di samping mewujudkan keperibadian yang progresif dan sensitif terhadap perkembangan teknologi, pengetahuan dan budaya keilmuan.

Pertandingan peringkat akhir kuiz ini dilangsungkan di Dewan Sultan Iskandar universiti



Para peserta UPM masih mampu tersenyum walaupun hanya menduduki tempat ketiga.

tersebut dan telah dijual oleh pasukan dari Universiti Utara Malaysia dengan pungutan sebanyak 100 markah, melebihi 35 markah daripada saingan terdekat iaitu pasukan tuan rumah, Universiti Teknologi Malaysia.

Peserta terbaik keseluruhan, Encik Ahmad Tarmizi bin Abu Hanafiah yang mewakili Universiti Utara Malaysia sewaktu ditemui berkata, "pasukan kami hanya sempat membuat persediaan selama sebulan sahaja tetapi bekalkan dua peserta berpengalaman dan semangat kerjasama sepasukan yang padu,

akhirnya kami berjaya."

Pasukan Universiti Pertanian Malaysia yang diwakili oleh Cik Sharifah Salmah binti Syed Harun, Cik Hayati binti Ismail, Cik Ramlah binti Salim dan Encik Kamal Yahya bin Haji Ahmad hanya mampu menduduki tempat ketiga, ketinggalan 45 markah di belakang juara.

Kuiz tersebut dibahagikan kepada dua pusingan, pusingan pertama adalah soalan tuju manakala pusingan kedua adalah soalan utama berserta soalan bonus di mana soalan-soalan adalah meliputi pelbagai bidang dari sains, teknologi, kemasyarakatan,

ekonomi hinggalah kepada sejarah, perlembagaan negara dan hal-ehwal semasa.

Pusingan akhir pertandingan tersebut telah berjaya dihidupkan lagi dengan diseliti jenaka pengerusi majlisnya, Ahmad Tarmimi Siregar — pengacara/pelakon serba boleh.

UPM turut menghantar serombongan penyokong yang diketuai oleh Penolong Pendaftaran Kanan, Unit Kebudayaan Hal-Ehwal Pelajar UPM, Tuan Haji Mahmud bin Abdullah untuk menguatkan lagi semangat para peserta UPM.

KURSUS KEPIMPINAN

MAJLIS Tertinggi Kolej (MTK), Kolej Kediaman Ketujuh telah mengadakan kursus kepimpinan siri III bertempat di Tanah Rata Cameron Highlands pada 6 hingga 9 Disember yang lalu.

Seramai 42 orang penghuni KK7 telah mengikuti kursus yang kebanyakannya terdiri dari pelajar tahun pertama dan kedua.

Kursus ini adalah kali ketiga dianjurkan oleh MTK yang bertemakan 'Kepimpinan Dinamik Tunggal Kecemerlang-

an Organisasi' mempunyai objektif-objektif seperti berikut:

- Untuk melengkapkan para pelajar dengan kemahiran tertentu yang perlu ada pada seorang pemimpin.
- Memberi peluang kepada pelajar untuk mengetahui secara mendalam serta memahami tentang tugas dan tanggungjawab sebagai seorang pemimpin.
- Membentuk pemimpin yang berfi-

kiran terbuka dan kreatif serta mempunyai pandangan ke hadapan.

- Memberi latihan kepimpinan kepada bakal-bakal pemimpin untuk mengenal pasti dan mengatur strategi untuk menaikkan imej kolej dan universiti khususnya dan negara amnya.
- Dapat membentuk mahasiswa/i yang dapat menyesuaikan diri di dalam apa jua keadaan tanpa menghadapi

apa-apa masalah seperti rendah diri, konflik identiti, kejutan budaya dan sebagainya serta berupaya muncul sebagai pemimpin yang dihormati, berwibawa dan disegani oleh masyarakat kolej dan masyarakat luar.

- Memenuhi motto Kolej Kediaman Ketujuh iaitu 'PINTAR HARMONI CEMERLANG'.

MAJLIS MAKAN MALAM RASMI KK4

KOLEJ Kediaman Keempat telah mengadakan Majlis Makan Malam Rasmi pada Januari lalu di Dewan Makan Kolej Kediaman Keempat.

Tetapi kehormat pada malam itu ialah Dato' Hj. Kamalul Ariffin bin Hj. Abd. Rahim, Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara diiringi oleh isteri Datin Fatimah.

Turut hadir pada malam itu ialah Naib Canselor UPM, Profesor Tan Sri Dato' Dr. Nayan bin Ariffin dan isteri, Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar) Profesor Dr. Sulaiman bin Mohd. Yassin dan

isteri serta Timbalan Naib Canselor (Akademik) iaitu Profesor Dr. Syed Jalaluddin Syed Salim dan isteri.

Majlis itu juga dihadiri oleh seramai 66 orang tetamu jemputan yang terdiri dari Pengetua, para Timbalan Dekan, Pengurus, fellow, pegawai Hal-Ehwal Pelajar, wakil pelajar dari kolej kediaman dan Persatuan Mahasiswa UPM serta ahli Alumni.

Tema majlis itu 'Dedikasi Teras Kecemerlangan' telah dipilih sesuai dengan objektif pada malam itu iaitu untuk meraikan enam belas

orang pelajar tahun akhir Kolej Kediaman Keempat.

Di dalam ucapan alu-aluannya Dr. Ghizan bin Salleh, pengetua KK4 telah mengumumkan bahawa Dato' Hj. Kamalul Ariffin adalah seorang ahli sukan berbakat dan cemerlang di dalam lebih dari satu bidang sukan iaitu hoki, bola sepak dan kriket suatu masa dulu.

Dato' Hj. Kamalul dalam ucapannya menegaskan kita perlu berusaha dengan sedaya upaya kita dulu dan barulah bertawakal untuk kejayaan yang diharapkan. Beliau telah mem-

beri contoh seorang pelajar perempuan yang ingin berjaya di dalam sukan tetapi tidak mempunyai kekuatan fizikal yang diharapkan di dalam bidang itu. Pelajar berumur 12 tahun itu tidak mudah putus asa kerana dengan kepintaran yang ada padanya telah menyebabkan dia muncul sebagai johan Kejohanan Catur Melaju baru-baru ini.

Majlis itu telah diakhiri oleh penyampaian cenderamata kepada semua pelajar tahun akhir mengikut wakil dari setiap fakulti yang berkenaan.

Oleh: Fazilah

FORUM SISTEM PENDIDIKAN KINI

Mohd. Razali Mohamad

SISTEM Pendidikan lama merupakan sistem pendidikan yang berfalsafahkan pendidikan barat yang mana sistem ini tidak dapat menghasilkan manusia yang berakhlak mulia.

Demikianlah antara rumusan yang dinyatakan dalam forum Sistem Pendidikan Kini; Kejayaan Dan Kegagalannya yang diadakan di Dewan Kuliah D(DKD) sempena Minggu Perumnian Akhlak Dan Kemusiaan anjuran Persatuan Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia (PMUPM) pada 6 Januari lalu.

Ahli-ahli panelnya terdiri daripada Ustaz Alias b. Osman, iaitu pensyarah Akademik Islam Universiti Malaya dan En. Abd. Rahman Quraish dari Universiti Pertanian Malaysia sebagai wakil dari Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Sistem pendidikan secara asasnya ialah falsafah kajian secara saintifik tentang pegangan hidup, manakala pendidikan pula merupakan alat yang untuk mencernakan falsafah kehidupan tersebut. Pemikiran mengenai kejayaan dan kegagalan sistem pendidikan bergantung kepada si penilainya, kata Ustaz Alias. Dengan demikian penilaian ini akan berbeza-beza. Menurut beliau pendidikan kini terbahagi kepada empat iaitu pendidikan formal, tidak for-

mal, swasta dan kerajaan yang mana sistem pendidikan ini mempunyai matlamatnya yang tersendiri. Contohnya sistem pendidikan kebangsaan, antara lain matlamatnya ialah;

1. Meningkatkan kecakapan berbahasa untuk komunikasi yang berkesan.
2. Menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu.
3. Mengembangkan daya intelek, kritis dan kreatif.
4. Mewujudkan nilai-nilai murni.
5. Prihatin kepada nilai-nilai estetika dan sebagainya.

Manakala sistem pendidikan formal pula tidak dapat dipisahkan dari persekitaran. Jika dilihat dari satu sudut sistem ini membina tetapi dari sudut lain pula ia meruntuhkan apa yang dibina. Contohnya media massa seperti TV. Sifat negatifnya menongkah apa yang ada dalam sistem pendidikan sekarang ini.

Begitu juga dengan kebudayaan dan sukan. Amnya baik tetapi lebih kepada negatif seperti skim galakan akademik dengan skim galakan sukan tidak setaraf. Keadaan ini tidak menolong kerana ia hebat dari satu sudut tetapi dari sudut lain-lainnya tidak komprehensif.

Dengan demikian tenaga pengajar merupakan orang yang penting dalam memastikan kejayaan pendidikan di ne-

gara ini, tambahna.

Kemudian, En. Abd. Rahman sebagai pembentang kedua dalam forum itu berkata, sistem pendidikan hanya memberi tumpuan kepada sekolah-sekolah menengah dan rendah sahaja tetapi tidak pada universiti. Contohnya pelaksanaan KBSM yang diluluskan pada Oktober 87 yang kini dalam pelaksanaannya lagi yang bertujuan mereformasikan pendidikan dari struktur lama kepada yang baru.

Ini adalah kerana sistem pendidikan lama tidak berubah sejak merdeka lagi, tetapi yang ada hanya pemantapan sistem itu seperti yang terkandung dalam Laporan Razak dan Laporan Rahman Talib, yang mana struktur pendidikan lama ini tidak mempunyai falsafahnya yang tersendiri tetapi hanya bertunjangan kepada falsafah barat.

Falsafah barat ini hanya menekankan kepada materialisme yang membawa manusia kepada kurang berakhlak, tambah En. Abd. Rahman.

Seperkara yang menyedihkan dalam pembentangan forum yang amat menarik ini hanya segelintir sahaja mahasiswa/i (lingkungan 50-55 orang) yang hadir untuk mendengar dan mengemukakan soalan dan pandangan mereka dalam sesi tersebut.

PIDATO UMUM K.P.Z.

Kolej Pendita Za'ba (KPZ) telah mengadakan Pertandingan Pidato Umum KPZ pada 2 Januari lepas di dewan makan kolej tersebut.

Menurut Pengarah Program merangkap Ketua Sekretariat Pendidikan KPZ Saudara Arshad Ali Rakhir, program ini bertujuan;



Encik Arshad Ali

- * Untuk mencungkil bakat serta kebolehan individu dalam melahirkan pendapat.
- * Untuk membolehkan setiap individu yang berpidato menyakinkan diri dan juga melahirkan semangat kerjasama serta berinteraksi secara positif.

Dalam pertandingan itu, Saudara Ahmad Redha Mokti, Program Matrikulasi Perakaunan Semester 04 berjaya menjuarai Pidato Umum KPZ setelah me-

newaskan 7 peserta lain yang mewakili blok masing-masing.

Saudara Ahmad Redha telah menyampaikan pidatonya di bawah tajuk; "Kecenderungan Akademik Di Kalangan Siswazah: Siapakah Yang Memainkan Perannya".

Tempat kedua dan ketiga disandang oleh Saudari Faizah Eliza Abdul Talib dan Mohd. Hatta Hj. Md. Ramlee, keduanya menyampaikan pidato dengan tajuk sama; "Peng-

aniayaan Kanak-kanak di Malaysia: Punca-punca dan Langkah-langkah Berkesan Yang Perlu Diambil Bagi Mengatasinya". Manakala johan keseluruhan blok pula disandang oleh Blok Bijaksana (siswi).

Tiga juri telah mengadili pertandingan itu diketuai oleh En. Zamri Ahmad dari P.P.P.L. dan dua orang pensyarah bahasa dari Jabatan Bahasa — En. Ibrahim Hj. Salleh dan En. Mohd. Amin Arshad. Pemarkahan berdasarkan kepada gaya bahasa, kefasihan, gaya menyampaikan, isi dan struktur (penyusunan) keseluruhan.

Pengetua KPZ, En. Hj. Ali Hj. Yacob telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang. Turut hadir ialah Fellow-fellow, Presiden Majlis Tertinggi Pelajar (MTP) KPZ dan seramai 152 orang pelajar.



SASTERA & BUDAYA

**KUIZ BUDAYA
UNIT KEBUDAYAAN
HAL-EHWAL PELAJAR
UPM**

MENANGILAH hadiah-hadiah yang berharga dengan hanya menjawab 10 soalan-soalan berkaitan dengan budaya kita.

Jawab soalan-soalan yang dikemukakan dan hantar ke alamat tercatat.

- Hadiah I:
5 buah majalah bulanan.
Hadiah II:
3 buah majalah bulanan.
Hadiah III:
3 buah majalah bulanan.

Syarat-syarat peraduan:

1. Anda dikehendaki menggunakan borang penyertaan rasmi di dalam Akhbar Mahasiswa.
2. Peraduan terbuka kepada semua pelajar UPM kecuali pelajar yang menjadi panel hakim.
3. Keputusan panel hakim adalah muk-tamad.
4. Tarikh tutup: (Seminggu setelah akh-bar diedarkan pada tiap kali keluaran).
5. Nama-nama pemenang akan disiarkan/diumumkan seminggu selepas kuiz di-hakimi.
6. Alamatkan borang penyertaan kepada:
**Urusetia Kuiz Kebudayaan 1991
Unit Kebudayaan
Hal-Ehwal Pelajar
Universiti Pertanian Malaysia
43400 UPM Serdang
Selangor Darul Ehsan**

SOALAN KUIZ

**A. BENTUK OBJEKTIF (CATATKAN
ABJAD YANG BERKENAAN PADA
BORANG JAWAPAN)**

1. Adat-adat yang diamalkan oleh masyarakat Melayu di Semenanjung Tanah Melayu ialah adat Perpatih dan adat
A. Gawai
B. Berderam
C. Sadur
D. Temenggung
E. Istana
2. Cerita Nakhoda Tenggara ialah mengenai anak yang derhaka. Cerita lain yang bersama ialah seperti
A. Batu Belah Batu Bertangkup
B. Jong Batu
C. Malim Kundang

- D. Malim Denan
E. Wayang Kulit
3. Lagu Allahyarham P. Ramlee A.M.N. yang mengagungkan Islam ialah
A. Tari tualang Tiga
B. Rukun Islam
C. Ibu
D. Alhamdulillah
E. 1001 Malam
4. Lagu ABC yang mempunyai mesej pendidikan dinyanyikan oleh
A. Jasni
B. R. Azmi
C. L. Ramli
D. P. Ramlee A.M.N
E. Momo
5. Rakyat keturunan India merayakan hari
A. Ponggal
B. Baratha Natyam
C. Veena
D. Sitar
E. Deepavali sebagai menyanjungi dewa mereka.
6. Pakaian asli wanita keturunan Tionghua/Cina ialah
A. Chap Goh Meh
B. Kuih Bulan
C. Kebaya
D. Ceongsam
E. Batik

B. MEMBERI KENYATAAN

7. Nyatakan keputusan/resolusi Kongres Kebudayaan Kebangsaan Malaysia
A.
B.
C.
8. Nyatakan sumbangan hasil pulangan kepada pendapatan Negara pada tahun 1990.
9. Sebutkan 4 jenis permainan tradisi rakyat Malaysia keturunan Melayu
A.
B.
C.
D.
10. Nyatakan 2 proses adat yang lazimnya dilalui oleh jejaka/teruna sebelum menjadi 'Raja Sehari'
A.
B.

BORANG PENYERTAAN

- Jawapan A. 1.
2.
3.
4.
5.
6.
7.

9. A.
B.
C.
D.
10. A.
B.

- Jawapan B. 7. A.
B.
C.

8.

Nama: _____
Alamat: _____
No. Kad Pengenalan: _____
No. Matrik: _____
Tandatangan: _____



**MANUSIA MELAYU
(untuk Sukarela YBK UPM)**

KASIH

*Badai Selat Melaka yang setia pada keka-sihnya
sejak zaman-berzaman*

*Meskipun wajah kekasihnya kian hari kian pudar
dimamah usia*

*Namun
Kesetiaan kepada kekasihnya tetap jitu dan intim
bagai irama dan lagu*

P.D. 24/8/90
D-YANG ALONG PBMP

Memori Subuh

*Gigil-menggigil aku di pagi hari,
Sedang angin berserta embun menambah lagi kedinginan
Mataku semakin kuyu, layu lesu bagai tak akan terbuka
Sungguh susah mataku untuk dibuka
Ah! Persetankan itu semua
Biar kuikutkan mataku yang semakin layu ini*

*Tapi
Bila kuterengar suara yang mendayu-dayu
Di kejauhan sana
Oh! Laungan azan rupanya*

*Oh! Tuhanku
Aku berdosa...
Amat berdosa
Berdosa dan terpedaya
Oleh pujukan syaitan dan kata hatiku sendiri
Tapi aku hanya insan yang tak berdaya untuk
Melawan kata hatiku ini
Apa lagi yang ditunggu!! Bangunlah...*

*Aku tersentak dari lamunan
Dan mencari dari mana datangnya suara itu
Di sudut sana pintu bilikku
Aku terlihat bayangan susuk tubuh seseorang
Dan lampu pun terpasang
Oh ibuku rupanya
Masya Allah*

Yusman Abu Bakar
Mat. Sains Hayat
24/8/90

**LOOK IN WONDER, LOOK IN
LOVE, LOOK IN PEACE**

*"Look in wonder,
of what you've got here"
said our adopted friends
who came all the way
from the far land.*

*"Look in love,
of the glories to be enjoyed"
reminded our new brethern
who came all the way
to claim they're one of us.*

*"Look in peace,
of the rights you have,
to live, speak, and dream in freedom"
cried our to-be-relatives
who came all the way
to be a part of us.*

*To our adopted friends, new brethern and
our to-be-relatives, I say, "Thank you"
for helping us natives to take a new view
of our own land — our Malaysia!*

— Wan Aida Wan Hassan —

*hujan pagi
sedap tidur
pasti seronok mengenang kekasih
tiba-tiba teringat pada sebuah kehi-
dupan
daerah sunyi
jauh beribu liku
bila hujan turun
membawa sekali air mata sedih
menguji kesabaran
bila rezeki sukar ditoreh*

*Merengung jauh seorang ayah
mengenang nasib anak-anak
kekurangan
makanan
pakaian
ilmu*

*pada pondok yang berdekad dibina
telah menyaksikan kegagalan seo-
rang ayah
jika ia bisa berkata
pasti ia menjerit melaung sekuat yang
boleh
Ubahlah!!! sikap dan prinsipmu
"beras secupak tidak akan menjadi
segantang"*

*tersentak aku
terfikir aku
apakah begitu kepercayaan
bangsaku?*

Mohd.
9.11.90.

ITUKAH KITA??

*Indah itu belum tentu indah
Kotor itu belum tentu kotor
Tenang tidak sebenarnya tenang
Gundah tidak sebenarnya gundah*

Jadi.....

*Nikmat Tuhan harus difikirkan
Hati dan akal sama dikaitkan
Bersyukurlah.....
Bukan berjela bersuka ria*

*Kenapa tidak?
Berjaya!
Mahu popular!
Ingin tunjukkan kemampuan diri
Ingin menonjolkan suatu yang istimewa*


*Persis diri kononnya mengenali
Tetapi hati tak henti berubah
Bak masa merubah segalanya*

*Ingatlah diri ini tetap berjaya
Bukan kecundang
Diri ini kaya
Bukan kepalsuan*

*Itukah kita?
yang hendak dikenali*

*Itukah kita?
Sikit-sikit nak
tinggi diri....*

*Lantas kita tenggelam
akan timbulkah kita??
Sesaat nanti!!*



SATU NOSTALGIA

Dari
Bengkel Pembentukan Pasukan
Kolej Tun Perak
4-9 Disember 1990

Oleh
AKU

**"SEMUA MATLAMAT
MEMERLUKAN PENGORBANAN.
DEMIKIAN KEHENDAK
PERADABAN!! DAN IANYA
BERMULA UNTUK DIRI, UNTUK
MANUSIA LAIN, UNTUK ALAM
DAN UNTUK PENCIPTA."**

HARI itu dia keletihan sedikit. Mukanya nampak dibakar bahang walaupun dia baru sahaja turun dari tanah tinggi. Warna lengannya juga turut dibaham mentari. Aku tahu bila hal-hal di luar ketika bersama mereka, dia selalu berlangan pendek. Kali ini, kali kedua dia turun dari tanah tinggi pada sepanjang cuti Julai ini.

Seperti biasa jam 10:00, dia berada di buaian menikmati malam. Aku tahu waktu itu dia sedang berfikir-fikir mengenai tugas-tugasnya, besok, tentang anak-anak, tentang diriku dan tentang kami semua.

Aku duduk bersama. "Bagaimana di CH kali ini," aku memecah kesunyian. Memang aku suka bertanya hal-hal seperti ini kerana itu sebahagian daripada kehidupan kami.

"Banyak perkara yang berlaku. Sebahagiannya di luar jangka," awabnya.

"Ahh! Ini yang seronok ni!" Kataku, lalu menyambung... "ceritalah." Mintakku.

"Pertamanya..." dia memulakan ceritanya "... ketika di puncak Beremban, aku sendiri terpesona melihat bagaimana pelajar-pelajar KTP yang seramai 25 orang itu dapat berbahasa Inggeris dengan tidak tersekat-sekat. Kebetulan ketika sampai di puncak, ramai pelancong-pelancong tiba. Apalagi pelajar-pelajar aku terus menyapa mereka. Aku masih ingat kata-kata Alang memberitahu rakan-rakannya."

"Kita mesti melayan dengan ramah mereka ni tau! Supaya mereka kembali lagi dan bawa lagi banyak kawan-kawan mereka... Sabarudin Chik tentu beri terima kasih kepada kita. Kita pun boleh tumpang lagi sekaki."

"Apalagi, puncak Beremban menjadi medan bertukar-tukar fikiran antara mereka yang datangnya dari seluruh pelosok dunia," dia memberikan komennya.

Kemudian dia menyambung lagi... "malam itu aku memberikan masa yang agak banyak untuk mereka membuat

ulasan mengenai aktiviti mendaki itu."

"Aku masih ingat bagaimana Jaki membuat huraian dengan mengatakan itulah hari pertama dia berbahasa Inggeris dengan orang putih. Lalu timbul konfidennya bahawa dirinya mampu untuk berbahasa Inggeris walaupun dia sendiri mengakui bahasa Inggerisnya tidak berapa lancar. Yang seronoknya lagi tu... katanya... mat salleh tu kata bahasa Inggeris Jaki cukup baik."

"ET juga dalam menceritakan pengalamannya malam itu turut mengagumi kehebatan kawan-kawan semua kesemuanya."

..... Tun Perak dan anak-anak Melaka yang dulunya tidak pernah melihat Tanahair Banggali Putih kini telah terbawa oleh Banggali itu sendiri dengan hati yang tersenyum simpul ke tanahair mereka!"

rana tiba-tiba sahaja semua mereka boleh menjadi mat salleh..." kata ET... "Kita sebenarnya boleh berbahasa Inggeris jika kita mahu!"

"Aku masih ingat bagaimana mesra mereka bersama-sama dengan pelancong-pelancong itu. Aku tak dapat bilang entah beratus kali flash menyinaran cahaya untuk merakamkan kenang-kenangan bermakna di puncak itu. Adakalanya aku tersentak kerana mat salleh yang laki-laki itu meletakkan tangan-tangan mereka di atas bahu siswi-siswiku ketika bergambar. Ini membuatkan Jaki menjadi jaki dan bersama dengan siswa-siswa yang lain mereka juga mencari peluang meletakkan tangan mereka di atas bahu pelancong-pelancong wanita ketika bergambar. Tapi, aku fikir Jaki, Bumba dan yang lain-lain melakukannya dalam semangat persahabatan antarabangsa!"

"Tersipu-sipu aku tengok siswi-siswiku dalam keadaan demikian. Aku pasti mereka juga tidak menyangka berla-

ku begitu. Tapi aku fikir ini satu pengajaran. Pengajaran untuk memahami budaya lain!"

"Memang! Suasana ketika itu begitu menarik sekali. Pelancong-pelancong dari Australia, Hawaii, Texas, Germany, Portugal, Canada, Norway, Perancis dan England bercampur baur dengan siswa-siswi Tun Perak, berbual-bual, berbincang-bincang bagaikan Persidangan Bangsa-Bangsa Bersatu yang sedang berbicara mengenai kesejahteraan manusia dan pembinaan tamadun sejagat. Dan ini dilakonkan di atas gunung. Nyata siswa-siswi

kan dengan yang lain. Apalagi baju birunya tak berlangan dan bersempit pendek pula. Wajahnya seiras Marilyn Monroe, pipinya merah jambu dan hidungnya pula boleh sangkut baju. Inilah yang membuatkan siswa-siswa KTP menjadi seperti haru-biru seketika."

Aku ketawa mendengar ulasannya dan "...selepas itu, bagaimana...?" Aku bertanya. "Akhir sekali..." Dia menyambung lagi ceritanya... "penghulu telah meminta anak-anak buahnya supaya berbaris dan menyanyikan lagu KTP dan Negaraku khas untuk pelancong-pelancong itu. Apalagi berkumandanglah kedua-dua lagu tersebut yang dinyanyikan dalam keadaan yang penuh pengertian persahabatan antara manusia sesama manusia. Walaupun berbeza warna namun pelancong-pelancong itu kelihatan begitu terpesona dan kagum serta kaget kerana tidak menyangka yang mereka akan memperolehi satu cenderahati yang sesungguhnya luar biasa sekali daripada siswa-siswi KTP. Aku fikir mereka tidak pernah menerima hadiah seperti ini di dalam kehidupan mereka. Apalagi hadiah itu disampaikan dalam bahasa Tun Perak! Inilah yang menjadi wajah mereka berseri-seri dan diiringi dengan senyuman tanpa henti-henti. Senyum yang datang dari hati yang tulus dan dilakukan dalam kesungguhan dan dipaparkan sebagai tanda apresiasi...!"

Dia berhenti sejenak dan kemudian menyambung lagi... "kata Shah.... "Kita telah mencipta satu perkara yang sungguh hebat. Ini satu rekod yang sangat sukar dipecahkan oleh mana-mana kumpulan pelajar pun baik dari UPM maupun dari universiti lain."

"Demikianlah!" Lencana 'I love KTP' berjalan bersama pelancong menyeberangi lautan yang beribu batu dan pasti diletakkan di atas persada indah di sebuah rumah di Oslo, di sebuah vila di Munich, di sebuah apartment di Honolulu, Lisbon,

Lyon, Birmingham dan banyak lagi lantaran ke-nangan hebat yang luar biasa itu. Tun Perak dan anak-anak Melaka yang dulunya tidak pernah melihat Tanahair Banggali Putih kini telah terbawa oleh Banggali itu sendiri dengan hati yang tersenyum simpul ke tanahair mereka!"

"Aku sangat-sangat berharap agar mereka mengambil iktibar dari peristiwa ini terutamanya mengenai bahasa Inggeris yang boleh mereka kuasai semasa di puncak Beremban. Aku pasti jika mereka praktikkan, di lembah sedalam manapun mereka boleh lakukan atau biar di dasar tasik Titicaca atau di dasar selat Margellan sekalipun. Inikan pula di Serdang! Biar janji-janji Bermulanya Di Sini Tak Terulang Lagi... akan terus menipu ke gegendang telinga sebagai semangat untuk terus berbahasa Inggeris."

"Ada satu lagi yang menarik..." Dia menambah "...iaitu perkara jatuh-jatuh tergolek ketika menuruni gunung! Beberapa pelajar telah terjatuh kerana tanah gunung yang licin. Seorang siswaku telah 4 kali jatuh tapi masih bersahaja dan tiada tanda-tanda kesal di wajahnya. Walaupun kawan-kawan yang lain bersuara menyindir bergurau tapi kelihatan wajahnya tidak menunjukkan tanda-tanda kesal malah setiap kali ada sindiran, raut wajahnya berseri-seri. Aku fikir begitulah maksud sahabat, rakan

yang mampu menolak perasaan negatif. Semuanya adalah bertunjangkan "air yang jernih di dalam bekas yang berdebu dan cinta kita - kita yang rasa!"

"Hani, seorang siswiku yang suka makan kepala ikan itu juga dalam suasana wajah yang sama walaupun telah dua tiga kali jatuh. Dalam huraian malam itu, dia mengukir dengan indah tentang perasaannya ketika ia jatuh..."

"Sakit itu memang sakit," katanya. Kemudian menyambung... "yang menyebabkan dada saya tersebak terharu ialah pada ketika saya jatuh saya lihat semua kawan-kawan meluru kepada saya, bertanya itu dan ini. Saya sangat terasa yang saya benar-benar dihargai oleh kawan. Saya lihat muka Mil, Aton, Fizah, Tora, kak N dan semua kawan-kawan penuh dengan perasaan simpati dan ada yang telah membuka peti ubat bersedia jika perlu... Saya tak dapat gambarkan bagaimana maksud dan erti kawan ketika itu..."

Dia berhenti seketika, kemudian dia menambahkan... "Ketika itulah air mata Hani terburai gugur dari dua kelopak matanya. Itulah air mata persahabatan yang tentunya mempunyai maksud yang besar untuk hari ini dan hari-hari esok yang terburai gugur di dalam suasana dinikmati yang kesejukan."

Aku turut merasai pengertian yang diceritakan. Aku fikir dia

berasa puas kerana apa yang ditunjuk olehnya, nampak berhasil. Tentu si Hani dan yang lain-lain juga tidak akan lupa pada waktu dan hari mereka mengenali erti persahabatan!

"Ada satu kebetulan..." dia kembali bercerita...

"Penghulu yang dirinya suka dipanggil Tora itu juga telah jatuh terguling-guling di tempat di mana Hani terjatuh. Yang kebetulannya di sini ialah semua rakan-rakan tahu, kedua-dua mereka ini peminat kepala ikan. Malah kedua-duanya pernah kujemput ke hadapan untuk bercerita tentang minat mereka yang sama itu. Tanpa ada malu-malu, kedua-dua mereka telah menceritakan kegemaran mereka memakan kepala ikan."

"Inilah punca bilik syarahan itu menjadi gamat seketika kerana Bumba dengan selamba bangun dan mengusik... "minat sama, jatuh pun di tempat yang sama, dan di gunung yang sama..." Hani dan Tora juga turut ketawa. Walaupun ada kebetulan dan ada yang sama antara kedua-duanya, tapi jelas perkara itu hanyalah menjadi penyeri bengkel. Mereka sudah dewasa!"

Dia turut ketawa ketika menceritakan hal kepala ikan. Aku pun turut sama. Dia juga menceritakan tentang tiga atau empat orang siswa sentiasa memakai gincu

Bersambung ke muka 10



Dari muka 9

merah pada waktu sesi malam. Dan kadang-kadang selain dari gincu, siswa-siswa berkenaan juga turut bermekap. Ini yang membuatkan kawan-kawan yang lain tersenyum-senyum. Pada mulanya dia tidak dapat merasakan perbezaan yang berlaku tapi mengikutnya, akhirnya dia sedar ada mahasiswa yang bergincu di C.H. Apalagi kesempatan itu digunakan untuk bertemuramah dengan salah seorang yang memakainya gincu.

"Macam mana rasa bila pakai gincu?" Dia bertanya.

"Best," jawab Bol.

"Ada apa-apa perbezaan?"

"Tak ada!" Jawab Bol lagi.

"Di atas tanah tinggi ini memang tak adalah! Kata dia lagi memberi reaksi.

"Ada beza ke?" Tanya Bol mula ragu.

"Di bawah nanti bila kita balik, you tentu akan lihat perbezaannya."

"Itu sudah bahaya."

"Memang!"

"Betul ke ni?"

"Kromosom you yang XY akan bertukar jadi XX."

perti itu adalah baik. Ia menunjukkan adat ketimuran kita. Apalagi jika ianya berlaku dalam suasana yang ikhlas."

Dia mengambil nafas seketika, lalu....

"Tapi, mari kita membuat sedikit tinjauan terutamanya kesan terhadap bentuk hubungan tadi... Yang siswa menjadi adik dan sentiasa terus menjadi adik. Maksudnya dalam bentuk hubungan seperti itu, sang siswa akan berada lebih 'rendah' statusnya daripada siswi tadi. Kelihatan dari segi luaran seperti tidak ada apa-apa kesan tetapi dari segi lain, yakni perwatakan; kemungkinan besar perwatakan siswa tadi akan sentiasa berada di dalam keadaan 'rendah'. Ini lama-kelamaan akan bertambah dan akhirnya akan terbinai 'pagar' di dalam diri siswa itu sendiri. 'Pagar' ini mungkin akan menjadi penghalang utama apabila dia cuba berkomunikasi dengan siswi yang lain. Apakah siswi lain itu, yang juga merupakan seorang wanita akan kagum bila melihat gaya cara dan cara gaya berkomunikasi oleh seorang siswa yang pernah 'menjadikan dirinya adik?' Adik yang biasanya bersifat selalu suka

12.30 malam. Aku meminta mereka membuat keputusan sama ada hendak menyambung lagi akan satu sesi yang telah tertinggal ataupun sebaliknya. Setelah mereka berbingcang, peng-hulu memberitahu aku supaya diteruskan. Aku tersenyum!"

"Kami mulakan aktiviti itu tepat jam 1.45 pagi. Peserta-peserta terbahagi kepada tiga kumpulan. Dengan mengikat mata dengan kain yang tebal mereka mencari benda/barang yang telah diletakkan oleh kumpulan lain. Mereka telah sama-sama menelaah letak barang tersebut melalui peta yang telah dilukiskan oleh kumpulan lain ketika di dalam dewan. Dan dengan mata yang diikat dan dalam suasana malam yang sangat sejuk ditambah lagi dengan embun jantan yang bagaikan debu air itu, mereka terketek-ketek merangkak dan meraba mencari barang-barang berkenaan. Kesemua kumpulan mengambil keputusan berangkaian antara satu dengan lain dalam usaha mencari itu. Kumpulan sepatat diketuai oleh Mil, kumpulan Tunas oleh Alang sementara Inovasi pula oleh Ipol."

"Embun jantan bertambah kasar dan hampir-hampir menyerupai hujan yang renyai-renyai. Ditambah dengan angin malam yang meniup perlahan-lahan tanpa henti menjadikan suasana malam itu dingin sekali. Aku bersama Benji dan 'Abang' Din yang ketika itu sedang mengawasi peserta-peserta ini terasa sangat sejuk malam pagi itu. Benji aku lihat terketar-ketar bagaikan anak merbah yang belum cukup bulu ditimpa hujan seminggu tanpa henti-henti. 'Abang' Din juga begitu. Walaupun kedua-dua mereka memakai baju panas yang berlapis-lapis namun badan tetap bergemar. Tapi kedua-dua orang kuat Tun Perak ini terus menjalankan tugas mereka mengawasi anak-anak Tun Perak merangkak dan meraba mencari harta karun pada malam di pagi yang sunyi, sejuk dan sepi."


"Aku fikir anak-anak Tun Perak akan 'mati' kesejukan. Tapi sangkahan aku meleset. Malah tiada tanda-tanda itu langsung.... mereka bagai helang yang berterbangan di angkasa membelah dan mengharung hujan dan angin. Demikian sungguh-sungguh mereka."

Dia berhenti sekejap. Lalu memasang rokok dan setelah dua tiga kali sedut, dia meneruskan ceritanya....

"Benji memanggil aku untuk menunjukkan telatah kumpulan Tunas, kumpulan ini begitu ghairah dalam mencari

harta. Bomba, Rin dan Reen jatuh terlempang tersepak tebing longkang lalu terus terduduk dalam satu takungan air yang tidak begitu besar. Aku pasti mereka baka. Seketika saja mereka terduduk kemudian bangun kembali meneruskan pencarian. Aku tahu mereka semua penat dan letih kerana sinangnya telah mendaki gunung! Tapi mereka bangun bagai anak jantan yang tentunya tidak ada sungut-sungut atau tidak ada rengkek-rengkek kesal atau penat."

"Aku dengar Benji memberi arahan kepada Alang supaya berjaga-



jaga jangan sampai jatuh ke dalam longkang. Aku menghampiri Benji lalu memberi isyarat supaya jangan memberi apa-apa arahan pada Alang, biar diawasi saja. Alang terus meraba dengan tangan kanannya dalam keadaannya yang merangkak-rangkak.

Habis semua benda yang ada dalam kawasan berkenaan dirabanya. Aku pasti yang dirabanya termasuklah tahi ayam, tahi kucing dan boleh jadi tahi anjing, namun yang dicari tak juga dijumpai. Alang terus meraba. Suatu waktu ketika dia meraba-raba, dirabanya kawasan celah-celah kangkang aku berdiri. Aku besarkan kangkangku dan dia terus merangkak meraba mencari sehingga gagal badan melepasi kangkangku tanpa dia sedari. Alang terus mencari. Ketika menemui longkang besar diturutinya sehingga kedudukan kepalanya menjuman ke bawah. Aku pasti dia mengetahui menerusi panca inderanya bahawa dia dalam keadaan yang bahaya tambahan pula tebing longkang itu dalam keadaan yang basah dan licin kerana embun jantan yang sudah mula menjadi besar. Aku teringat pada satu ketika dulu lewat 70-an, seorang pensyarah UPM hanya terjatuh di sebuah longkang kecil di kantin lama dan kesudahannya hamba Allah itu meninggal. Risau juga aku seketika. Jikalau terjadi seperti itu kepada Alang, terbayang di mataku; aku, Benji dan Din sedang berdiri lesu menanti hukuman mati sambil menghulurkan

tengkuk untuk dipan-cung. Kemungkinan sekali demikian, kerana aku mungkin tidak dapat memberikan jawapan yang baik terhadap perkara itu dalam waktu yang singkat!"

Dia diam seketika. Api rokoknya hampir mencecah jari. Lalu dia menyambung....

"Itulah risiko yang aku tanggung. Tapi aku fikir demi untuk Alang supaya ia mengerti dan memahami dengan baik maksud susah dan payah, maksud perkataan sungguh-sungguh dan macam-macam nilai baik lagi tentang ketahanan diri, aku biarkan

pa longkang," kata Ipol dengan gembira.

"You pastikan tu longkang. Sebab longkang ni pembuka jalan kepada benda yang terakhir yang kita cari." Spontan Ina memberitahu Ipol sambil mengarah supaya melakukan kepastian.

Ipol meraba-raba dengan kaki. Perlahan sekali gaya rabanya. Kemudian ditukarkan kaki kanannya pula melakukan kerja meraba-raba. Dia nampaknya seperti tak pasti lalu dibongkokkan badan dan tangannya pula yang meraba-raba longkang tersebut.

"Pol - kau mesti pasti betul-betul tau!" Kata Aseri.

"Kita caya lulah!" Terdengar pula Ton memberi sokongan moral.

"Ok, ok! Jangan bimbang - lautan berapi pasti kurenang jua!" Kata Ipol berani.

"....Ipol masih meraba-raba dengan tangan.

Dia berhenti sejenak. Mungkin dia berfikir-fikir bagaimana hendak mencari kepastian. Lalu dengan perlahan-lahan dia memasukkan tangan kanannya ke dalam longkang sehingga bertemu dengan air longkang dan dengan sungguh-sungguh ia mence-dok air longkang dengan tangannya lalu dibawa ke muka untuk dihidu.

Oleh kerana mata terikat tutup dan dalam suasana pagi yang gelap-gelita tangan tadi menjadi sedikit terketar-ketar kerana kesejukan, Ipol telah tidak secara sengaja tangannya terus menerpa dengan cepat ke mukanya. Ini menjadikan bukan saja hidungnya yang menghidu tetapi juga pipinya, dagunya dan yang hebatnya, mulutnya juga turut 'menghidu' rasa!"

"Betul, betul... Ini longkang yang kita cari," kata Ipol.

"Ok...best... tahniah Ipol," jawab beberapa ahli yang lain.

"Ipol tidak menjabab. Akhirnya mereka

.....mereka bagai helang yang berterbangan di angkasa membelah dan mengharung hujan dan angin

berjaya di dalam misi mereka."

"Paginya ketika sesi

ulasan... dia menyambung... Aku menghurai kepada Ipol mengenai erti air longkang. Kataku... air longkang itu datangnya dari bilik mandi yang punya tandas sekali di dalamnya. Maka sudah pasti yang kotor dari kotoran-kotoran badan seperti daki, air kencing, serpihan-serpihan najis dan lain-lain, mengalir bersama-sama air dari bilik tersebut dan terus melalui longkang tua itu. Terdapat kolam-kolam

kecil di mana air bertakung di dalam longkang yang telah tidak terurus itu. Air itulah yang telah Ipol hidu."

"Bukan setakat itu saja, nanah-nanah berwarna putih gelap bercampur merah darah kotor berkuman, najis-najis lain seperti luka-luka yang telah bernanah yang terlekat di plaster juga telah dicampak oleh yang empunya di dalam bilik mandi itu. Mungkin muntah-muntah oleh manusia-manusia yang tidak tahan lasak dek suasana CH yang mengandungi pelbagai jenis makanan yang telah hilang bentuk asalnya yang telah bertakung-betul-betul tau!" Kata Aseri.

"Itu belum termasuk benda-benda kecil seperti tahi mata, tahi hidung atau tahi gigi dan sebagainya. Tahi-tahi ini yang dibuang sama ada dalam sink atau bukan sink semuanya bercantum menjadi rupa yang sukar dikenali dan pasti mengalir dan masuk ke dalam longkang tersebut."

"Ini semuanya benda-benda yang datang dari dalam bilik atau dibuang orang di bilik kesenangan awam itu. Belum lagi dikira najis kucing atau anjing yang memang suka melepaskannya kencingnya dan tahinya di dalam longkang itu. Sudah pasti najis-najis binatang itu yang berada di dalam air yang mengalir perlahan di longkang tersebut tentu berbeza keadaannya dengan najis yang berada di atas pasir atau di atas jalan raya."

"Pendeknya, itulah kotor. Itulah pengertian kotor, kotor yang busuk, yang hangit, perit, maung dan sebagainya. Yang itulah yang Ipol rasa! Itulah yang Ipol

hidu, itulah yang Ipol tersapu di pipi dan itulah yang Ipol terminum!!!

"Aku memerhati Ipol. Aku lihat kedua-dua matanya dipenuhi air. Ini air yang putih jernih! Ipol sedih, Ipol duka, Ipol terasa hina!!! Aku tahu bahawa aku tidak sepatutnya melorek sampai demikian. Tapi jauh dalam hati, aku berpendapat biar aku lorek sebegitu rupa supaya kemudiannya dia mengerti apa yang telah



CERPEN



OMBAK MAHBA

...Dunia ini sungguh luas. Maya pada tak ber tepi. Ombak menggulung menghempap gigi pantai. Desiran angin sepoi-sepoi bahasa kian menggigit kulitku. Aku sendirian di kaki air yang menggumpal pepasir. Bebutir. Pantai Teluk Batik menagih kehadiran manusia yang rindukan ketenangan. Saban tahun, saban musim, Teluk Batik menagih kunjungan para tamu tanpa diundang, tapi pengunjung tetap menghadirkan diri. Pesta laut bermula.

Aku sejak tadi hanya berkesempatan memerhatikan gelagat pemuda-pemuda tempatan dengan laungan, "Kak, pelampung kak..." "Abang, pelampung bang..." "Adik, pelampung dik..." Jeritan laungan bagaikan pasar malam.

"Adik nak mandi ya," kata seorang pemuda mempelawa seorang kanak-kanak berusia delapan tahun.

Kanak-kanak itu hanya tersenyum sambil memandang ke arah ibu dan ayahnya, tanda isyarat persetujuan.

"Berapa sewanya?" Tanyaku.

"Emm, sejam seringgit, bang," jelasnya sambil menyudikan pelampung ke tangan anakku.

Anakku belum pasti menerima selagi aku tidak memberikan jawapan. Tapi tiba-tiba isteriku menyuruh anakku, "Kalau Reeny nak mandi, ambillah."

"Bayar sekarang bang," jelas pemuda itu setelah anakku yang tunggal terasa kepinginannya untuk bercanda dengan air laut. Kali pertama rasaku dia berkesempatan. Itu pun kerana janjiku padanya tahun lalu.

"Reeny, kalau Reeny dapat mengekalkan keputusan peperiksaan seperti ini, papa dan mama akan bawa Reeny mandi laut. Reeny pun belum pernahkan?" Kataku mengajukan tawaran kepada Azureen, satu-satunya khazanahku bersama Suriani.

"Bagus, papa, Reeny

tak pernah lagi mandi air laut. Asyik-asyik mandi air sungai, air terjun, air paip. Cikgu kata mandi laut baik untuk kulit." Kata Azureen tanpa disuruh, lantas berceletoh. Aku pasti itu naluri hatinya. Entah apalagi, perasaan seronoknya tiba-tiba memuncak. Hanya mamanya yang melayan anak kesayangannya. Maklumlah, itulah buah hatinya. Delapan tahun berlalu, belum ada tanda-tanda benih akan bercambah. Mungkin-kah ini satu-satunya benih yang memokok? Tuhanku, berilah kepadaku pertambahan khazanah. Biar ramai. Biar becok isteriku melayan anak-anakku. Biar Azureen beradik, dapatlah kesunyiannya ditemani keriuhan adik-adiknya.

"Papa, Reeny suka adiklah!" Suatu ketika Azureen mencurah perasaan. Itukah perasaan kesunyiannya? Ahh... kau pun mahu teman untuk berbicara. Aku dan isteriku sekadar angguk-angguk, tanda restu. Aku dan isteriku sudah giat menanam. Tapi musim menuai belum pasti lagi. Apakah bergurun? Apakah tandus? Apakah kemarau memanjang? Allah yang mengetahui segalanya. Allah yang mempercambahkan. Allah yang menentukan. Memang aku dan isteriku kepingin menambah anak-anak. Biar ramai. Biar halilintar suara tangis. Biar berderai suara helai ketawa. Biar... sedozen? Aku mampu menyara. Aku dan isteriku pun sudah bergraduat, tahun 80-an. Gaji lebih. Anak biarlah lebih.

"Bang, duit kecik...!" Sergah isteriku. Hilang seketika lamunanku.

"Emm, berapa?" Aku minta kepastian dari isteriku.

"Seringgit." Jawab isteriku.

Aku keluarkan wallet dan wang kekuningan syiling aku serahkan pada Nordin, pemuda yang menjaga pelampung tayar untuk mereka yang hendak bermandi laut; pelampung untuk yang tak tahu ber-

enang. Bagus juga pemuda ini, pakai name-tag dan peramah pula. Itulah stail orang business.

"Papa, mama, Reeny mandi ya," permohonan keizinan dari anakku.

"Sue, kau temankan Reeny mandi, abang nak rest bawah pokok." Arahku pada isteriku. Isteri yang akur sambil membimbing Azureen ke gigi pantai. Keputihan betis isteriku menampakkan kebeningan hatinya. Ahh... kenapa kau selakkan tinggi-tinggi? Kan manusia ramai? Lelaki mana yang tak geram? Banyak mata mencuri betismu, sayang!

Ombak menghempas pantai. Ketawa riang para anak yang diberi kesempatan oleh ibu bapanya untuk mandi. Berkejaran. Terbuai-buai badan yang ringan diapung oleh ombak. Puluhan anak-anak mandi. Puluhan anak belasan tahun mandi. Puluhan muda-mudi mandi.

Kalau yang mandi tu gadis, bertekaplah susuk tubuh gebunya. Membayang kinabaluanya. Masing-masing dengan gelagatnya.

Kutinggalkan isteriku bersama anakku. Biar Azureen mandi sepuas hatinya. Jangan kepunan. Jangan lagi menagih. Kalau dah puas, naik ke darat. Tak payah disuruh.

Di bawah pohon ketapang, kusandakan baidanku pada batangnya. Hamparan tikar mengkuang kraf tangan rakyat pribumi, alas punggungku. Mangkuk tingkat dan barang makanan telah siap sedia. Isteriku faham benar sikapku bila berkelah. Semua mesti disiapkan dari rumah. Tidak perlu berebut-rebut membelinya. Lagipun, masakan Suriani amat istimewa bagiku. Masakan campuran Cina-Melayu. Suriani, asalnya Ai Lee, kini menjadi Muslimah sejati.

Masa senggang sebegini, kusempatkan untuk membaca. Aku memang kaki buku. "Shock Waves", buku terbaru baru kubeli. Se-

paruh jalan aku tukar kepada novel "Jangan Ambil Nyawaku", karya Susanti Meose, penulis Indonesia, yang kubeli ketika ku ke Jakarta semasa lawatan sambil belajar pelajar-pelajar Universiti Pertanian Malaysia awal tahun 80-an. Hingga hari ini, aku sudah tiga kali mengulangi novel itu. Entah kenapa ceritanya menarik. Aku baca stail tebus-tebuk kerana bacaan ini hanya pengulangan. Habis setebal dua ratus halaman. Khazanah bukuku, siri novel 140. Setiap buku yang kubeli, kucop "Khazanah Iduhsam". Kutukar kepada novel ringan, "Di. Ar. Ti." oleh Rahmat Haroun. Kisah mengenai bidang kedokteran. Bila aku membacanya, aku teringat adikku, Mughni yang sudah bergelar doktor perubatan, lulusan USM. Ceritanya hampir sama apa yang dialami oleh Mughni. Pernah suatu ketika dia berbicara tentang medicine. Akhbar Sunday Times, Berita Minggu, Mingguan Malaysia, Watan, Harakah; akhbar harianku dan familiku. Kutatap sekadar headline saja. "US READY TO CHALLENGE IRAQ". "IRAQ AJAK RAKYAT BERJIHAD HADAPI MUSUH DUNIA". "KERAJAAN AKAN MENGUSAHAKAN KEPULANGAN RAKAT: MAHATHIR TELEFON BAGHDAD." "46, PAS DAN DAP PASANG STRATEGI TUMBANGKAN BARRISAN".

Sejam berlalu. Kulepaskan pandangan ke laut lepas. Luas. Bucu langit bertemu bucu laut. Bagaikan kualiti. Desiran pasir bertaut dengan ombak kedengaran.

"Hei, apa kau di sini?" Terpa satu suara tajam dari arah belakangku. "Hai Piai, apa khabar?" "Apa mimpi kau dari Johor sampai ke sini? Seorang saja?"

Aku tidak menjawab pertanyaan Shapiai, teman serumahku ketika jadi student UPM

dulu. "Aku saja bawa anak-anakku. Nak mandi laut. Nak sangat mereka tu. Semalam aku balik ke rumah mertuaku di Ipoh. Esok cadang nak ke Teluk Intan. Sepupuku nak kenduri walimah." Tanpa diminta, dia memanjangkan ceritanya. "Mana teman kau, takkan seorang saja?" Tanya Shapiai pula.

"Aku dengan orang rumah. Nun sebelah sana. Tengah temankan anak kami yang ingin benar nak mandi laut," jelasku.

"Berapa anak sekarang?" Tanyaku. "Dah tambah ke belum?" Ulangku.

"Dah setengah dozen. Semua belalai," giat Shapiai, temanku yang suka kelakar. Kelakar orang tua. Dia teringin-kan anak perempuan. Waktu kami serumah dulu, dia berjanji kalau dapat anak perempuan, nak jamu semua kelas PBMP akhir semester. Waktu itu baru empat.

"Amacam, masih menulis lagi? Lama tak nampak nama dalam akhbar. Mogok seni kot macam Pak Samad," giatku. "Penulis mana boleh berhenti," kataku. Sambil itu, aku mempelawanya duduk. Anak-anaknya turut duduk dan berjabat tangan tanda salam padaku.

Ombak menghempas pantai. Ketawa riang para anak yang diberi kesempatan oleh ibu bapanya untuk mandi. Berkejaran. Terbuai-buai badan yang ringan

Sopan dan berbudi macam ayahnya. Sebagai ketua rumah sewa dulu, kami serumah; Mazlan, Jalil dan Ishak memangginya orang tua. Bila kami panggil orang tua, marah sungguh dia. Bila marah, kami makin giat. Marah orang tua tak lama. Akhirnya kekal panggilan "orang tua". Dia tak mahu dipanggil orang tua sebab umurnya ketika itu baru menghampiri 40 tahun. Kami serumah hormat dan melantiknya menjadi 'boss'. Dia imam kami. Dia tempat kami merujuk subjek yang berkaitan dengan hal Kesusasteraan Melayu. Penulis yang prolific. "Mimbar Merdeka" puisinya yang berjaya menjadi tajuk antologi puisi hari kemerdekaan tahun 80-an dulu. Kami tumpang sekaki bila dia dapat hadiah, dapat makan sate Kajang.

"Novel 'Ceritamu, Ceritaku' dah siap? Aku tak jumpa lagi dalam pasaran. Kalau dah terbit, bagi aku satu," tambahku menagih cerita lama. Dia mengambil aksi jalinan hidupku sebagai

tema novelnya yang sulung.

"Dah terbit, tapi belum lagi dalam pasaran. Lambat sebab aku tukar publisher. Publisher Wamak tipu aku. Kata nak terbit... nak terbit, tapi diperapnya dua tahun. Aku ambil manuskrip tu, tukar Dija Publisher," kata Shapiai dengan nada kekesalan terbayang.

"Kau pula bagaimana? Seharusnya kau manfaatkan ilmu di menara gading untuk mengisi lompang dalam dunia kesusasteraan kita. Kau sewajarnya mengaplikasikan ilmu Haji Kadir. Takkan sebuah cerpen pun kau tak tulis? Kau dan isteri kau kan bisa berdiskusi tentang dunia sastera. Aku akan terasa dunia ini menguntum senyum bila penulisan kau muncul dan kau kelak berada di barisan penulis-penulis baru walau kau dah tua." Bicara Shapiai semakin merangsang tanpa dipolemikkan. Bicaranya tak ubah, seolah-olah seperti masih serumah dulu.

"Aku pun sebenarnya sedang menyiapkan sebuah novel. Manuskripnya, Sue sedang edit. Dia seperti dulu, mahu aku sama seperti kau, alang-alang berilmu, biarlah diketengahkan. Aku pilih tema tentang fenomena dan kedudu-

ikut cousinnya ke Singapura. Anakku yang kedua ni liat nak belajar. SRP yang lepas ni rimas dibuatnya. Takut-takut tersangkut." Keluh Shapiai tiba-tiba.

"Anak kau dah sekolah? Suriani mengajar di mana? Untung kau dapat jodoh sekampus, sekelas," semakin rancak perbualan kami.

"Dah baru masuk tahun dua KBSR. Sue mengajar di Sekolah Menengah Datuk Bendahara, Gombak. Untung tu untung, tapi mixed-marriage ni banyak ragam yang perlu difahami. Banyak asimilasi dan akomodasi sebelum sesuatu realisasi dilaksanakan. Dah jodoh ke situ. Kan mati hidup jodoh di bawah naungan Ilahi," giliranku merancakkan bualan.

"Dah pukul 12.30, tak naik-naik lagi pulak anakku, berendam sungguh kat air masin. Aku merasa akan kelewatan dan kepanjangan masa yang diambil oleh anakku untuk bercanda dan mandi dengan air masin.

"Haa... Budak memanglah begitu. Selagi belum puas, takkan nak naik," celah Shapiai.

"Har, Lan, bukukan baju adik, ganti baju mandi. Letakkan sebelah barang Uncle Sam," arah Shapiai kepada anak-anaknya.

Aku menunggu kepulangan isteriku dan anakku. Tapi terasa benar kelamaannya. Lantas aku mengangkat punggung cuba mencaricari mereka.

"Dah siap? Mari kita ke air." Pelawaku pada Shapiai dan anak-anaknya.

Dalam perjalanan itu, aku dan Shapiai sempat memerhatikan sejuta gelagat hidup manusia. Yang pastinya, mereka dalam keadaan riang gembira. Anak-anak berkejaran. Dataran pasir pantai ditumbuhi manusia. Hamparan tikar berwarna-warni merata-rata. Semuanya ingin-kan kepuasan, kedamaian, ketenangan.

"Sue, ini Piai dan anak-anaknya. Budak-budak tu nak mandi," sergahku pada isteriku yang sedang memerhatikan Azureen bermain dengan air masin. Agak terkejut dia dengan kejutanku.

"Assalamualaikum. Apa khabar orang Johor? Lama tak dengar berita!" Sapaan isteriku kepada Piai, teman sekelas, sekuliah dulu. Dan kami sama-sama tahu ragam dan kesifatan hidup sebagai pelajar dulu. Aku nampak isteriku tidak janggal dengan kehadiran Piai. Terjalin kembali persahabatan yang terlerai kerana batasan waktu dan kejauhan serta masing-masing dengan gerak halnya.

Bersambung keluaran akan datang

TAHNIAH DARIPADA KAM



Mohamad Ghazali b. Hamzah Yang Di Pertua

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR
UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA

SESI 1990/91

Sebahagian daripada ahli MPP




Ilias b. Hamat Naib Yang Di Pertua




Taha b. Ahmad S/U Agong



Hasnan b. Hj. Ratib Penolong S/U Agong




Ayoep b. Abd. Rahman Bendahari



Kamarudin b. Hj. Mohd Tahir S/U Pendidikan I



Tariq b. Jaafar S/U Kebudayaan I




Kaharudin b. Mohd Salleh S/U Penerangan I



Omar Baki b. Zainal Abidin S/U Perhubungan I



Saifullah Ariffin b. Jaaman S/U Sukan I



Abdullah Khairi b. Hj. Haron S/U Kebajikan I



Faiezah bt. Jaffar S/U Penerbitan I



Raja Hasni bt. Raja Hassan HELWA

Dari muka 10

dilakukannya."

"Kelihatan Ipol tunduk dan mengesat air matanya. Rakan-rakan lain diam, sayu, memek muka kelihatan tanda simpati pada Ipol. Ipol kian terasa!!!"

"Tapi Ipol... aku bersuara perlahan tapi pasti... mari sekejap kita lihat misteri yang terkandung di belakang perbuatan you itu. Apa yang telah you lakukan adalah satu perbuatan yang ditakrifkan sebagai "pengorbanan". Di dalam pengorbanan ianya tersangat jarang mempunyai yang sedap atau yang indah-indah, atau lain-lain yang bersamaan dengannya. Malah rasa-rasa ini adalah musuh kepada pengertian pengorbanan. Yang terkandung di dalam "pengorbanan", kebiasaannya adalah rasa seksa, susah, rasa hina, dan sebagainya. Rasa-rasa seperti ini kelihatan sebagai satu macam jijik. Selapis dipandang ianya begitu, ianya akan dihindari atau dielakkan oleh kita manusia. Tapi sejarah manusia menunjukkan bahawa tidak ada kejayaan yang dicapai tanpa apa-apa pengorbanan! Malah pengorbanan adalah intisari penting dalam ramuan kejayaan. Kedua-dua-

nya bagai sepasang merpati putih yang bercinta setia sepanjang hayat!"

"Lihat saja, setelah longkang itu dipastikan longkang; akhirnya kumpulan you telah berjaya dalam misi itu. Siapakah yang menyebabkan kejayaan itu dan siapakah yang telah berkorban? Siapakah yang memimpin kumpulan dan siapa yang mengikut dan apakah peranan pengikut dan apakah peranan yang memimpin? Jelas yang memimpin harus berkorban lebih dari yang dipimpin dan "berkorban" mesti ditunjukkan atau dipamerkan dengan perbuatan. Dengan demikian baru "kita jadi mulia".

Pol... anda manusia hebat!

Rakan-rakan lain bangun, memberi nafkah sambil bertepuk tangan kepada Ipol.

Kata seorang teman... "Pol, mudah-mudahan bersinarlah hakikat!"

"Ipol... salah satu dari tiang yang menjadi asas kepada "kemerdekaan diri" ialah "pengorbanan". Orang yang "merdeka" biasanya mengerti maksud dan titik penghujung kepada pengorbanan. Jika halangan memerlukan pengorbanan untuk kesejahteraan maka orang yang merdeka akan ber-

korban. Jika kejayaan memerlukan pengorbanan maka orang yang merdeka akan rela berkorban dan jika kemenangan memerlukan kematian maka dia akan sanggup mati!!! Ipol... begitulah pengertiannya."

"Semua matlamat memerlukan pengorbanan. Demikian kehendak peradaban!! Dan ianya bermula untuk diri, untuk manusia lain, untuk alam dan untuk Pencipta!!"

"Syabas!" "Ipol berubah wajah! Ipol berubah wajah!!"

Malam kian lanjut usia, jam sudah 3.00 pagi. Dia mengajak masuk untuk tidur kerana besok harus ke pejabat. Dan ketika menaiki tangga aku dengar dia menyanyikan sepotong lagu dengan perlahan tetapi jelas...

"Suatu hari nanti Pastikan bercahaya Pintu akan terbuka Kita langkah bersama Di situ kita lihat bersinarlah hakikat debu jadi permata hina jadi mulia bukan khayalan yang aku berikan Tapi keyakinan yang nyata

Kerana cinta Lautan berapi pastikan kurenang jua!"

CARI KESALAHAN SENDIRI, KATA PROF. BADRI

Oleh Nik Shafiruddin N. Shahar Shah

MAHASISWA-MAHASISWA yang kurang berjaya di dalam pelajaran sepatutnya menyemak dan mencari kesalahan diri sendiri daripada menyalahkan orang lain akibat daripada kegagalan mereka.

Demikian antara yang dinyatakan oleh Dekan Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, Prof. Dr. Badri Muhammad dalam ucapannya semasa merasmikan Bengkel Teknik Belajar anjuran persatuan mahasiswa fakulti tersebut pada 29 Disember 1990 tahun lalu.

"UPM sebagai sebuah organisasi mempunyai mekanisme 'check-and-balance'nya yang tersendiri. Jika terdapat kelemahan dalam pentadbiran, maka kita perbetulkan pentadbiran; jika kurikulum tidak sesuai, maka kita akan mengemaskinikannya supaya lebih sesuai dan penyarah juga sentiasa menyemak prestasi mereka untuk meningkatkannya lagi," tambah beliau lagi.

Beliau menambah "semakin banyak surat kepujian dekan yang diperolehi oleh seseorang pelajar maka kerjaya

masa hadapan pelajar itu akan lebih teguh dan purata himpunan (CGPA) yang tinggi akan menjadikan kehidupan kita lebih bermakna semasa berada di universiti."

Prof. Badri kemudiannya memberikan 4 cara belajar yang diamalkannya semasa berada di universiti dahulu. Pertama, dia membaca banyak buku-buku teks dan rujukan kerana "buku adalah ilham yang diterima oleh pengarang dan ianya berbeza dari satu pengarang ke pengarang yang lain."

"Dengan banyak membaca buku yang ditulis oleh berlainan pengarang, maka insyallah, kita akan berjumpa dengan kaedah penghuraian yang berpadanan dengan pemikiran kita," ujar beliau lagi di samping menambah bahawa nota kuliah adalah sebagai panduan sahaja bukannya sumber rujukan yang utama.

Kedua, perbincangan dengan rakan-rakan tentang sesuatu subjek yang dipelajari adalah amat mustahak kerana ini akan menjadikan kita lebih fasih dengan

apa yang dipelajari dan "tahu apa yang kita tidak tahu."

Ketiga, pelajar perlu meneliti dengan baik terhadap perkara yang dibaca dan bertanya kembali kepada diri sendiri, apakah yang telah dibaca itu kerana ini akan menjadikan pelajar lebih faham tentang perkara yang dipelajari itu.

Keempat, pelajar perlulah menjawab segala soalan dan masalah yang dikemukakan di dalam buku teks kerana ini akan meningkatkan lagi kefahaman pelajar tentang sesuatu itu dan menurut beliau lagi "akan membantu anda semua menjadi profesor pada tahun 2000 nanti."

Sebagai mengakhiri ucapan beliau, Prof. Badri mengingatkan para peserta bengkel bahawa "kurikulum tidak mengagalkan kita tetapi diri kita sendiri yang mengagalkan kita."

Bengkel yang berlangsung selama dua hari itu dari 29 hingga 30 Disember 1990 telah disertai oleh seramai 90 orang para pelajar dari fakulti tersebut.

GELAGAT

OLEH: *Rozia Baharuddin*



Ulasan Buku



menongkah gelombang

ARIPIN SAID



Judul : Menongkah Gelombang
Pengarang : Aripin Said
Penerbit : Pustaka Mastika

Pengulas : Saaid Majid

NAMA Aripin Said sudah tidak asing lagi dalam arena kesusasteraan di tanahair, terutama dalam penulisan novel, cerpen, sajak dan rencana kesusasteraan Melayu.

Selain menghasilkan karya kesusasteraan, beliau juga giat dalam upacara-upacara atau majlis-majlis pengucapan puisi dalam dan luar negara.

Novel remaja Me-

nongkah Gelombang karya Aripin Said ini merupakan salah sebuah novel yang mendapat sambutan hangat, terutama di kalangan pelajar-pelajar sekolah menengah.

Menongkah Gelombang bukan sahaja sesuai dibaca oleh pelajar-pelajar malahan ia sesuai dibaca oleh pencinta sastera untuk menilai mutu novel berkenaan. Kegigihan dua gadis

menghadapi cabaran hidup untuk berjaya dalam persekolahan merupakan tema yang dipaparkan oleh Aripin Said di dalam novel ini.

Novel ini mengisahkan Syida seorang pelajar dari Pantai Timur bertemu dengan Dona dari Utara di sebuah sekolah berasrama penuh di negeri Melaka.

Syida anak nelayan, seorang yang gigih dalam pelajarannya walaupun terpaksa menghadapi perbagai masalah.

Dona pula anak seorang kaya dan merupakan kawan baik Syida. Donalah yang banyak membantu bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Syida terutama dalam soal kewangan selepas bapa Syida hilang di laut dilanda taufan.

Dona banyak mendorong Syida untuk berjaya baik dalam bidang pelajaran mahupun dalam bidang yang diminatinya iaitu menyanyi, sehingga Syida berjaya menjadi seorang artis rakaman yang terkenal.

Cuti persekolahan sering menjadikan mereka saling merindui dan kesepian sering menyelubungi jiwa mereka.

Aktiviti yang diikuti di sekolah seperti lawatan membuatkan mereka mendapat sesuatu pengalaman dan pengetahuan yang baru dalam hidup.

Dona sering berkunjung ke rumah Syida di Pantai Timur ketika cuti. Dona tidak berat tulang, dia sering membantu ibu Syida berniaga setiap kali dia berada di sana.

Bapa Dona seorang yang sangat sibuk dalam hidup terutama dalam soal perniagaan. Pada suatu ketika, setelah Dona habis menghadapi peperiksaan, Dona dan keluarganya berangkat ke Jakarta, Indonesia melalui Singapura. Pergian mereka ke Jakarta itu telah diberitahu kepada Syida melalui poskad.

Sebuah kapal terbang jatuh terhempas dan mengorbankan banyak jiwa. Syida bersedih mendengar berita tersebut tetapi pada suatu ketika yang lain mereka bertemu di London, bagaimanakah keadaan mereka seterusnya? Untuk mengetahui cerita selanjutnya elok sekali pencinta sastera mendapatkan novel ini.

Persoalan-persoalan yang dipaparkan dalam novel ini sungguh menarik dan tidak jemu membacanya. Ucapan tahniah kepada Aripin Said kerana dapat menghasilkan novel yang bermutu, semoga beliau tidak jemu menghasilkan sebarang hasil sastera demi memperkayakan khazanah kesusasteraan Melayu tanahair.

PERTUNJUKAN KETENTERAAN

MAJLIS Tertinggi Kolej Kediaman Ketujuh akan mengadakan sambutan Hari Keluarga Ke-6 dan Hari Siswi Ke-8 pada 23 dan 24 Februari akan datang.

Sambutan ini merupakan acara tradisi kolej dan diadakan pada tiap-tiap sesi bagi semester Disember.

Tema sambutan pada kali ini ialah 'Mahasiswa Dinamik Ke Arah Pembangunan Progresif' mempunyai tiga objektif yang utama iaitu:

- * Mengeratkan lagi ukhuwah di antara masyarakat awam dan tentera bagi menggembelngkan tenaga dan ilmu untuk mewujudkan keharmonian negara.
- * Menyedarkan ma-

sarakat tentang peranan yang dimainkan oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) ke arah kemajuan masyarakat secara menyeluruh.

- * Membentuk minat masyarakat kolej dan kampus untuk sama-sama memberi pandangan dan pengetahuan bagi membangunkan sosio-ekonomi negara secara aktif.

Di antara program-program yang akan diadakan termasuklah pameran sejarah, operasi dan kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri.

Selain daripada itu terdapat pameran kraf-tangan, akademik dan pameran kelab-kelab kolej. Bersesuaian dengan penempatan pegawai-pegawai kadet di Kolej Ketujuh, pameran dan pertunjukan ketenteraan juga akan diadakan.

Pertunjukan lain ialah pertunjukan telekomunikasi, kebudayaan dan pertunjukan fesyen. Beberapa pertandingan turut diadakan bagi memeriahkan lagi sambutan tersebut. Di antaranya adalah pertandingan masakan, membuat ising kek, gubahan, lukiscipta dan mencipta arca.

CENDERAMATA PELURU



Sebahagian daripada anggota PALAPES UPM.

Tentera Laut Diraja Malaysia di Markas Wilayah Laut 1 Tanjung Gelang, Kuantan telah menghadihkan sebuah cenderamata berupa sebutir peluru bersaiz 40mm kepada PALAPES UPM pada 17 November yang lalu di malam Jamuan Barbeque di antara pegawai kadet

junior dengan pegawai-pegawai TLDM di Yacht Club.

Komander Tajuddin bin Yahya, wakil Panglima Wilayah Laut 1 berbutir peluru itu sebagai tanda penghargaan dan terima kasih kepada PALAPES UPM yang telah memilih markas

tersebut sebagai tempat latihan.

Menurutnya lagi cenderamata itu juga sebagai tanda bahawa PALAPES UPM adalah kumpulan yang pertama mengadakan latihan menembak secara rasmi di padang tembak yang baru dibina di markas tersebut.

PLK PERLU BUAT KAD

PELAJAR luar kampus (PLK) yang masih belum membuat kad pelajar sebagai pengenalan diri diminta berbuat demikian bagi memudahkan pihak pentadbiran dan bahagian keselamatan menjalankan tugas.

Pengetua PLK, Encik Marjohan Marhalis berkata, kad PLK yang berharga \$3.00 hendaklah disiapkan segera kerana ada tujuan dan faedahnya.

Seperti juga pelajar kolej kediaman dalam kampus dikenakan bayaran, PLK juga berbuat demikian agar le-

bihan wang itu boleh disimpan dalam tabung kebajikan untuk kegunaan ahli menjalankan kegiatan.

Katanya, kad PLK itu juga memudahkan pihak keselamatan mengenali pelajar dari mana sekiranya berlaku kejadian yang tidak diinginkan yang membabitkan pelajar UPM.

Tidak dapat dinafikan ada perkara yang dilakukan oleh pelajar dalam kampus tetapi mereka mengaku mereka adalah PLK.

Di samping itu, dengan adanya kad PLK itu akan memudahkan


pihak tertentu mengesan alamat terbaru jika berlaku kecemasan atau kemalangan.

Encik Marjohan berkata, PLK boleh mengadakan kegiatan seperti sukan, seminar dan projek kampung angkat melalui persatuan PLK yang sudah ditubuhkan.

Pihaknya sentiasa memberi kerjasama dan bantuan khidmat nasihat kepada PLK yang ingin menjalankan kegiatan yang berfaedah dan memberi kesan yang baik kepada pelajar dan universiti.

Siri Pendidikan Longman

Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa



Mat Nor Hussin
Ab. Rahman Ab. Rashid

Judul : Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa
Pengarang : Mat Nor Hussin Ab. Rahman Ab. Rashid
Penerbit : Longman
Halaman : 226 m.s.
Harga : \$12.50
Pengulas : Saaid Majid

BUKU Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa, ditulis oleh dua orang tokoh pendidik yang mempunyai pengalaman luas

dalam bidang teknologi pendidikan.

Mat Nor Hussin bertugas sebagai seorang pensyarah Teknologi Pengajaran Bahasa Ma-

aysia di Jabatan Bahasa, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia (UPM), manakala Ab. Rahman Ab. Rashid bertugas sebagai pensyarah di Institut Perguruan Sultan Idris (IP-SI) Tanjung Malim, Perak.


Penerbitan buku ini memang kena pada masanya, kerana buku yang mempunyai kandungan tentang hal-hal teknologi pendidikan dalam bahasa Malaysia sukar didapati di negara ini. Usaha yang dilakukan oleh mereka bagi menulis buku ini harus mendapat pujian dan dengan itu penerbitan buku ini menambahkan lagi khazanah buku-buku ilmiah dalam bahasa Malaysia sepertimana yang diharapkan oleh Menteri Pendidikan kita.

Buku ini mengandungi 17 bab. Setiap bab menerangkan dengan terperinci tajuk-tajuk yang dikemukakan. Antara tajuk-tajuk yang terdapat di dalam buku

ini ialah Papan Flanel, Pembuat Ayat dan Kad Perkataan, Bahan Bercetak, Bahan Iklan, Bahan Kartun, Penggunaan Suratkhbar, Buku Teks, OHP dan Lutsinar, Pita Rakaman, Slaid dan Filem Slaid Bersama Bunyi, Filem 16mm, Radio dan TV Pendidikan, Lawatan, Perpustakaan, Teknologi Pendidikan dan Perkembangannya di Malaysia.

Buku Alat Bantu Mengajar Dalam Pengajaran Bahasa direncanakan khas untuk kegunaan guru-guru baha-sa di sekolah, guru-guru pelatih di maktab-maktab perguruan dan mahasiswa-mahasiswa kursus Bachelor Pendidikan di universiti tempatan.

Buku ini boleh dijadikan panduan dalam memilih, membuat serta menggunakan alat bantu mengajar yang sesuai bagi memenuhi keperluan pengajaran-pembelajaran bahasa agar menjadi lebih baik, menarik dan berkesan.



Vijay sedang menghadiri satu persidangan.

SISWA UPM KE LUAR NEGERA

Pada bulan November yang lepas, saudara Vijay Kumar, pelajar Program Bachelo Pendidikan (TESL) semester 6 bersama Dato Wan Hamid, pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri telah mewakili negara ke 2nd World Red Cross/Crescent Meeting on Volunteerism di Mexico City.

Persidangan ini telah dihadiri oleh wakil-wakil daripada 135 buah negara.

Saudara Vijay telah membentangkan kertas kerjanya yang bertajuk 'The Role Of Higher Institutions in Promoting Volunteerism.' Kertas kerja beliau ini telah mendapat sambutan yang hangat kerana beliau telah membentangkan kertaskerja ini dengan menggunakan transperensi berwarna, slaid dan muzik yang

telah disediakan dengan bantuan unit media PPPL.

Selepas di Mexico, beliau telah menghadiri Kursus Cardio Pulmonary Resuscitation (CPR) di Los Angeles, California.

Di samping itu, beliau juga telah memberi taklimat mengenai kedudukan pelarian-pelajaran Vietnam di Malaysia dan bantuan yang diberikan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia kepada pegawai-pegawai utama Persatuan Palang Merah Amerika.

Beliau juga telah menghadiri kursus Undang-undang Kemanusiaan Antarabangsa di Vancouver, Kanada dan mengadakan beberapa perjumpaan dengan pegawai-pegawai utama Persatuan Palang Merah Kanada.

HARI FAKULTI PENGAJIAN PENDIDIKAN

FAZILAH ABDULLAH

FAKULTI Pengajian Pendidikan UPM telah mengadakan Hari Fakulti pada 8 Januari lalu, bertemakan 'Pendidikan Cemerlang Masyarakat Bermutu' dan telah dirasmikan oleh Naib Canselor UPM, Prof. Tan Sri Dato Nayan Ariffin.

Acara bermula dengan majlis perasmian serta penyampaian hadiah dan Sijil Pelajar Cemerlang kepada seramai 123 pelajar iaitu PBMP: 51 orang, TESL: 32 orang, PJ: 31 orang, Pendidikan Bimbingan dan Kaunseling: 15 orang dan Pendidikan Sains Pertanian: 4 orang layak menerima sijil tersebut.

Pada petangnya pula

diadakan Diskusi Buku. Buku-buku yang dibincangkan adalah hasil tulisan pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan. Buku-buku tersebut ialah 'GURU DAN PERGURUAN' oleh Dr. Noran Fauziah Yaakob dan Prof. Ahmad Mahdzan Ayob; buku 'PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN LISAN' oleh Encik Kamarudin Haji Husin serta buku 'KAEDAH PENYELIDIKAN PENDIDIKAN' oleh En. Mohd. Majid Konting.

Lebih kurang 12 buah gerai jualan makanan, barangan kraftangan serta lukisan dapat menarik minat pengunjung. Pelbagai juadah seperti tose, agar-agar

dan kuih-muih dijual dengan harga berpatutan.

Gerai-gerai diwakili oleh kelab-kelab dari Fakulti Pendidikan seperti Kelab SRT. Manakala wakil pengedar luar adalah 'Mustika Ratu' dan 'EMAR' Dewan Bahasa dan Pustaka juga menjual buku-buku ilmiah dengan potongan harga sebanyak 10-20%.

Antara tetamu yang hadir pada hari tersebut ialah dekan dan pensyarah-pensyarah Fakulti Pendidikan UPM, dekan dan pensyarah fakulti pendidikan universiti luar, pegawai Kementerian Pendidikan, sekolah angkat 'Sekolah Aminuddin Baki' serta Persatuan Alumni Fakulti Pendidikan UPM.

TEMURAMAH DENGAN VIJAY

AM: Syabas Saudara Vijay kerana mengharumkan nama UPM dan negara. Apakah yang sebenarnya menjadi isi utama kertas kerja saudara?

VJ: Kesukarelawan (volunteerism) merupakan satu konsep yang jarang difahami dan dihayati dengan erti katanya yang sebenar. Apabila seseorang membuat kerja dengan sukarela, dia harus dihormati. Perkhidmatan sukarela adalah percuma tetapi orang yang memberi perkhidmatan ini bukanlah percuma. Maksud saya, mereka mempunyai maruah dan 'self-respect'. Masalahnya, ramai pegawai-pegawai atasan menganggap bahawa sukarelawan boleh dipaksa dan mereka melayan mereka seperti orang gaji mereka.

AM: Bagaimana dengan kedudukan di UPM?

VJ: Saya rasa di UPM, kita tidak ada masalah yang begitu ketara. Bagi pelajar-pelajar, 'boss' kita adalah HEP. Pegawai-pegawai HEP memahami masalah pemimpin-pemimpin persatuan pelajar dan sentiasa bersedia untuk membantu. Tetapi apa yang kurang baik ialah penglibatan mahasiswa/i dalam pertubuhan-pertubuhan sukarela dalam UPM — di mana bilangan mahasiswa/i amatlah kurang. Apa salahnya kalau kita memberi 2/3 jam seminggu

untuk persatuan. Sebagai contoh, di PBSMM, dalam masa 2/3 jam ini, saudara/i akan diajar kemahiran-kemahiran untuk menyelamatkan nyawa seseorang dan kemahiran ini mungkin dapat menyelamatkan nyawa ahli-ahli keluarga sendiri. Sebagai mahasiswa/i, tidak cukup mendapat keputusan akademik yang baik sahaja. Sifat-sifat kepimpinan, berpersatuan dan memberi perkhidmatan secara sukarela amat perlu.

AM: Selain daripada bersidang di Mexico, saudara juga telah menghadiri beberapa kursus di Amerika Syarikat. Apakah faedahnya?

VJ: Saya rasa tiap-tiap kursus itu berfaedah. Kursus CPR ini amat berguna. Di samping PBSMM, pasukan pengakap dan pandu puteri juga menganjurkan kursus CPR. Melalui kursus ini, seseorang akan mempelajari kemahiran menyelamatkan nyawa seseorang yang mungkin terhenti nafas atau sakit jantung. Saya menjalankan kursus ini kepada ahli-ahli PBSMM di UPM dan juga kepada mahasiswa/i Program Bachelo Pendidikan (PJ) melalui kursus PK 332: Pertolongan Cemas. Kursus ini adalah sebahagian daripada 'Public Health Programmes'.

JAMUAN PERPISAHAN TESL SEMESTER 8

AZIAN HANIM AZMI
HARIEZA HUSSIN

PELAJAR program Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua (TESL), telah menghadiri majlis perpisahan untuk pelajar tahun akhir TESL yang dianjurkan oleh pelajar tahun pertama pada 2hb. Januari, 1991, bertempat di Panggung Percubaan Universiti Pertanian Malaysia, Serdang.

Berbagai-bagai persembahan menarik di-

persembahkan untuk menghiburkan tetamu yang hadir, setiap semester telah mempersembahkan satu persembahan.

Seramai 200 orang pelajar dari berbagai semester telah menghadiri majlis tersebut, ia merupakan satu tradisi yang diadakan setiap tahun oleh pelajar semester dua.

Untuk merapatkan lagi tali persaudaraan pe-

lajar TESL, mereka telah menyanyikan dua buah lagu bersama-sama di akhir acara persembahan.

Majlis itu dihadiri oleh Ketua Jabatan Bahasa Inggeris, Dr. Jamal Ismail dan beberapa orang pensyarah TESL.

Menurut Dr. Jamal, pelajar-pelajar tahun akhir haruslah mengikuti latihan mengajar secara serius agar menjadi guru yang baik.

HARI FAKULTI EKONOMI DAN PENGURUSAN

Oleh: Salmiah Mohd. Ghazali

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan telah mengadakan Hari Fakulti mulai 12 hingga 13 Januari lalu di Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Pertanian Malaysia.

Program ini telah dirasmikan oleh Dekan Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Profesor Dr. Mohd. Ariff bin Hussein dan bertemakan "Memperkukuhkan dan mempertingkatkan kecemerlangan mahasiswa."

Matlamat Hari Fakulti ini ialah untuk memberi pendedahan kepada masyarakat luar tentang program dan sistem pembelajaran di UPM di samping mewujudkan suasana kerjasama antara mahasiswa dan kakitangan fakulti.

Program yang dijan-

kan ialah Penerangan Program FEP, simulasi kuliah, business management game, kuiz ekonomi, berbalas pantun, forum MBA, pameran, jualan dan sepak takraw.

Satu langkah yang diambil ialah dengan mengundang pelajar sekolah menengah seperti pelajar dari Sek. Men. St. John, Sekolah Sri Puteri, Sek. Men. La Salle, Sek. Men Sri Kembangan dan Sek. Men. Jenis Keb. Yu Hua, Kajang.

Pameran yang berlangsung terdiri dari promosi Kolej Sedaya, Kolej Sri Kuala Lumpur dan AISEC. Gerai pula dijalankan oleh Protech, FRK Tyre, Happy Link Royal Jelly, Usahatani dan gerai pelajar.



Aksi yang melucukan menambah kemesraan.

Ramah Mesra Kelab Kimia

HUSAIN MOHAMED

KELAB Kimia Universiti Pertanian Malaysia (KKUPM) telah mengadakan malam ramah mesra kali pertamanya pada Disember lalu di Panggung Percubaan UPM.

Majlis yang bertemakan 'tak kenal maka tak mesra' bertujuan untuk mewujudkan perhubungan baik antara ahli sesama ahli dan dengan

pensyarah-pensyarah Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, khususnya Jabatan Kimia.

Kelab Kimia UPM telah ditubuhkan pada 21 Mac 1990 dengan ahli seramai 190 orang terdiri dari pelajar-pelajar yang mengikuti program Bac. Sains Kepujian yang mengutamakan kimia atau kimia perindustrian dan terdapat

juga pelajar matrikulasi sains.

Dalam majlis yang diadakan ini, ahli-ahli kelab dapat berkenalan dan bertukar pendapat dengan rakan dan pensyarah mereka masing-masing.

Terdapat pelbagai persembahan menarik oleh ahli-ahli kelab seperti petikan piano, di-

kir barat, drama, koir,

dan juga persembahan dari pensyarah.

Menurut Presiden KKUPM, Chua Sia Tong, objektif utama kelab ialah untuk memupuk minat pelajar dalam bidang kimia, memperluaskan dan mendedahkan pelajar kepada bidang-bidang kimia dalam perindustrian serta perkembangan semasa dalam kimia.

Objektif ini tidak akan tercapai jika tanpa kerjasama daripada ahli-ahli kelab, tambahnya.

Sementara itu, Dekan Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar, Prof. Dr. Badri Muhammad semasa ucapan perasmian majlis tersebut mengharapkan adanya interaksi antara pelajar dengan pensyarah untuk memupuk semangat bekerjasama bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan negara.

Menurut beliau lagi, tujuan kelab seperti ini diadakan ialah untuk mempelajari perkara-perkara yang terletak di luar kurikulum seperti mengadakan projek kimia dengan mencuba idea-idea baru.

Beliau juga menekankan pentingnya penguasaan Bahasa Inggeris kepada pelajar-pelajar dalam bidang kimia kerana sebagai satu bidang antarabangsa yang memerlukan interaksi yang luas dan sangat mustahak kepada graduan yang bakal memasuki bidang industri.

PROGRAM USAHAWAN MUDA



Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor

MENTERI Perusahaan Awam, Dato' Dr. Mohd. Yusof Noor telah menyampaikan anugerah dan Sijil Program Usahawan Muda 1990 pada 15 Januari lalu di Panggung Percubaan UPM.

Program Usahawan Muda dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kecil, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (FEP), UPM dengan kerjasama Kementerian Perusahaan Awam dan Kement-

terian Pendidikan.

Turut hadir sama di majlis itu ialah pengarah Bahagian Pendidikan Guru, Datuk Dr. Isa Ramli, Timbalan Naib Canselor HEP, Prof. Dr. Sulaiman b. Mohd. Yassin dan TNC (akademik) Prof. Dr. Syed Jalaluddin.

Datuk Dr. Yusuf mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur di atas kegigihan dan daya usaha menjayakan program Usahawan Muda.

Katanya, inisiatif ini juga adalah bertepatan dengan langkah kerajaan bagi menanam budaya keusahawanan di kalangan generasi muda sebagai langkah untuk melahirkan usahawan yang berkualiti.

Beliau menasihatkan pelajar supaya menanam semangat bekerja

sendiri dan tidak semata-mata bergantung kepada sikap lama iaitu hendak bekerja dengan kerajaan saja.

Sebelum itu Dekan FEP, Prof. Mohd. Ariff Hussien berkata, program ini untuk menyediakan golongan muda dengan pengetahuan dan pengalaman dalam bidang perniagaan agar dapat dipraktikkan pada masa depan.

Pihaknya bercadang untuk meluaskan program usahawan muda di beberapa sekolah selain daripada kawasan Selangor terutama di luar bandar.

Di majlis itu juga, Datuk Dr. Yusuf telah menyampaikan hadiah kepada syarikat dan usahawan muda terbaik kepada lima sekolah yang menyertai program usahawan muda.

TERIMA DERMASISWA

Oleh: TAMRIN HJ. ANUAR

DUA mahasiswa Bachelour Pendidikan Pengajian Bahasa Malaysia sebagai bahasa pertama (PBMP) semester 4, Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Saaid Majid dan Ramly Pilus diumumkan oleh Persatuan Sukan dan Kebudayaan Perkhidmatan Pendidikan (PSKPP) negeri Selangor Darul Ehsan sebagai penerima dermasiswa persatuan baru-baru ini.

Dermasiswa sebanyak \$400.00 tiap-tiap seorang diberikan sepanjang tempoh pengajian.

Dermasiswa yang diberikan itu adalah sumbangan PSKPP kepada ahli-ahli yang melanjutkan

kan pelajaran di pusat pengajian tinggi tempatan dengan mengambil kira sumbangan khidmat bakti ahli berkenaan semasa menjadi ahli PSKPP sebelum melanjutkan pelajaran.

Saaid Majid yang berasal dari Pasir Panjang, Sekinchan, Selangor melibatkan diri dalam PSKPP sejak tahun 1980. Sepanjang tempoh itu beliau telah mewakili negeri Selangor Darul Ehsan dalam sukan bola tampar peringkat kebangsaan sebagai pemain utama.

Dalam bidang kebudayaan, beliau pernah menjadi pengurus kumpulan kebudayaan.



En. Saaid Majid



En. Ramly Pilus

PSKPP negeri Selangor Darul Ehsan semasa pesta persatuan pendidikan peringkat kebangsaan.

Di samping itu beliau begitu aktif melibatkan diri dalam PSKPP peringkat daerah Sabak Bernam, antara jawatan yang pernah dijayanya termasuklah pengerusi kebudayaan, Jawatankuasa Bola Tampar dan Jawatankuasa Pesta

PSKPP Negeri Selangor yang diadakan di daerahnya.

Ramly Pilus yang berasal dari Kuala Selangor banyak melibatkan diri dalam PSKPP. Beliau lebih banyak melibatkan diri dalam bidang sukan sepak takraw dan pernah mewakili daerahnya ke pertandingan peringkat negeri di samping menjadi Jawatankuasa Biro Sepak Takraw

UPM ANJUR PROJEK USAHAWAN MUDA UNTUK SEKOLAH

Zain Ariff

PELBAGAI usaha dijalankan oleh pihak sekolah untuk menarik minat pelajar supaya mempelajari dan mencuburi bidang perniagaan di samping memberi tumpuan terhadap pelajaran.

Koperasi sekolah, penjualan kraftangan dan makanan adalah di antara kegiatan sampingan yang diadakan di sekolah yang diusahakan sendiri oleh pelajar melalui persatuan dan kelab yang disertai.

Berdasarkan pendekatan dan kemahiran yang diperlukan ada pada pelajar, satu program yang dikenali sebagai Ushawan Muda dirancang dan diperkenalkan di sekolah menengah.

Universiti Pertanian Malaysia (UPM) melalui Pusat Pembangunan Perusahaan Kecil

(PPPK) mengambil inisiatif membantu pihak sekolah dengan mengadakan program usahawan muda (PUM) untuk memberi pelbagai khidmat tentang perniagaan. PUM itu dijalankan dengan kerjasama Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penyelaras Unit Latihan dan Perundingan, PPPK, UPM, Puan Habrizah Husin berkata PUM dimulakan pada 1989 dengan mengambil dua sekolah dalam peringkat percubaan iaitu Sekolah Menengah (Vokasional, Setapak dan Sekolah Menengah Petaling, Petaling Jaya).

PUM di dua sekolah itu diteruskan hingga sekarang dan PPPK menambah tiga sekolah lagi pada 1990 memandangkan sambutan daripada

pelajar dan sekolah sangat menggalakkan.

Sekolah terbabit ialah Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz Shah, Kajang, Sekolah Menengah Sultan Alauddin Abdul Aziz, Shah Alam.

Pihaknya bercadang meluaskan program usahawan muda ini di luar Selangor dan akan mengenal pasti sekolah yang sesuai terutama luar bandar yang memerlukan bimbingan dan kamahiran menjalankan perniagaan korporat.

Puan Habrizah berkata, PUM diwujudkan di peringkat sekolah supaya menyediakan golongan muda dengan pengalaman dan kemahiran berniaga secara kecil-kecilan sebagai persiapan menghadapi pekerjaan tanpa makan gaji pada masa depan.

PUM juga berupaya melatih peserta supaya menjadi anggota masyarakat yang berdikari, boleh membuat keputusan sendiri dan bekerja dalam satu kumpulan bagi memajukan syarikat masing-masing.

Katanya, PUM dilaksanakan dalam tempoh 16 hingga 18 minggu yang merangkumi pelbagai aspek pelajaran seperti pemilihan nama syarikat, pemilihan pegawai, pendaftaran, penentuan kadar ganjaran, laporan penjualan saham, pengeluaran, penilaian dan pembubaran syarikat.

Apa yang penting ialah PUM memerlukan pelajar mengambil bahagian secara aktif sebagai pemegang saham dan pengusaha di dalam syarikat yang ditubuhkan. Mereka mentadbirkan sendiri walaupun di-

bantu oleh penasihat dan usahawan tempatan.

Pertandingan untuk merebut gelaran syarikat terbaik dalam tempoh tertentu juga diadakan sebagai perangsang dan galakan kepada setiap anggota syarikat yang menunjukkan prestasi yang baik.

Sokongan dan bantuan daripada Kementerian Perusahaan Awam dan Kementerian Pendidikan tidak secara langsung akan memperluaskan lagi kegiatan PUM dari masa ke semasa terutama sekolah luar bandar.

Salah seorang guru pengelola PUM, Sekolah Menengah Bandar Baru Bangi, Puan Asiah Mohamad ketika ditemui di UPM berkata, PUM sekolahnya menuhkan tiga syarikat yang dijalankan oleh pelajar tingkatan dua dan empat.

Katanya, PUM dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar dalam membuat keputusan, pengeluaran modal, malah perniagaan yang dijalankan seperti kraftangan, perkhidmatan dan makanan adalah usaha mereka sendiri.

Menurut Pengurus Syarikat PUM sekolah itu, Nasaruddin Abdul Aziz, minatnya semakin bertambah hendak mengetahui selok-belok perniagaan dengan lebih mendalam semoga akan menjadi usahawan muda yang berjaya.

Sebagai contoh, hasil jualan makanan 'pizza' menerima tempahan yang banyak dan ini tidak secara langsung mengadakan usaha syarikatnya bergiat dengan lebih cergas lagi.

KAD KAMPUS UNTUK PEKERJA SWASTA

Oleh: Suhaimi dan Nik Shafiruddin

Bahagian Keselamatan UPM telah mengeluarkan satu kad baru untuk pekerja bukan kakitangan universiti yang dikenali sebagai kad kampus yang bentuknya menyerupai kad matrik untuk pelajar.

Menurut Pengarah bahagian keselamatan, Mejar (B) Sabtu Jasin, kad ini bertujuan untuk memudahkan pihaknya mengenali pekerja syarikat swasta yang berurusan dengan pihak universiti.

Dengan adanya kad seperti ini, ia akan memudahkan pihak Keselamatan dalam menjalankan tugasnya sehari-hari dalam mengawal keluar masuk orang ramai ke dalam kawasan kampus.

Berkecenderungan dengan kes kecurian yang berlaku di KPZ semasa cuti antara semester baru-

baru ini, pihak beliau mempercayai pekerja syarikat swasta yang terbabit dan pihaknya telah mengambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai kes-kes kecurian yang dilaporkan, beliau menyatakan buat masa ini kes yang banyak dilaporkan ialah kes kecurian topi keledar dan wang yang ditinggalkan di dalam bilik yang tidak berkunci sementara kes-kes yang lain jarang berlaku.

Menyentuh tentang pendawaian elektrik secara haram beliau menegaskan sepanjang awal semester ini sudah enam kes dikenal pasti, di mana kebanyakan kes yang terlibat ialah penyambungan secara haram dan penyalahgunaan bekalan elektrik.

"Kebanyakan sambungan elektrik yang dibuat oleh pelajar disem-

bunyikan di bawah kertas ini amat merbahaya", kata beliau. Tambahnya lagi pelajar menggunakan wayar elektrik yang kecil yang tidak dapat menampung bebanan elektrik.

Secara menyeluruh Mejar (B) Sabtu menunjukkan kebimbangan dalam keselamatan lalu lintas kerana jumlah kemalangan yang tinggi, keselamatan asrama dari segi memperagamkan bekalan elektrik dan menyalahgunakan kad matrik.

Sejajar dengan ini pihak keselamatan merancang strategi supaya lebih sistematik untuk menjaga keselamatan kampus seperti menugaskan sistem Zon kepada Sistem pusat dan mempunyai kemudahan pengangkutan untuk menghantar pengawal supaya lebih seimbang.

135 pelajar lawat MILAX 90

NORHANIDA NOORDIN

SERAMAI 135 pelajar dari Program Diploma Pertanian (Ternakan), tahun akhir, membuat lawatan ke Pameran Pertandingan Antarabangsa Pertanian dan Teknologi Makanan Malaysia (MILAX '90) di Changkat Pavilion, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Lawatan program itu dengan kerjasama Bahagian Hal-Ehwal Pelajar telah memberi pendedahan kepada para pelajar Diploma Pertanian tentang pengeluaran syarikat-syarikat antarabangsa di dalam sektor pengeluaran bahan pertanian.

Pameran itu dirasmikan oleh Menteri Pertanian Malaysia, Datuk Seri Sanusi Junid.

Terdapat 216 syarikat daripada lebih dari 27 buah negara termasuk Australia, China, Denmark, Peran-

chis, Jerman, Indonesia, Malaysia, Singapura, Thailand, Belanda, U.K. dan U.S.A. menyertai acara antarabangsa ini yang pertama kali diadakan di negara-negara ASEAN.

Turut serta pameran itu ialah Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Mardi, Organisasi Peladang Kebangsaan, Persatuan Nelayan Kebangsaan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Persatuan Penternak Malaysia.

Lawatan ini telah memberi gambaran lengkap mengenai perkembangan terbaru dalam sektor pertanian dan penternakan kepada pesertanya, juga semangat kepada pesertanya agar dapat berusaha untuk kemajuan negara.

15 RIBU ORANG DALAM KAMPUS SETIAP HARI

Oleh: Nik Shafiruddin dan Suhaimi

Pengarah Keselamatan, Mejar (B) Sabtu Jasin berkata, lebih kurang 15,000 orang berada di dalam kampus setiap hari termasuk 10,000 pelajar, 4,000 kakitangan akademik dan 1,000 kakitangan bukan akademik.

Dari jumlah ini separuh daripadanya memiliki kenderaan sendiri di mana sebanyak 8,362 buah kenderaan telah didaftarkan pada tahun 1990 dan 8,586 buah pada 1989.

Statistik kemalangan jalan raya di sekitar

kampus UPM menunjukkan satu peningkatan yang tinggi iaitu dari 54 kes yang dilaporkan pada tahun 1989 kepada 86 kes pada tahun 1990.

Kadar kemalangan yang paling tinggi pada tahun lalu berlaku pada bulan Mac iaitu sebanyak 17 kes, bulan Disember 14 kes dan bulan Oktober sebanyak 10 kes di mana kebanyakan kes yang berlaku melibatkan motosikal dengan kereta.

Mejar (B) Sabtu menegaskan beberapa langkah telah diambil

untuk mengurangkan kadar kemalangan ini seperti mengadakan sekatan secara rambang, mendaftarkan semua kenderaan yang berada di dalam kampus termasuklah kenderaan pihak swasta.

Menurut beliau lagi, satu langkah yang baru dilaksanakan sekarang iaitu hanya membuka sebelah pintu sahaja pada setiap pintu pagar utama kampus yang bertujuan untuk menyenangkan pihak keselamatan membuat penahanan.

RUANGAN PEMBACA

SISWI DITAWARKAN BELAJAR DI LUAR NEGARA

PADA semester Julai yang lalu, beberapa orang siswi kita telah diganggu oleh panggilan-panggilan telefon yang tidak diketahui dari siapa. Pemanggilnya tidak memperkenalkan diri tetapi menyebut dirinya sebagai orang penting di dalam kerajaan.

Perbualan berikut telah sempat dirakamkan. Siswi terutamanya, mari kita membuat analisa terhadap perbualan tersebut.

Saya : Hello?

Lelaki : (nama pelajar). Saya (kurang jelas).... dari Jabatan Perdana Menteri. Saya telah cuba menghubungi awak beberapa kali. You're taking computer course?

Saya : Yes.

Lelaki : Awak berasal dari....?

Saya : Yes

Lelaki : Saya tahu berkenaan rekod awak. You have been selected and we are going to send you to America and later you'll be working in Jabatan Perdana Menteri. You are one of the 3 people that we have chosen in Malaysia. So can you fix a date and time where we can meet you.

Saya : I'am not free, because I have lectures.

Lelaki : What time are you free tomorrow? Because Encik Anwar Ibrahim wants to meet you personally.

Saya : I can't because this is very shocking for me.

Lelaki : You mustn't mention this to anybody because this is very confidential. I know you have a boyfriend. He's fair and not very tall.

Saya : He's my fiance.

Lelaki : He's your fiance? OK What course is he taking?

Saya : (program pengajian)

Lelaki : Is he good?

Saya : Yes

Lelaki : OK, we'll try to arrange something for him. So when can we meet you? You have to make it soon.

Saya : I don't know.

Lelaki : You know AIA building? Can we meet you there?

Saya : No, I don't know the place.

Lelaki : So which part of KL do you know?

Saya : I know Bukit Bintang Plaza.

Lelaki : Do you know Sungai Wang's entrance?

Saya : Yes

Lelaki : Can we meet you there?

Saya : I don't know.

Lelaki : OK. I'll give you and call again?

Saya : When?

Lelaki : When are you free?

Saya : I have lectures in the morning.

And I also have a test tomorrow.

Lelaki : 2 O'clock tomorrow? I'll call you at kolej ke-5.

Saya : I don't think I'll be back at that time.

Lelaki : When is your final exam?

Saya : In two weeks time.

Lelaki : (kurang jelas)so what time can I call you?

Saya : Where are you calling from.

Lelaki : I'm calling from Anwar Ibrahim's house. I need to know the time and please be quick about it.

Saya : 4.30 pm but pejabat kolej ke-5 tutup so I'll wait here.

Lelaki : 4.30 sharp tomorrow. But you must promise not to tell anybody.

Saya : No even my parents?

Lelaki : If this is successful, we will inform your parents personally. Your parents have the right to know. But at this moment you are not suppose to tell anybody, not even your parents.

Saya : What about my finance?

Lelaki : Don't tell your finance about this yet. Can you keep your words and promise not to tell? Sebab perkara ini sulit kerajaan.

Saya : Yes, I promise. But this doesn't mean that I have to accept, right?

Lelaki : I'll call back here tomorrow, 4.30 sharp. You have to promise not to tell anybody about this.

TAMAT PERBUALAN

TATATERTIB BELAJAR

Nasihat dan panduan daripada Lokman kepada anaknya.

Anakku! Rajin-rajinlah kau belajar! Gunakan setiap kesempatan yang ada untuk memungut sesuatu yang berguna.

Anakku! Sebelum kau menerima pelajaran dari gurumu di sekolah, hendaklah dipelajari dulu sedalam-dalamnya. Jika ada yang sulit jangan malu untuk menyatakannya kepada rakan-rakanmu, supaya mereka sama-sama turut menyelesaikannya. Sebelum engkau mengerti, jangan berpindah kepada soalan yang lain.

Kalau guru menempatkan kamu dari tempat yang telah ditetapkan, janganlah berpindah ke tempat yang lain. Jika ada seorang teman yang menempati tempat duduknya janganlah dia dilawan atau dimaki-maki, tapi beritahu gurumu supaya dialah yang bertindak menyelesaikannya dan memberitahu di mana kamu harus duduk.

Anakku! Jika guru sedang menerangkan pelajaran janganlah kamu bertengkar dengan temanmu. Dengarkanlah keterangannya itu baik-baik. Janganlah mengelamun atau fikiranmu melayang-layang ketika belajar. Jika masih belum mengerti, mintalah dengan hormat kepada gurumu supaya diulang sekali lagi, dalam pada itu janganlah terlalu keras suaramu, janganlah membantah kalau dia membantah permintaanmu itu.

Anakku! Jika seseorang murid telah keluar dari batas-batas kesopanan terhadap gurumu, maka jatuhlah harga dirinya di mata gurumu itu, demikian pula pada pandangan teman-temannya. Oleh kerana itu patutlah menerima peringatan dan hukuman kerana kurang sopan itu.

Anakku! Keindahan ilmu itu haruslah disertai tatatertib dan sopan-santun. Siapa tahu sopan-santun ia akan dimuliakan oleh Allah.

Dan dicintai oleh masyarakat. Orang yang sombong dan kurang sopan akan jatuhlah nilainya di mata orang ramai, seseorang pun tidak akan menghormatinya.

Anakku! Tidak ada yang merugikan seseorang pelajar selain dari seorang guru atau ulama yang memurkainya, kerana itu janganlah kamu membuat gurumu menjadi marah atau berlaku tidak sopan kepadanya. Sebab kemurkaan guru itu sekurang-kurangnya akan mendatangkan kehampaan dan kerugian belaka.

Nah! Terimalah nasihatku ini anakku. Usahakanlah supaya gurumu itu senang dan suka kepadamu. Mintalah doa restunya supaya engkau beroleh taufik dan fikiran, diperkenankan Allah adanya. Kalau kamu sedang sendirian banyakkannya berdoa dan bermohon kepada Allah agar diberi ilmu yang bermanfaat dan berguna kepada kamu. Allah suka memperkenankan doa dan permohonan hamba-Nya kerana Allah sangat Pemurah dan Penyayang.

Selamat maju jaya di dalam semua lapangan dan selamat belajar supaya tercapai cita-cita dan dapat berbakti untuk mencapai keredhaan Allah subhanahu wataala.

- ewa -

KISAH DI PERPUSTAKAAN

BANYAK cerita yang nak Nara cerita pada keluaran ini, tapi Nara nak cerita sikit mengenai banyak cerita yang berlaku di perpustakaan (library) kita.

Mula-mula fasal ada orang kata library kita macam pasar malam di Sri Serdang, Nara pelik juga, macam mana boleh jadi macam tu, nak kata ada jual sayur, pakaian, memang tak munasabah, tapi yang ada cuma buku-buku untuk kegunaan kita sahaja.

Tapi bila Nara selidik-selidik barulah Nara tahu maksud mereka itu, library kita memangnya bising pada pukul 10.00 ke atas, terutama masa study week di Blok B.

Macam mana boleh jadi begitu? Nara tanya senior yang memang dah lama di sini, dia kata, itu memang dah jadi tradisi sejak dahulu lagi. Hairan macam mana tradisi ini boleh menjadi ikutan hingga kini, jika baik tak apa tapi ini mengganggu ke-

tenteraman. Bila agaknya tradisi ini akan tamat, Nara pun tak tahu. Hanya kita yang masih berada di sini boleh menamatkan tradisi ini sebelum ia terus menular lebih jauh lagi.

Kedua Nara rasa gembira sebab library kita ini juga merupakan satu tempat untuk mencari jodoh. Nara nampak memang ramai pelajar macam kita mendapat pasangannya di library, Nara berdoa agar mereka ini akan terus berke-

kalan hingga ke anak cucu. Tapi yang tidak sedapnya ada sesetengah pasangan yang di lamun cinta ini buat datang di library. Jika mereka duduk diam dan study tak apa, ni asyik he, he, ha, ha, mengganggu konsentrasi saja. Jika boleh mahu tendang saja tapi Nara tidak ada kuasa. Nara harap pegawai di library tolonglah jenguk-jenguk sikit, kot-kot jumpa orang-orang itu boleh ditendang keluar.

Ketiga fasal tiang dan dinding bersurat di library kita. Nara pada mulanya tidak percaya bila member kancing bagi tahu, tapi bila Nara tengok sendiri dengan mata kepala, barulah Nara percaya, memang kreatif pembuatnya. Tapi kenapa ditulis di tiang dan dinding, tidakkah itu akan mengotorkan library kita? Apa kata pelawat jika dia tertengok tulisan yang tak senonoh itu. Bukankah kita juga akan rasa ma-

lu, ini library kita bukan orang lain. Kalau yang kreatif itu nak juga tengok batu bersurat cip-taannya, anda boleh cari satu batu dan tulis apa yang hendak ditulis kemudian letaklah di atas meja anda.

Akhir sekali Nara harap kita sama-samalah menjaga ketenteraman dan kebersihan library kita, sebab library merupakan satu tempat untuk kita menimba ilmu.

Nada

GOTONG-ROYONG

PENGHUNI Kolej Kediaman Ketujuh telah mengadakan satu gotong-royong membersihkan kawasan-kawasan blok kediaman pada 16 Disember yang lalu.

Gotong-royong itu diadakan seminggu selepas buka semester bertujuan membersihkan kawasan tempat tinggal yang telah ditinggalkan selama seminggu.

Hampir kesemua penghuni kolej terlibat sama memulakan kerja-kerja pembersihan pada jam 8.00 pagi dan berakhir pada jam 1.00 tengah hari.

Coretan Rasa Oleh Mas

Mampu? kah...
jalu...
"Hidup ini adalah untuk memenuhi justifikasi kehadiran di muka bumi".

TERIMA kasih En. Y yang banyak mengajar aku menilai diri, bahawa setiap kata, setiap tingkah adalah cermin sebuah hati. Terima kasih kerana telah mengembalikannya minatku dalam bidang penulisan. Biar bukan indah, kurang

berbakat, tidak menarik tapi aku bangga. Itulah hasil, itulah hati, itulah harapan dan itulah aku. November 2 tahun yang lalu semangatku untuk menambah seorang lagi penulis telah padam sama sekali. Seperti juga telah matinya cita-citaku untuk jadi

manusia unggul dalam bidang ketenteraan. Ah! Harap...ia terus mati hingga kini. Aku tidak segagah, tidak secekal yang aku sangkakan. Mati cita-cita, mati harapan, mati segalanya.

November itu juga teman tersayang, yang aku sangka mampu me-

nyelam hati, memahami diri telah meracun minatku. Kata yang lahir dari yang disayangi biarpun sepele bisanya terus mencengkam menjadi nanar. Walau cuma senyuman sinis aku mengerti. "Khayalan! Jiwa-jiwa!" Itulah katanya.

Perlukah minatku mati cuma kerana seorang insan? Yang membuat aku kurang keyakinan apa faedahnya pada bangsa, pada negara? Namun hakikatnya, manusia moden hanya perlu berjuang dengan per-

kataan, kerana perkataan juga manusia akhirnya berbunuh-bunuhan. Jelasnya, kata-kata yang dijelmakan dalam penulisan dapat mencorakwarnakan dunia kehidupan!!! Dan kini aku tidak peduli pada kata-katanya. Pahit, pedih, sinis...lambat laun walau tidak mengerti dia akan bosan.

"Hidup ini adalah untuk memenuhi justifikasi kehadiran di muka bumi". Sebaris ayat dari seorang pegawai HEP ini menjadi tenungan dan belekanku sepan-

jang masa cuti. Maaf, sekiranya aku kurang memahami tapi bagi aku justifikasi kehidupan tidak akan terpenuhi sekiranya aku menjadi pesimis. Aku perlu berani berjuang dalam menentang arus hidup yang keras. Biar aku terpaksa berasak-asak menghaurung realiti. Biar manusia lain kata apa sahaja yang penting aku tahu apa yang aku lakukan.

November 1990 di bumi Cameron aku sekali lagi dikejutkan. "Kejayaan bukan milik orang yang pandai, ke-

jayaan bukan milik orang yang kaya tetapi kejayaan adalah milik orang yang berusaha bersungguh-sungguh." Aku semakin sedar pada diri. Cukuplah usahaku selama ini. Pernahkah aku benar-benar berpuas hati dengan setiap yang aku lakukan. Yang pasti aku tidak tahu setakat manakah kemampuanku yang sebenar.

Mampukah aku menjadi manusia sempurna impian UPM harapan negara?

KEROHANIAN

ASMA BINTI ABU BAKAR SIDDIQ

(Wanita yang mempunyai dua ikat pinggang)

'Asma berusia seratus tahun. Walaupun usianya sudah lanjut, namun giginya masih utuh semuanya. Daya fikirnya tetap kuat dan prima, tidak menderita pikun.'

(Ahli-ahli Tarikh)

SEMUA unsur keturunannya yang mulia terkumpul dalam peribadinya. Hal itu cukup untuk mengangkat darjatnya ke tempat yang tinggi dan membanggakan. Ayahnya Abu Bakar Siddiq, adalah sahabat karib yang paling utama bagi Rasulullah dan khalifah pertama sesudah beliau wafat.

Saudara perempuannya, Aishah Ummul Mukminin iaitu isteri Rasulullah. Suaminya Zubair bin Awwam, pembantu khusus peribadi Rasulullah s.a.w. Puteranya 'Abdullah bin Zubair seorang tokoh yang amat mengutamakan redha Allah dan redha ibu bapanya.

Asma termasuk kelompok wanita yang pertama masuk Islam. Di samping itu Asma berpredikat "Dzatin Nithaaqain" (wanita yang mempunyai dua ikat pinggang). Kisahnya begini:

Tepat di hari Rasulullah s.a.w. hendak berangkat hijrah ke Madinah, Asma menyediakan makanan dan mi-

numan untuk perbekalan beliau berdua dengan ayahnya, Abu Bakar.

Tetapi ketika dia hendak mengikat karung makanan dan qirbah minuman, Asma tidak mempunyai tali. Maka dipotongnya ikat pinggangnya, sepotong untuk mengikat makanan dan sepotong lagi untuk mengikat qirbah minuman.

Kerana itu Rasulullah s.a.w. berdoa semoga Allah mengganti ikat pinggangnya dengan dua ikat pinggang yang lebih baik dan indah di surga. Sejak itu digelar "Dzatin Nithaaqain".

Asma berkahwin dengan Zubair bin Awwam, seorang pemuda miskin, tidak mempunyai pelayan yang selalu siap sedia membantu pekerjaannya, tidak mempunyai harta kecuali hanya seekor kuda yang dijaganya dengan baik.

Hasil dari perkongsian dengan Zubair bin Awwam, beliau memperoleh seorang cahaya mata lelaki, 'Abdullah bin Zubair.

Peribadi Asma dirah-

mati Allah dengan beberapa keistimewaan yang menonjol dan jarang didapati kecuali dalam peribadi segelintir peria. Dia cantik, hampir sama dengan saudaranya 'Aishah dan cerdas serta memiliki otak yang sangat cemerlang.

Tatkala sejarah telah melupakan peranan Asma, namun otaknya yang cemerlang tidak pernah melupakannya. Semuanya tidak pernah berkurang sehingga pertemuan terakhir dengan anaknya, Abdullah.

Abdullah bin Zubair telah diangkat menjadi khalifah setelah Yazid bin Mu'awiyah meninggal. Negeri-negeri Hijaz, Mesir, Iraq, Khurasan dan sebahagian besar negeri Syam tunduk ke bawah pemerintahannya.

Tetapi Bani Umayyah telah melakukan berbagai-bagai percubaan di bawah pimpinan Panglima Hajjaj bin Yusuf Ats Athaqafi untuk menggulingkan Khalifah Abdullah bin Zubair.

Kemenangan silih berganti antara kedua belah pihak sehingga banyak perwira dan perajurit di bawah Khalifah Abdullah bin Zubair banyak meninggalkannya,

membelot ke pihak musuh.

Akhirnya dengan jumlah yang sedikit, dia mundur ke Baitul Haram, berlindung di bawah naungan Kaabah yang suci dan agung.

Beberapa saat sebelum kekahliannya, Abdullah bin Zubair pergi menemui ibunya yang sudah lanjut usia dan sudah mengundurkan diri dari kegiatan masyarakat umum dan matanya sudah buta.

Bila ditanya kepada ibunya, sama ada patutkah dia menerima tawaran Bani Umayyah yang menawarkan kemewahan dunia, asal dia meletak senjata kerana dia pasti akan terbunuh hari ini.

Maka dengan tegasnya, beliau menjawab, "Jika engkau menginginkan kemewahan dunia, sudah tentu engkau seorang anak lelaki yang pengecut dan mencelakakan diri sendiri dan menjual maruah kepahlawananmu selama ini".

Abdullah menundukkan kepalanya seraya berkata, "Aku hanyalah mahu pendapatmu saja, percayalah ibu! Anak ibu tidak memiliki fikirannya sesesat itu dan tidak akan melanggar hukum Allah, cuma aku khawatir

ibu akan sedih di atas kematianku. Semoga Allah Ta'ala menanamkan kesabaran di dalam hati ibu".

Seraya itu Abdullah bin Zubair pun meninggalkan ibunya untuk meneruskan pertempuran sambil berpesan kepada ibunya, "Jangan bosan mendoakanku ibu...."

Sebelum matahari terbenam sore itu Abdullah pun syahid menemui Tuhan. Lebih kurang tujuh belas hari kematian Abdullah, ibunya pun wafat menyusul putera tercinta.

Asma binti Abu Bakar Siddiq pulang ke rahmatullah dalam usia seratus tahun. Walaupun usianya sudah lanjut, namun giginya masih utuh semuanya tidak ada satu pun tanggal.

Daya fikirnya tetap kuat dan prima. Begitu pula imannya, seperti dikisahkan dari celah-celah kehidupannya yang penuh takwa. Petikan buku Kepahlawanan

Generasi Sahabat. Karya: Abdurrahman Ra'fat Basya.

Disusun oleh:
Raha Raus

CALON ISTERI YANG DICARI

OLEH MUSLIM

oleh:
Raha Raus

JIKA kita melangkah menurut pandangan mulia terhadap perkahwinan dan wanita, seorang Muslim yang benar tidak akan terpedaya oleh mazhar (kenyataan) lahiriah yang mempesonakan tetapi kosong semata-mata dijadikan tompeng oleh sebahagian gadis-gadis zaman moden ini.

Pemuda yang sebenarnya akan tertarik kepada peribadi puteri Islam yang sempurna, al-Muslimah al-Kamilah.

Oleh kerana itu dia akan lebih teliti tanpa gopoh-gapah memilih pasangan hidupnya, mencari puteri Islam yang menghiasi dirinya dengan sifat-sifat Islamiah yang tinggi yang dapat merealisasikan kehidupan rumahtangga yang kukuh dan bahagia.

Lantaran itu dia tidak akan mencarinya berdasarkan kepada kecantikan, kejelitaan, keindahan perhiasan dan berbagai lagi bentuk lahiriah seorang gadis yang biasanya menawan

hati seorang pemuda yang kosong jiwanya.

Pemuda Islam sejati, di samping bentuk lahiriah yang menawan itu, akan mencari puteri Islam yang beragama Islam, yang mulia dan berpegang teguh dengan agama, yang mempunyai akal yang tajam, sejarah hidup yang baik, kerana berpandu kepada Hadis Rasulullah s.a.w.:

"Dinikahi seorang perempuan kerana hartanya, kerana pangkat keturunannya, kerana kecantikannya, dan kerana agamanya yang taat setia kepada Islam, semoga engkau berbahagia."
(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Sesungguhnya Rasulullah s.a.w. mewasiatkan pemuda Islam supaya dia memilih puteri Islam yang beragama, yang taat setia kepada ajaran Islam, tidaklah bererti menafikan minat para pemuda Islam kepada kejelitaan dan keindahan bentuk lahiriah seorang puteri

Islam. riah seorang puteri Islam.

Padahal Rasulullah s.a.w. sendiri telah menyuruh lelaki memandang kepada wanita yang diminatnya sebelum akad nikah supaya Muslim itu tidak terlibat di dalam satu perkahwinan dengan seorang wanita yang tidak menarik perhatiannya, tidak menyenangkan hatinya dan tidak menyedapkan pandangan matanya ketika melihat wanita tersebut.

Telah datang seorang lelaki untuk meminang seorang wanita dari kalangan Ansar kepada Rasulullah s.a.w. maka sabda Rasulullah s.a.w. kepadanya:

"Sudahkah engkau melihat dia? Tidak, jawab lelaki tersebut. Maka hendaklah engkau memandang kepadanya." Tegas Rasulullah.
(Riwayat An Nasai)

Rasulullah s.a.w. telah menegaskan bahawasanya kecantikan itu adalah sifat asasi yang dicari oleh lelaki pada diri seorang wanita yang salihah di samping sifat

maknawiah dan rohaniyah yang lain tetapi realitinya tiap-tiap sifat itu tidak dapat mencukupi yang lain.

Kalau boleh ditemui seorang wanita yang sempurna padanya empat sifat yang disebutkan tadi maka itu adalah lebih baik. Akan tetapi jarang sekali kita berjumpa dengan puteri Islam yang dilengkapi dengan keempat-empat sifat tersebut.

"Seorang yang bertaqwa kepada Allah, tidak akan mendapat keuntungan yang lebih baik kecuali jika ia mendapat isterinya yang salihah. Jika dia menyuruh isterinya, dia taat dan setia. Jika dia memandang kepada isterinya, mengembirakan dia. Jika dia bersumpah, isterinya berbuat baik kepadanya. Jika dia berpergian (tiada di sisi isterinya) isterinya memelihara dirinya dan menjaga harta suaminya."
(Riwayat Ibnu Majah)

Pandangan Rasulullah s.a.w. yang jelas dan benar terhadap peribadi wanita adalah satu gambaran tentang wanita yang mampu membawa bahagia, ketenteraman, kerukunan dan redha kepada rumahtangganya dan kepada anak-anaknya.

Seterusnya menjadi pendidik generasi baha-

ru, pembentuk pahlawan pembangun putera puteri yang cerdas dan perkasa.

Inilah yang dikehendaki oleh Rasulullah s.a.w. dari ummah baginda. Islam menghendaki supaya perkahwinan itu dibangunkan di atas asas yang kukuh dan teguh seimbang antara jasmani, rohani, akal dan perasaannya.

Supaya perkahwinan itu menjadi teguh, tahan lasak dan kuat yang tidak goncang oleh pertentangan tabiat, tidak rebah oleh godaan hawa nafsu.

Oleh kerana itu Muslim yang benar yang mengikuti petunjuk agama dan syariatnya di segala langkah-langkahnya, tidak akan jatuh cinta ke dalam perangkap samar seorang wanita yang kelihatan seperti wanita rupawan tetapi dibesarkan dan diasuh di dalam suasana yang jahat, yang buruk akhlakunya dan yang keji sifatnya. Ada orang berkata:

"Berjaga-jagalah dari wanita-wanita jelita yang buruk budi pekertinya."

Petikan : Buku Keperibadian Muslim
Karya : Mohd. Ali Hashim

HARI KESEDARAN UMMAH DI KOLEJ KEDUA

Mazlah Awang

SEKRETARIAT Kerohanian Kolej Kediaman telah menganjurkan 'Hari Kesedaran Ummah' dari 12-13 Jan lalu bertempat di Kolej Kediaman Kedua (KK2) dengan kerjasama pihak pentadbiran kolej dan Hal-Ehwal Pelajar (HEP), Universiti Pertanian Malaysia.

Bertemakan 'Kesedaran Ummah Tunggal Kejayaan', program ini bertujuan untuk mengembangkan suasana berfikir terbuka pelajar dan menganalisa secara objektif sesuatu isu dan permasalahan, cuba menyedarkan siswa-siswi dengan masalah di sekeliling mereka contohnya peperangan dan kelaparan mengukuhkan ukhuwah Islamiah sesama warga kolej, membina daya kreativiti dalam menyusun dan membentuk program serta akhir sekali untuk menyedarkan pelajar tentang kepentingan keperibadian

sifat-sifat diri yang sempurna.

Berbagai program telah diadakan, antaranya sebuah diskusi ummah bertajuk 'Permasalahan Ummah, di mana Tanggungjawab Kita' telah dibentangkan oleh beberapa orang ahli panel jemputan di Dewan Kenyalang KK2.

Selain itu di ruang legar bilik rehat KK2 diadakan juga pameran yang berkisar kepada masalah umat Islam di seluruh dunia, serta diadakan juga tayangan video.

'Malam Citraneka Insan II' merupakan acara penutup yang mana telah diadakan beberapa persembahan menarik antaranya nasyid, lakonan dan pembacaan sajak di dewan makan KK2. Majlis itu telah ditutup oleh pengetua Kolej Kediaman Kedua, Encik Mahfooz Haji Harron.

MALAM CITRANEKA INSAN II

MALAM Citraneka Insan II merupakan acara kemuncak Minggu Kesedaran Ummah yang dianjurkan oleh Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Pertanian Malaysia dengan kerjasama Nahwan Nur telah diadakan pada 13 Januari lalu di Dewan Makan Kolej Kediaman Kedua.

Acara yang bercorak kebudayaan ini menyelitkan sajak, nasyid, pantomim, pernyataan bunyi-bunyian dan slaid bercerita.

Di awal acara ini, Timbalan Pengarah Projek Minggu Kesedaran Ummah, Ismail Hashim telah berucap dengan menyentuh isu-isu yang berlaku di sekeliling kita terutama krisis Teluk.

Beliau berkata, acara ini bertujuan untuk

mempersembahkan kebudayaan Islam kepada corak yang lebih universal di samping menonjolkan persembahan kebudayaan yang tidak melalaikan.

Acara ini telah dirasmikan oleh Pengetua Kolej Kediaman, Encik Mahfooz Harun yang mengucapkan syabas kepada pihak yang terlibat dalam projek ini kerana berjaya mengadakan persembahan malam ini walaupun tidak dapat melibatkan ramai pelajar.

Persembahan pada malam itu, pada umumnya, telah berjaya memikat hati penonton dan menonjolkan persembahan yang berkualiti dengan pancaran lampu sistem bunyian yang baik.

MENINGGAL DUNIA

BAHAR BIN HAMDAN, 20, pelajar Bachelor Sains Ekonomi Sumber tahun pertama telah meninggal dunia pada jam 5.00 pagi 13 Disember yang lalu di Hospital Besar Kuala Lumpur.

Allahyarham Bahar telah dimasukkan ke Hospital Besar Kuala Lumpur pada minggu ulangkaji semester Julai yang lalu, kerana meng-

hidap penyakit paru-paru berair.

Pada petang hari tersebut seramai 50 orang pelajar Kolej Kediaman Ketujuh telah menziarahi keluarga Allahyarham di Trolak Utara Perak bagi menyampaikan salam takziah dan menyerahkan kutipan derma dari pelajar-pelajar Kolej Kediaman Ketujuh.

FORUM: AKHLAK DAN KEMANUSIAAN

PERSATUAN Mahasiswa Universiti Pertanian Malaysia telah menganjurkan forum yang bertajuk Akhlak dan kemanusiaan dari segi pandangan Islam, Buddha dan Kristian dalam Minggu Pemurnian Akhlak pada 5 Januari 1991 di Panggung Percubaan.

Ahli panel yang dijemput adalah Dr. Eng Kam Weang dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr. Ibrahim Hj. Che Nor juga dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Banti Pian Cillus dari Pusat Budha Singapura.

Forum ini bertujuan untuk menyedarkan mahasiswa mengenai kepentingan perpaduan di kalangan mereka dan menonjolkan fitrah dan akhlak manusia dari berbagai pandangan agama.

Dr. Ibrahim Che Nor telah membuka tirai perbincangan forum dengan Firman Allah:

"Sesungguhnya Allah menyuruh manusia berlaku adil dan simpati".

Beliau telah mengemukakan bahawa Allah telah menyeru manusia tidak kira agama, bangsa dan warna kulit untuk berlaku adil dan bersifat pemaaf.

Ia merupakan akhlak yang diwajibkan bagi orang Islam dan beliau percaya begitu juga dengan agama lain.

Beliau telah menyenaraikan semua sifat-sifat akhlak sama ada sesama manusia,

binatang dan alam sekeliling.

Antaranya beliau menyentuh, Islam melarang keras umatnya menyakiti hati saudaranya sama ada dengan mengumpat, mengejek dan membuka rahsia orang, tidak amanah serta menfitnah orang.

Kata beliau lagi, Islam menggalakkan umatnya bersifat pemaaf, baik sangka, sabar, tolong-menolong di antara satu sama lain dan menjaga lidah apabila berkata.

Forum ini diteruskan dengan perbincangan dari panel kedua, Banti Pia Cillus yang mengaitkan nilai akhlak dan kemanusiaan.

Beliau telah mentakrifkan akhlak dengan berbuat baik kepada manusia dan alam sekeliling dengan mengutamakan 5 prinsip Budha iaitu Kebahagiaan, Kesejahteraan, Kebebasan, Kebenaran dan Kedamaian.

Tambah beliau lagi, Budha menekankan sifat sayang-menyayangi di antara satu sama lain dan menghargai kecantikan alam di samping memeliharanya daripada tercemar.

Beliau meneruskan perbincangan dengan menerangkan Budha melarang perangai yang tidak bermoral seperti membunuh, mencuri, merogol dan memfitnah orang.

Kesimpulannya beliau berkata, Budha amat mementingkan perhubungan baik di antara

manusia dengan manusia, manusia dengan haiwan dan manusia terhadap dirinya sendiri.

Selepas itu, panel terakhir Dr. Eng Kam Weng telah membicarakan akhlak dan kemanusiaan menurut pandangan Kristian.

Beliau berkata, Kristian mempunyai 4 prinsip iaitu 'Restless', 'Realistic', 'Relational' dan 'Responsible'.

'Restless' iaitu keresahan seperti yang diterjemahkan oleh Dr. Eng Kam Weng adalah kekosongan jiwa yang perlu diisi dengan kerohanian diri dan 'Realistic' ialah realiti kehidupan yang biasanya pahit mesti diterima oleh manusia dengan tabah.

Beliau menguraikan 'Relational' yang bermaksud hubungan di antara sesama manusia yang mesti dijaga dengan baik dan akhlak yang tinggi.

Akhir sekali beliau telah mendefinisikan 'Responsible' iaitu tanggungjawab sesama manusia dan alam sekeliling dan mengatakan Prinsip Agung Kristian adalah kasih Tuhan sepenuh hati dan kasih saudara seperti kasih diri sendiri.

Setelah semua panel mengemukakan pendapat masing-masing, sesi soal jawab dibuka kepada penonton.

Pelajar dari Bachelors Sains Pertanian, Tahun 2 telah mengemukakan soalan mengenai perhubungan di antara lelaki dan perempuan yang

duduk serumah tanpa ikatan yang disahkan oleh agama masing-masing adakah, dibenarkan oleh agama mereka.

Dr. Ibrahim Che Nor bagi agama Islam dengan tegasnya menjawab bahawa perhubungan sedemikian rupa adalah diharamkan dalam Islam. Manakala ahli panel yang lain, Banti Pian Cillus bagi pihak Budha mengatakan perhubungan seperti ini dibenarkan jika setiap ahli rumah itu mempunyai disiplin yang kuat dan tidak melakukan perkara-perkara yang terlarang.

Seorang lagi pelajar telah mempersoalkan adakah dengan mengikut segala peraturan agama yang disenaraikan boleh menjamin kejayaan seseorang hidup di dunia ini.

Bagi pihak Kristian, Dr. Eng Kam Weng telah menjawab yang hidup ini mesti ada kekurangan dan manusia tidak boleh berjaya sepegunuhnya dalam hidup ini.

Dr. Ibrahim Che Nor juga menyetujui dengan jawapan yang diberikan oleh Dr. Eng Kam Weng sambil menambah, manusia perlu berusaha sedaya upaya untuk mencapai hidup yang paling berjaya tanpa melupakan kekuasaan Tuhan yang menentukan kada kadar kehidupan manusia.

RAHA R.

UMAT ISLAM PATUT JADI PEMIMPIN, KATA PROF. KAMAL

UMAT Islam sekarang ini berada diambang kehancuran terutamanya kerana masing-masing mementingkan kelompok, demikian kata Timbalan Rektor Universiti Islam Antarabangsa (UIA) Prof. Dr. Kamal Hassan di sambutan Maal Hijrah UPM di Panggung Percubaan baru-baru ini.

Katanya, umat Islam jauh ketinggalan dalam semua bidang termasuk politik, ekonomi, ketenteraan dan teknologi.

Katanya, faktor inilah yang menyebabkan umat Islam menjadi hina di mata dunia sedangkan seruan Al-Quran supaya umat Islam menjadi kuat dan digesuni oleh golongan bukannya Islam.

"Umat Islam sepatutnya menjadi pemimpin kepada bangsa-bangsa yang hidup di dunia ini kerana ia merupakan umat pertengahan dan menjadi saksi di atas keadilan tetapi apa yang berlaku sebaliknya", katanya,

Beliau berucap sempena sambutan Maal Hijrah dan Maulidur Rasul pada 2 Oktober lalu dengan tajuk ucapan: "Cabaran Kepada Umat Islam di Malaysia Kini".

Prof. Kamal juga memberi sedikit analisis tentang politik antarabangsa dekad ini, beliau berkata, banyak perkara besar yang tidak terduga telah berlaku yang mengimpikan perubahan dan pengajaran kepada dunia.

Sebagai contoh, seperti pengunduran tentera Rusia dari Afghanistan; penyatuan Jerman Timur dan Jerman Barat; berakhirnya persengketaan Iran dan Iraq; berakhirnya perang dingin di antara Amerika dan Rusia; kemenangan parti Islam di Negeria dan Jordan dan yang terbaru penaklukan Iraq ke atas Kuwait. Menurutnya juga, antara sebab yang membawa umat Islam kepada kehinaan ialah kerana

kebanyakan pemimpin dan rakyat memiliki semangat kecintaan kepada dunia, sangat gilakan kuasa, kedudukan, gilakan harta seperti kereta dan sebagainya.

"Umat Islam sekarang ini mudah terikut-ikut dengan pola tamadun sekularistik dan kapitalistik untuk mengejar kesenangan sementara persis seorang seorang Qarun seperti yang digambarkan oleh Allah dalam surah Al-Qasas ayat 79", tegasnya.

Tambahnya, keghairahan berpolitik yang tidak berteraskan budaya ilmu juga memungkinkan sesuatu umat itu berpuak-puak dan akhirnya akan membawa kehancuran.

Sehubungan itu beliau mengingatkan bahawa kehancuran sesuatu umat berpunca daripada ketidakpatuhan kepada peringatan Allah dan tidak mengikut ajaran nabi.

Bakhari Ariff

KEGIATAN PUSAT ISLAM

HUSAIN MOHAMED

NAIB Canselor UPM, Tan Sri Dr. Nayan Ariffin menyeru agar setiap anggota kampus ini dapat meluangkan masa untuk menghadiri kegiatan Pusat Islam dalam menghidupkan program yang disusun oleh Pusat Islam universiti ini.

Katanya, setiap majlis yang dijalankan akan menghidupkan suasana Islam yang boleh membawa masyarakat kampus ke arah ketakwaan dan akhlak mulia di samping mengeratkan silaturahim di kalangan anggota kampus.

"Masyarakat kampus hendaklah berusaha untuk meningkatkan produktiviti dan mencapai kecemerlangan dalam setiap aspek kehidupan yang diceburi", katanya di dalam Buku Cenderamata Sambutan Maal Hijrah dan Maulidur-Rasul 1411 UPM.

Sementara itu, Pengarah Pusat Islam UPM, Prof. Madya Dr. Haji

Amat Juhari Moain dalam ucapannya di majlis forum berkata, umat Islam terutama masyarakat kampus perlu memberi sokongan dan bantuan kepada program yang dijalankan oleh pihaknya.

Melalui program ceramah dan kegiatan yang diadakan akan memberi kesedaran ke arah pembangunan Islam dari segi fizikal dan rohaniah dan tidak secara langsung menjalinkan hubungan yang erat di antara satu sama lain.

Sambutan Maal Hijrah dan Maulidur-Rasul 1411 yang dirasmikan oleh Pengarah Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan, Haji Zainal Haji Abdul Kadir mengadakan beberapa ceramah dan forum.

Ceramah disampaikan oleh Prof. Dr. Mohd. Kamal Hassan (UIA) yang bertajuk Cabaran Kepada Umat Islam di Malaysia Masa Kini dan Prof. Madya Dr. Budah Mohsein



Prof. Madya Dr. Haji Amat Juhari Moain.

(UKM), (Al-Hadith Nabi s.a.w. Sebagai Pesan Hukum Dalam Islam).

Dr. Siddiq Fadhil dari Universiti Kebangsaan Malaysia turut memberi ceramah bertajuk Matlamat dan Pendekatan Hijrah di Malaysia.

Forum yang bertajuk Peranan Kita Dalam Penghayatan Islam di kampus juga diadakan dan ahli panel ialah Tan Sri Ainuddin Wahid (Yadim), Datuk Dr. Mansur Salleh (ITM), Dr. Mohd. Manuty (UIA) dan Prof. Ir. Abang Abdullah Abang Ali (UPM).

CERAMAH MUNAKAHAT DI KK3

Oleh: Ahmad Shafrin Abdul Aziz

SEKRETARIAT Kerohanian KK3 dengan kerjasama Unit Kerohanian HEP akan mengadakan satu siri ceramah yang berkaitan dengan bab munakahat (perkahwinan).

Menurut jurucakap Sekretariat Kerohanian KK3, tajuk-tajuk yang akan dibincangkan mengikut kronologi dimulai dengan tajuk yang berkaitan dengan kriteria memilih jodoh dan

pertunangan, diikuti dengan alam perkahwinan dan penjagaan anak seterusnya penceraihan.

Di antara objektif siri ceramah munakahat ini ialah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar mengenai ilmu munakahat, memberi landasan yang sesuai dengan syariat Islam kepada pelajar-pelajar yang akan menempuh alam perkahwinan, memberi gambaran ke-

pada para pelajar tanggungjawab sebelum dan sesudah memasuki alam perkahwinan dan mempelbagaikan pengetahuan ilmu-ilmu Islam di kalangan para pelajar.

Dijangkakan lima siri ceramah dapat diadakan. Ceramah pertama dijadualkan pada 22/12/90 dan ceramah seterusnya akan diadakan selang dua minggu dari tarikh tersebut.

Siri ceramah ini di-

jangkakan berakhir pada 2/3/91. Menurut jurucakap itu lagi setiap siri ceramah itu berlangsung selama dua jam dari pukul 9 hingga 11 malam.

Pihak penganjur mengalu-alukan kedatangan pelajar-pelajar ke siri ceramah tersebut dan poster-poster pemberitahuan akan dikeluarkan oleh pihak penganjur untuk perhatian setiap pelajar.

Dipelawa kepada mahasiswa/i UPM untuk menghantar sebarang bahan yang berkaitan dengan soal-soal kerohanian. Hantarkan bahan-bahan anda ke alamat KAM. Blok Kemuning, KKCR.

SUKAN UPM

JAYANTHI MENANG 2 PINGAT EMAS SUKAN UNIV ASEAN

oleh — HUSAIN OSMAN

ATHLIT UPM, P. Jayanthi berjaya mengharumkan nama UPM dengan memenangi dua pingat emas di Kejohanan Sukan antara Universiti-universiti ASEAN di Bandung, Indonesia pada November 1990 lalu.

P. Jayanthi juga telah berjaya mencipta rekod bagi acara trek 1500 dan 3000 meter dan adalah di antara 17 peserta UPM daripada 28 peserta universiti lain yang mewakili MASUM.

Malaysia menduduki tempat ketiga dengan memungut 5 emas, 1 perak dan 6 gangsa sementara tuan rumah, Indonesia tempat pertama dengan emas (15), perak (20) dan gangsa (13).

Manakala naib johan ialah Thailand dengan 14 emas, 13 perak dan 10 gangsa sementara Singapura terakhir dengan 1 emas, 1 perak dan 5 gangsa.

Peserta UPM, Chan Kok Wah memungut pingat perak dalam acara dekatlon, Muhd. Yazid Imran (gangsa) acara lembing, Muhd. Safuan Taib dan Maulani Diman (gangsa) acara 4 x 100 meter dan P. Jayanthi dan Angeline Kong (gangsa) dalam acara 4 x 400 meter.

Manakala pemain tenis UPM, Alex Chai dan Kelvin Young memungut pingat gangsa.

Kontinjen UPM terdiri daripada Pengarah Ladang, Prof. Madya Dr. Shaeikh Awadz Abdullah; Ketua Unit Sukan, En. Yong Bang Kuang dan En. Abd. Majid Ambak.

Turut mewakili MASUM ialah Renganathan dan Lee Mei Lin (trek), Mohd. Nizam Mohd. Karim, Ariffin Hj. Che Yahya, Chan Kok Wai dan Poobalan (bola sepak).



P. Jayanthi



Chan Kok Wah



Mohd. Yazid Imran



Mohd. Safuan Hj. Taib



Maulani Diman



Angeline Kong



Alex Chai Su-Hean



Kelvin Yong Wei Shih



Renganathan a/l Kaliappan



Lee Mee Lin



Mohd Nizam Mohd Amin



Ariffin Che Yahava



Chan Kok Wai



Poobalan Trifchelvam



Chan Swee Hwa

PERASMIAN KELAB SOFBALL KPZ

Oleh: SUHAIMI AHMAD

MAJLIS perasmian Kelab Sofbal Kolej Pendita Zaaba (KPZ) telah diadakan di bilik VIP Kolej Pendita Zaaba yang dirasmikan oleh Pengetua KPZ, Tuan Haji Ali bin Yaacob dengan diberi nama 'SIGMA NINERS'.

Dalam ucapan dasar Tuan Haji Ali mahukan setiap ahli kelab memahami falsafah penubuhan kelab dan lebih menekankan tentang disiplin berpasukan di samping kebolehan yang sedia ada berserta ketahanan mental yang lasak.

Beliau menegaskan, "setiap ahli perlu patuh kepada arahan jurulatih semasa di padang".

Ini adalah kerana setiap pemain adalah bertanggungjawab ke atas kemenangan dalam sesuatu perlawanan.

Menurut Pengarah Majlis perasmian, Saudara Elias Ibrahim, antara matlamat penubuhan ialah:

- Menjaga kepentingan pasukan

kolej.

- Merancang aktiviti latihan dan pengembangan.
- Memupuk semangat kekeluargaan.
- Melatih ahli berorganisasi dan bermasyarakat.
- Presiden Kelab, saudara Sufain Ahmad berharap agar kelab ini mencapai objektif dengan mewujudkan sikap kerjasama, semangat yang kental, pemikiran yang kreatif dan peningkatan kepada pasukan. Beliau merasa bangga kerana dengan penubuhan kelab maka organisasi lebih sistematis.

Turut hadir dalam majlis ini ialah Fellow, Cik Shari-zad Yusoff selaku penasihat kelab, Timbalan Presiden Kolej, Saudara Mustafa Kamal bin Ismail dan seramai enam puluh orang ahli



Peserta sedang berehat di puncak Gunung Ledang.

PERKHEMAHAN KARATE-DO

PERSATUAN Shito-Ryu Karate-Do telah mengadakan perkhemahan pada 5-7 November 1990 di Gunung Datuk, Tampin, Negeri Sembilan.

kan lebih ramai atlet yang bertaraf kebangsaan melalui program yang dijalankan.

Sementara itu, di antara penceramah di seminar ini ialah Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Encik Mohd. Salleh Mohd. Ali, Prof. Madya Dr. Leonard de Vries dari Pusat Pendidikan (USM), Prof. Khoo Kay Kim (UM) dan Pengarah Public Bank, Dr. Nordin Selat.

Peserta seramai 16 orang diketuai oleh pengerusi persatuan telah bertolak tepat pukul 9.30 pagi dari Kolej Kedua dan tiba di Kota, NS pada tengah hari.

Dari situ peserta-peserta telah meneruskan perjalanan melalui kampung dan terpaksa meredah kawasan sawah terbiar untuk sampai ke kaki Gunung Datuk iaitu lebih kurang pukul 3.00 petang.

Setelah bersusah payah para peserta akhirnya berjaya menawan puncak Gunung Datuk yang tinggi 2900 kaki tepat 6.00 petang. Keesokan paginya te-

pat pukul 10.00 pagi peserta-peserta menuruni gunung untuk sampai ke destinasi berikutnya iaitu Lubuk Petai.

Walaupun mengalami sedikit kesulitan, peserta telah selamat tiba di Lubuk Petai pada pukul 1.00 tengah hari, bermalam di sana dan berangkat pulang pada keesokan hari.

Secara keseluruhannya perkhemahan ini telah mencapai matlamat utamanya iaitu menambatkan keyakinan, semangat dan stamina ahli-ahli karate-do di samping mementingkan ketetapan masa.

PENTOMEN DAN DEMONSTRASI SILAT CEKAK

Oleh: MAZLAH AWANG

PERSATUAN Seni Silat Cekak Universiti Pertanian Malaysia (PSSCUPM) telah menyertai pertunjukan Pentomen dan Demonstrasi Silat Cekak Malaysia sempena Jubli Perak Cekak, di padang bola Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur, pada 29 Dis. lalu.

Seramai 28 siswa dan 12 siswi PSSCUPM telah menyertai pertunjukan yang dianjurkan oleh Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Wakil dari PSSCUPM telah diketuai oleh Mu-zaffar Shah Ghazali dan Ahmad Shamsuri Halah, ia merupakan acara pembukaan bagi perayaan Jubli Perak Cekak yang akan berlangsung di seluruh negara sehingga bulan Ogos

1991. Seramai 200 orang wakil dari pusat pengajian dan cawangan persatuan silat cekak di sekitar Lembah Kelang telah menyertai pertunjukan tersebut, 6 orang peserta dari PSSCUPM telah mengadakan pertunjukan menggunakan kaki dan 2 orang mengadakan pertunjukan menggunakan tongkat.

PSSCUPM juga bertanggungjawab bagi memastikan silat sebagai lambang kedaulatan kepelayaran bangsa Melayu terus kekal dan keutuhannya dimantapkan, ia juga bertanggungjawab bagi memastikan alam persilatan Melayu bersih dari segala amalan tahyul dan khurafat yang nyata bercanggah dengan akidah Islam yang maha suci.

Dari muka 20



Encik Wan Ahmad

tuk faedah pelajar. Seorang guru dari Melaka, Encik Kamaruddin Abdul Hamid pula berharap segala cadangan dan kritikan yang membina diperolehi hasil daripada seminar ini dapat dipraktik di sekolah dari masa ke semasa.

Manakala pelajar UPM, Wan Ahmad

Wan Manan berkata, usaha pihak FPP menganjurkan seminar PJ dan SS ini tidak secara langsung dapat melahir-

SUKAN UPM

UPM JUARA SUKAN MATRIKULASI DI USM

ROHAIDAH OMAR & JULIAH FADIR

PASUKAN UPM berjaya menjadi juara dalam 4 acara di Temasya Sukan Antara Pelajar-pelajar Matrikulasi di Universiti Sains Malaysia pada bulan November yang lalu.

Di antara universiti dan institusi pengajian tinggi tempatan lain yang mengambil bahagian ialah USM, UM, UKM, UUM dan ITM. Sebanyak 11 acara dipertandingkan termasuk kuiz di mana 4 pasukan UPM menjadi johan, 2 naib johan dan yang lainnya tewas di peringkat separuh akhir dan awal pusingan.

Pasukan bola sepak UPM merupakan pasukan tanpa kalah dalam temasya ini telah mempamerkan permainan yang hebat dan kemas berjaya menundukkan UUM di pertandingan akhir 4-3. Ketua pasu-

kan, Ahmad Shuhairil Abd. Shukur menyifatkan kejayaan tersebut adalah hasil kesungguhan dan latihan yang mencukupi di samping kecekapan penjaga gol, Zaidi Zakaria.

Manakala pasukan sepak takraw lelaki menumpaskan ITM, 3-0 dalam perlawanan akhir dengan penuh bersemangat setelah menyaksikan kegagalan pasukan tuan rumah dalam perlawanan pertama yang membolehkan pemain kita terus mara ke perlawanan seterusnya.

Pasukan kebanggaan hoki wanita pula menewaskan UUM, 2-1 dan dengan ini UPM berjaya mengekalkan kejuaraan dalam Temasya Sukan Matrikulasi dua musim berturut-turut. Nadi penggerak pasukan ini iaitu Cik Shahrizad Yu-

sof, pensyarah Biologi di PSA berkata kejayaan tersebut merupakan hasil daripada kegigihan dan kewibawaan pemain-pemain.

Pertandingan kuiz pula telah berlangsung di Dewan Syed Putra, USM di mana enam pasukan mengambil bahagian. Pasukan UPM yang diwakili oleh Razwin Sulairee, Mohd. Dzarfan Hussein, Mohd. Khairi Hussin dan Nor Azwady Abd. Aziz berjaya mempertahankan kejuaraan musim lalu dan membawa pulang piala pusingan setelah memerah otak menjawab soalan-soalan yang dikemukakan. "Kemenangan ini menjadi kebanggaan pasukan dan kemegahan semua khususnya pelajar-pelajar matrikulasi UPM", kata Razwin sebagai ketua pasukan.



Y.B. Datuk Prof. Ishak Tuan Kechik diperkenalkan kepada Ketua Kontinjen UPM.

Pasukan catur pula hanya tumpas dengan perbezaan mata yang sedikit iaitu 2-3 untuk keluar sebagai johan dan telah dirampas oleh pasukan USM. Walau bagaimanapun, pemain-pemain menunjukkan semangat yang tinggi biarpun pada akhirnya terpaksa mengaku kalah. Teknik kemahiran yang

mantap yang dipraktikkan oleh pemain-pemain kita telah berjaya meletakkan pasukan bola tampar lelaki sebagai naib johan setelah ditentang hebat oleh pasukan tuan rumah, USM yang menyandang gelaran juara. Pasukan wanita pula hanya mampu ke perlawanan separuh akhir di mana mereka telah kecundang di ta-

ngan pasukan UM, 0-3.

Pasukan lain yang tewas di peringkat separuh akhir ialah ragbi yang tewas kepada UM, 4-7. Pasukan badminton tumpas kepada USM, 1-4 bagi bahagian lelaki dan pasukan wanita tewas kepada UM. Manakala pasukan bola jaring gagal memasuki pusingan separuh akhir.

KK4 Menang Tipis

KOLEJ Kediaman Ke-4 muncul sebagai johan acara bola baling (W) dalam Kejohanan Sukan Antara Kolej baru-baru ini.

Perlawanan akhir antara KK4 dan KK3 yang berlangsung selama hampir setengah jam itu berakhir dengan keputusan 1-0.

Acara bola baling yang disenaraikan dalam module pertama Kejohanan Sukan Antara Kolej 1990/91 telah berlangsung selama dua hari berturut-turut di padang bola baling.

KK4 muncul sebagai johan bagi kedua-dua bahagian wanita dan Lelaki. Naib johan (W) dimenangi oleh KK3 manakala KTP dan PLK masing-masing di tempat ketiga dan keempat.

Naib johan bahagian lelaki disandang oleh PLK. Di tempat ketiga ialah KK2 manakala KK6 di tempat keempat.

BAHAGIAN PENTADBIRAN JOHAN BADMINTON

WAN AIDA WAN HASSAN

BAHAGIAN Pentadbiran telah muncul sebagai johan dalam Kejohanan Badminton Antara Fakulti/Pusat/Bahagian UPM 1990/91 yang berlangsung baru-baru ini.

Tempat kedua dimenangi oleh Fakulti Veterinar manakala tempat ketiga pula ialah Fakulti Sains dan Pengajian Alam Sekitar.


Selain daripada men-

jadi johan kejohanan tersebut, Bahagian Pentadbiran juga memenangi bahagian pemenang Fair Play melalui wakilnya, Cik Kamariah bt. Syukur.

Perlawanan pusingan akhir telah diadakan pada 11 Disember lalu bertempat di Panggung Percubaan, UPM. Hadiah-hadiah disampaikan oleh Yang Berbahagia En. Mohd. Nor Azman

Yaakub, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Shah Alam merangkap Timbalan Presiden Persatuan Badminton Selangor.

Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (HEP) UPM, Prof. Dr. Sulaiman b. Hj. Mohd. Yassin, En. Md. Suib Hj. Maulud, Major Sabtu Yassin, En. Yong Bang Kuang dan En. Mohd. Nor Mohd. Tan.



PLK menerima hadiah daripada Encik Marjohan Jamalis.

PLK JOHAN PING PONG

WAN AIDA WAN HASSAN

PLK muncul sebagai Johan bagi kedua-dua bahagian lelaki dan wanita dalam Kejohanan Pingpong Antara Kolej Kediaman baru-baru ini.

Tempat kedua bahagian lelaki dimenangi oleh KK3 manakala di tempat ketiga ialah

KK4.

Di bahagian wanita, KK3 berjaya menduduki tempat kedua. Tempat Ketiga pula dimenangi oleh KK2.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Penasihat J/K Pingpong UPM, Dr. Ghizan Salleh dan juga Pengerusi

J/K Kerja Pertandingan Sukan Antara Kolej Kediaman UPM, selaku Pengetua PLK, Encik Marjohan Jamalis.

Acara pingpong adalah di bawah anjuran PLK dan telah berlangsung selama tiga hari di Foyer Fakulti Perhutanan, UPM.

KOLAM RENANG \$6 JUTA AKAN DIBINA

M. ROSLAN ISMAIL

KOLAM renang yang menelan belanja hampir \$2 juta adalah di antara pelbagai projek pembangunan sukan yang akan dilaksanakan pada tahun ini dalam Rancangan Malaysia Keenam (RM6).

Ketua Unit Sukan UPM, Encik Yong Boeng Kuang berkata, beberapa gelanggang permainan akan ditambah dan dibaiki semula untuk kemudahan pelajar universiti ini dalam kegiatan sukan.

Dengan adanya kemudahan dan peralatan sukan yang lengkap, sudah pasti akan dapat melahirkan para atlet

yang bertaraf kebangsaan sekaligus mengharumkan nama universiti ini.

Zaiton Othman, V. Angamah, Mohd. Yazid Imran, P. Jayanthi, Mohd. Safuan Taib dan Sarah Chung adalah di antara atlet yang menaikkan imej UPM dan negara.

Kegigihan dan keceMERLANGAN mereka bukan sahaja dijadikan contoh dan teladan yang baik tetapi sebagai penyambung tradisi kehebatan atlet yang dilahirkan oleh UPM.

Katanya, selain kolam renang bertaraf antarabangsa itu, pihaknya ju-

ga bercadang membina kolam terjun tetapi masih dalam rancangan lagi.

Antara gelanggang yang ditambah ialah lapangan gelanggang tenis menjadi 15 semuanya, sepak takraw (6), squash (4), bola tampar (2) dan satu gelanggang bola keranjang dan trek olahraga.

Sebuah gimnasium sukan juga dibina yang mempunyai enam gelanggang badminton, latihan angkat berat dan gimnastik serta padang bola sepak dan hoki akan diperbaiki semula.

Encik Yong berkata, sukan baru yang akan

WAN AIDA WAN HASSAN



En. Yong Bang Kuang

diperkenalkan dengan kerjasama Majlis Sukan Negara ialah mendayung dan 'soft tenis'.

Beliau berharap pelajar terutama peminat sukan menggunakan peluang yang disediakan dengan sepenuhnya agar dapat mencapai hasrat universiti melahirkan lebih ramai atlet yang berjaya.

SEMINAR PENDIDIKAN JASMANI DAN SAINS SUKAN

Oleh: Suhaimi Ahmad

FAKULTI Pengajian Pendidikan (FPP), UPM telah menganjurkan Seminar Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan menjelang tahun 2000 yang bertemakan 'Cabaran dan Reformasi Dalam Pendidikan Jasmani dan Sains Sukan' baru-baru ini.

Berdasarkan kepada kepesatan kemajuan PJ dan SS masa kini, suatu usaha yang gigih perlu diwujudkan untuk mempertingkatkan penyelidikan dan kecemerlangan dalam bidang-bidang tertentu.

Seminar ini diadakan untuk:

- Mengenal pasti keperluan akademik dan profesionalisme PJ dan SS bagi menghadapi cabaran tahun 2000.

- Mendedahkan konsep serta pendekatan baru PJ dan SS.

- Menggalakkan penyertaan yang lebih meluas di kalangan ahli akademik dan profesional bagi mempertingkatkan penyelidikan dalam bidang PJ dan SS.

- Mengenal pasti potensi graduan-graduan Program Bachelor Pendi-

dikan (PJ), ahli akademik dan profesional bagi memenuhi keperluan dan cabaran tahun 2000.

Dekan FPP, Prof. Madya Mohd. Shah Haji Lassim berpendapat pada tahun 2000 bidang PJ dan SS ini memerlukan tenaga pakar yang sanggup memenuhi cabaran dan keperluan semasa.

Seminar itu, bukan sahaja bertujuan untuk melahirkan tenaga pakar tetapi mampu menjalankan penyelidikan yang diperlukan sebagai persediaan memperting-

katkan bidang PJ dan SS.

Menurut salah seorang peserta dari Johor, Encik Abdul Rahim Ismail, seminar sains sukan ini memberi pendedahan kepada peserta bagi menambahkan pengalaman dan pengetahuan.

Seminar seperti ini juga perlu diadakan di sekolah menengah supaya segala ilmu dan teori yang diperolehi dapat digunakan bersama un-